


**Jilid I
Bil. 13**

**Selasa
12 September 1995**



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	[Ruangan 1]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995	[Ruangan 19]
Rang Undang-undang Perancang Bandar (Pindaan) 1995	[Ruangan 32]
Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995	[Ruangan 41]
Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995	[Ruangan 57]
Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995	[Ruangan 70]
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	[Ruangan 19]

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K., J.S.M., J.E. (Dilantik).
- " DATO' ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- " TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- " TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- " TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- " DATO' CHET SINGH S/O KARAM SINGH (Pulau Pinang).
- " TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- " PUAN FARIDAH BINTI ABU HASSAN (Dilantik).
- " TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- " TUAN DING SELING (Dilantik).
- " TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- " TUAN ENG HOI CHOO (Dilantik - Wilayah Persekutuan).
- " TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- " WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Dilantik).
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN (Dilantik).
- " DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- " TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- " TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- " TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- " DATUK JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- ” PUAN KAMILIA BINTI IBRAHIM (Dilantik).
- ” TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik).
- ” PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- ” PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka).
- ” TUAN P. KRISHNAN A/L PERMUAL (Dilantik).
- ” TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATUK MAIDOM P. PANSAI @ PAUL PANSAI (Dilantik).
- ” TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN M.G. PANDITHAN @ NYANA PANDITHAN @ GANAPANDY-THAN A/L MUTHANDI (Dilantik).
- ” PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- ” TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- ” DATO’ HAJI MOHD. ZUKI BIN KAMALUDDIN (Dilantik).
- ” TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- ” DATO’ (Ir.) NG THIAN HOCK D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- ” TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- ” TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- ” TUAN HAJI SAIRIN BIN KARNO (Sabah).
- ” TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- ” PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).
- ” TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- ” DATO’ SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S, J.S.M. (Dilantik).
- ” TUAN TAN SON LEE (Kedah).

- Yang Berhormat TUAN TAN SWEE HUENG (Dilantik).
- ” DATO’ V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATO’ TING CHECK SII, D.I.M.P. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO’ G. VADIVELOO A/L GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- ” DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- ” DATO’ ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- ” TUAN M. ZEEVILL @ SHARMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Negara* : Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Hajah Supiah binti Dewak.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa 12hb September 1995

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
perkerusi Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN

MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**DOKTOR MENCABUL
KEHORMATAN GADIS—
TINDAKAN**

1. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kementerian sudah mengambil tindakan terhadap doktor yang didakwa mencabul kehormatan beberapa orang gadis yang mendapat rawatan di sebuah pusat rawatan kecil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu telah menyiasat perkara ini dengan memanggil semua yang terlibat. Didapati terdapat salah faham tentang cara berkomunikasi di antara doktor dengan pesakit di mana doktor berkenaan telah mengaku tidak memberi penjelasan yang secukupnya sebelum membuat pemeriksaan ke atas pesakit-pesakit tersebut. Ini telah menyebabkan pesakit-pesakit salah anggap di atas pemeriksaan yang telah

dilakukan. Pada masa ini, doktor berkenaan telah pun ditukarkan ke Hospital Kuala Terengganu.

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semalam Setiausaha Parlimen tidak menjawab soalan saya berhubung dengan pertanyaan saya adakah kerajaan sedar bahawa ada doktor-doktor kerajaan yang berkhidmat secara part-time di klinik-klinik swasta. Adakah pekeliling daripada Kementerian Kesihatan membenarkan doktor-doktor berbuat demikian? Kalau tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan semalam. Soalan ini tidak berkaitan dengan perkara yang kita bincangkan pada petang ini. Walaupun begitu, saya akan menjawab soalan yang berkenaan. Kementerian ada satu circular di mana doktor-doktor kerajaan tidak dibenarkan bekerja dengan sektor swasta pada masa ia sedang berkhidmat dengan pihak kerajaan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kata perbidalan: sebab nila setitik rosak susu sebelanga, oleh kerana walaupun doktor ini adalah profesion yang kita hormati tetapi kadang-kala ada dua tiga orang yang akhlaknya kurang elok atau kurang baik, mereka seronok dan ambil kesempatan daripada jawatan mereka.

Perkara seperti ini, bukan sahaja berlaku di hospital kerajaan bahkan di klinik-klinik pun ada berlaku dan gadis-gadis yang menjadi mangsa ini juga segan hendak melaporkan kepada polis sebab polis kena bertanya banyak soalan dan mereka pun segan, satu dunia tahu. Oleh kerana begitu, doktor lagi berani, sebab mangsa itu tidak berani hendak membuat laporan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat Tuan Ng, macam mana soalnya?

Tuan Ng See Tiong: Sebelum saya sampai kepada soalan, saya kena jelaskan untuk support soalan saya. *(Ketawa)* Oleh kerana itu, di sini saya minta pihak kementerian menyatakan apakah langkah-langkah yang patut diambil terhadap doktor-doktor yang tidak berakhlak?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah doktor dalam perkhidmatan kerajaan ialah 4,185 orang. Kes-kes seperti ini adalah 'isolated incident', bukan satu kes yang serius. Kalau ada sesiapa tidak puas hati, mereka boleh kompelin dengan Malaysian Medical Association atau pun jika ada berlaku apa-apa kesalahan, mereka boleh laporkan kepada polis.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi menyatakan silapnya adalah silap komunikasi. Jadi, kalau silap komunikasi ini nampaknya tidaklah timbul kesalahan di atas doktor ini, tetapi nama profesion doktor itu tercemar apabila ia terkeluar dalam surat khabar.

Jadi, adakah pihak kerajaan menimbang dan mengkaji untuk memberitahu orang ramai bahawa kesilapan yang berlaku di hospital itu hanyalah kesilapan komunikasi. Kalau tidak disebabkan kesilapan komunikasi, tidak ada apa-apa yang luar biasa, yang tidak baik berlaku dan sebaliknya mengapakah pula doktor ini ditukarkan apabila kesalahan itu hanyalah kesalahan komunikasi?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada Yang Berhormat itu adalah baik dan kita boleh ambil kira. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah cadangan atau pun soalan!

Dato' M. Mahalingam: Soalankah atau cadangan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan berbentuk cadangan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Jadi betullah, ya!

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya berkaitan dengan soalan ini, mungkin perkara ini timbul oleh kerana gadis-gadis atau pun wanita yang pergi itu membuat pemeriksaan sakit puan atau sakit yang melibatkan wanita.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapa orangkah sekarang ini pakar sakit puan dan adakah kementerian bercadang untuk menentukan supaya pakar-pakar atau pun doktor-doktor yang terlibat untuk mengendalikan kes-kes ini terdiri daripada wanita? Adakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan supaya bidang ini diberi keutamaan atau pun usaha-usaha dibuat supaya doktor-doktor yang mengendalikan kes-kes ini adalah terdiri daripada doktor wanita, kerana di negara ini kita mempunyai 50% penduduk wanita? Saya pun hairan. Kenapakah ada doktor-doktor lelaki yang berminat pula untuk mengambil pengajian pakar sakit puan ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada satu dasar di mana doktor wanita memeriksa pesakit wanita atau pun vice-versa. Tetapi kita ada keluarkan satu circular dari tahun 1969 iaitu Director-General Circular 15/69 dalam bahasa Inggeris yang mana kita

ada memberitahu kepada doktor-doktor baru yang akan datang mengenai circular ini.

Circular ini di dalam bahasa Inggeris dan saya baca:

“Examination of female patients. It is noticed that the medical officers when examining female patients, particularly in outpatient department, do not always carry out examination in the presence of third party. In order to prevent allegation which could cause embarrassment to both medical officer concerned and the government, the examination of female patients in hospital should at all time be carried out in the presence of a third party. The third party should be a female wherever possible. If this is not possible, it should be in the presence of a disinterested third party. Failure to comply this requirement of this directive, except in exceptional circumstances, would constitute a breach of discipline and the medical officer concerned will be held answerable and responsible for ensuring action brought against the officer.”

Inilah cara kita jalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu soalan lagi yang Puan Mastika tanya tentang berapa orang pakar sakit?

Dato' M. Mahalingam: Saya tidak ada angka, minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Minta notis. Okay, baik. Puan Hajah Kelsom binti Yaacob.

PENCEMARAN SUNGAI— KUASA BERTINDAK

2. Puan Hajah Kelsom binti Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan pencemaran

sungai masih berlaku, walaupun berbagai kempen telah dijalankan. Tidakkah kementerian bercadang untuk memberikan kuasa mutlak kepada satu agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran untuk menghalang dan menegah dari penerokaan tebing-tebing sungai, tidak hanya menyelenggara dan membuat laporan sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua sungai dan tanah kerajaan di tebing sungai adalah terletak di bawah bidangkuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, terserahlah kepada Kerajaan Negeri untuk menentukannya termasuk untuk mencegah pencemaran dan menghalang dari segi pencerobohan tebing sungai dan Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan khas bagi mengambil alih kuasa tersebut pada ketika ini.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri sedang berusaha supaya tanah-tanah kerajaan di tebing-tebing sungai yang penting diwartakan sebagai tanah rizab sungai. Ini adalah untuk memastikan bahawa agar rizab sungai itu dapat diuruskan dengan lebih sempurna dan berkesan bagi mencegah pencerobohan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abu Bakar, kalau tidak silap saya pada hari Rabu lepas ada satu soalan yang sama atau hampir-hampir sama dengan soalan ini dan Yang Berhormat telah menjawab. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji soalan-soalan dengan agak teliti dan rangkumkan soalan itu, dijawab sekali supaya tidak dijawab dua tiga kali pada soalan yang hampir sama. Terima kasih. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut.

TANAMAN TEMBAKAU— CADANGAN ALTERNATIF

3. Tuan Haji Shuib bin Haji Endut minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa kementerian masih memberi tumpuan terhadap penamaan tembakau di negeri Kelantan dan Terengganu sedangkan tembakau mengikut beliau bahawa di masa depan industri tembakau ini terpaksa bersaing dengan harga tembakau di dunia. Adakah kementerian mempunyai alternatif lain seperti memperkenalkan pertukaran tanaman tembakau kepada tanaman lain seperti akuakultur yang dikatakan memberi pulangan yang lumayan.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya masih memberi tumpuan kepada tanaman tembakau di negara ini termasuk di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu kerana tanaman tembakau masih memberi pendapatan yang berpatutan kepada penanam-penanam tembakau. Ini adalah kerana dengan perlindungan tarif yang sedia ada, industri rokok tempatan akan terus menggunakan tembakau tempatan kerana ianya lebih murah berbanding dengan tembakau yang diimport.

Buat masa ini, belum ada lagi keputusan untuk mengurangkan tahap perlindungan cukai bagi industri tembakau tempatan memandangkan kepada pentingnya industri ini bagi kemajuan tahap sosio-ekonomi sebilangan besar petani-petani di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Bagi alternatif lain selain daripada tanaman tembakau, kementerian saya bersedia menggantikan tanaman tembakau dengan

tanaman-tanaman lain, jika tanaman-tanaman tersebut dapat memberikan pendapatan yang setanding dengan tanaman tembakau.

Pendapatan daripada tanaman tembakau adalah lebih lumayan dan lebih stabil dibandingkan dengan pendapatan dari kebanyakan tanaman jangka pendek yang lain. Lagi pun, di negeri Kelantan dan Terengganu terdapat tanah beris (brisk soil) yang luas yang tidak boleh ditanam dengan lain tanaman selain daripada tanaman tembakau.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu ketika dulu tanaman tembakau di Sabah khususnya di Keningau cukup memberangsangkan. Malangnya, harga yang ditetapkan oleh pihak pembeli tembakau ini tidak begitu menggalakkan, ada double standard, dengan izin, untuk memberi harga.

Soalannya, apakah kementerian menyedari bahawa terdapat penindasan secara tidak langsung dari segi pemberian harga kepada tembakau yang ditanam di daerah Keningau, Sabah?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, masalah tanaman tembakau di Sabah tidak di dalam penjagaan Lembaga Tembakau Negara. Kadang-kadang orang Sabah, dia mahu kita datang dan kadang-kadang dia tidak mahu kita datang. Dengan itu, kita pun tidak tahu macam mana mahu tolong mereka (*Ketawa*) Kadang-kadang kita sudah datang, dia minta kita balik ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Haji Sairin bin Karno:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Sairin minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dengan itulah saya. . . .nanti, nanti, nanti. (*Ketawa*) Kalau diminta, Lembaga Tembakau Negara boleh pergi ke negeri Sabah dan masukkan perlindungan kepada industri penanaman tembakau di negeri itu dan haraplah dengan itu boleh mendapatkan pendapatan yang munasabah atau pendapatan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan sahaja, jangan minta soalan lain Tuan Haji Sairin.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ya, sedikit penjelasan. Barangkali semasa Kementerian atau masa itu kerajaan bukan Barisan Nasional. Sekarang Kerajaan Barisan Nasional, dipersilakan datang ke Sabah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas (*Ketawa*) Dia minta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dia bukan Kerajaan Negeri Sabah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah berterima kasih kepada Menteri yang telah menjelaskan bahawa tanaman tembakau telah memberikan satu pendapatan yang lumayan. Ada juga mencadangkan kalau ada tanaman-tanaman lain, boleh ditukar.

Tetapi apakah Kementerian tidak sedar bahawa ini telah bercanggah dengan satu dasar kerajaan yang berkempen untuk tidak merokok. Apakah ini Kementerian akan berusaha

terus untuk menentukan satu tanaman yang lain yang tidak berbentuk tembakau ini dilaksanakan dalam negara kita?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, walau Kementerian lain ada mencadangkan kempen untuk tidak merokok, tetapi manusia ada merokok juga dan jika kita tidak tanam tembakau sendiri, tembakau akan datang dari luar yang mana pertukaran wang asing akan ditambahkan lagi. Kalau kita boleh menolong petani-petani di Terengganu, Kelantan termasuk Kelantan yang ada di dalam tangan pembangkang pun, (*Ketawa*) kita akan menolong penanam-penanam di negeri-negeri tersebut dengan memberikan pendapatan yang lumayan dan yang berpatutan untuk menyelesaikan masalah sosio-ekonomi mereka. Kita boleh buat dan tidak payah pergi tukar jenis tanaman yang lain jika pendapatan tidak lumayan, dibandingkan dengan tanaman tembakau.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bolehkah Yang Berhormat jelaskan oleh kerana banyak tembakau ini ditanam di Kelantan, apakah Lembaga Tembakau Negara dan Kementerian Yang Berhormat mempunyai masalah dengan kerajaan Kelantan? Apakah sumbangan dalam membantu dan meningkatkan perusahaan tembakau di negeri Kelantan?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Pada masa sekarang kerajaan Kelantan tidak mengacau dalam tanaman tembakau, tetapi kalau mereka cuba mengacau dalam industri tembakau, saya sudah memberi warning kepada mereka, kalau mereka tidak mahu menanam tembakau di Kelantan, kita boleh berikan kuota-kuota kepada

negeri-negeri lain. Kalau mereka boleh bekerjasama, kita biarkan perusahaan ini dijalankan dengan licin, jika mereka kacau kita boleh pindahkan kuota-kuota ini kepa negeri-negeri lain.

STRATA TITLE—SEBAB LAMBAT DILULUSKAN

4. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa "Strata Title" lambat diluluskan;
- (b) berapa banyakkah permohonan untuk mendapatkan "Strata Title" oleh firma-firma perniagaan diterima sejak tahun 1994; dan
- (c) adakah denda "Strata Title" dikenakan kepada firma-firma perniagaan yang melambatkan dengan mendapatkan bayaran perkhidmatan (service charge) yang banyaknya RM6,000 kepada pembeli-pembeli atau penyewa-penyewa di bangunan berdasarkan Akta Tanah Negara.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengeluaran hak milik strata melibatkan beberapa pihak iaitu, pemohon, juruukur tanah berlesen, pejabat tanah, jabatan ukur, pengarah tanah dan galian dan pendaftar hak milik tanah.

Mengikut norma masa yang dipersetujui hak milik strata dapat dikeluarkan dalam tempoh 261 hari iaitu 8 bulan 3

minggu bagi permohonan yang lengkap dan mematuhi segala kehendak Akta Hak Milik Strata 1985, akan tetapi terdapat kes-kes di mana hak milik strata lambat dikeluarkan.

Hasil kajian di beberapa pejabat tanah menunjukkan bahawa di antara sebab-sebab kelambatan berlaku dalam pengeluaran hak milik strata adalah seperti berikut:

- (i) permohonan yang dikemukakan oleh tuan tanah tidak lengkap dan perlu dirujuk balik kepada pemohon oleh pejabat tanah;
- (ii) permohonan tidak memenuhi kehendak-kehendak Akta Hak Milik Strata 1985 atau peraturan-peraturan ukur, misalnya pelan strata yang dikemukakan mengandungi kesilapan dan ketinggalan yang perlu diperbetulkan oleh juruukur tanah berlesen;
- (iii) pemohon lambat mematuhi kehendak-kehendak pejabat tanah atau jabatan ukur;
- (iv) pemohon sendiri lambat menjelaskan bayaran-bayaran selepas kelulusan diberi;
- (v) juruukur tanah berlesen lambat menyiapkan 'pelan akui' untuk kelulusan oleh pengarah ukur; dan
- (vi) kelewatan pejabat tanah mendaftarkan hak milik strata.

- (b) Setakat 31hb Disember, 1994 sebanyak 1,425 permohonan telah diterima oleh pejabat-pejabat tanah di Semenanjung Malaysia termasuk Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Angka ini telah meningkat ke angka 1,673 pada 30 Jun, 1995.
- (c) Berhubung dengan soalan sama ada denda dikenakan kepada firma-firma perniagaan yang melambatkan permohonan untuk hak milik strata, Akta Hak Milik Strata 1985 memang mempunyai peruntukan di bawah seksyen 8 yang mewajibkan tuan tanah membuat permohonan untuk hak milik strata dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya bangunan berbilang tingkat telah siap iaitu telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) dan pemaju telah menjualkan mana-mana petak dalam bangunan tersebut. Tempoh yang dimaksudkan adalah 6 bulan dari tarikh perjanjian jual beli pertama ditandatangani atau 6 bulan dari tarikh CF dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian.

Kegagalan tuan tanah membuat permohonan dalam tempoh yang ditetapkan boleh didakwa oleh pejabat tanah dan jika disabit beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari pelanggaran tersebut berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup lengkap, tidak ada soalan tambahan ya.

ASRAMA KELOMPOK— CADANGAN PEMBINAAN

5. Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam mengatasi masalah pelajar-pelajar kawasan pendalaman, adakah kementerian bercadang untuk membina asrama-asrama kelompok bagi mengatasi masalah perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi oleh pelajar di pendalaman.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk membina asrama kelompok. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sememangnya telah dan akan terus menyediakan kemudahan pembelajaran termasuk penginapan untuk mengatasi masalah pelajar yang tinggal berjauhan dari sekolah terutama di kawasan-kawasan pendalaman.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan akan terus membina sebanyak 92 buah asrama sekolah di seluruh Malaysia.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 92 buah asrama sekolah yang dibina ini berapa buahkah asrama yang diperuntukkan bagi Negeri Sabah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang sekolah-sekolah berasrama akan dibina di Negeri Sabah, tetapi bilangan yang tepatnya saya tidak ada di sini, saya akan menjawab secara bertulis.

INSTITUT JANTUNG NEGARA—PENCAPAIAN YANG DIPEROLEHI

6. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh

manakah pencapaian yang dicapai oleh Institut Jantung Negara Kuala Lumpur sejak mula dibuka pada tahun 1993 dan berapakah jumlah pesakit miskin yang mendapat rawatan percuma di Institut Jantung Negara sehingga sekarang.

Dato M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Institut Jantung Negara (IJN) telah dikorporasikan pada 1 September, 1992 dan berfungsi mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah mereka.

Dari September, 1992 hingga Jun 1995, IJN telah memberi rawatan kepada 3,189 kes kecemasan, 112,303 pesakit luar dan 17,403 pesakit dalam, sebanyak 3,665 pembedahan jantung terbuka, 1,519 pembedahan jantung tertutup dan 309 pembedahan thorasik telah dijalankan dalam tempoh ini.

Sepanjang beroperasi, IJN juga telah memperkenalkan teknik-teknik rawatan baru dan menjalankan lebih dari 16 penyelidikan di dalam merawat penyakit jantung misalnya stress echocardiography, myocardial preservation, dengan izin.

Sejak tarikh tersebut sehingga tahun 1995, seramai 16,579 pesakit-pesakit tidak mampu telah menerima rawatan. Dari jumlah ini 11,294 adalah pesakit luar dan 5,285 pesakit dalam.

Tuan Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa pesakit daripada golongan miskin, jika mereka minta kurang bayaran terpaksa menunggu giliran yang sangat lama untuk mendapat rawatan daripada IJN?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan dari Yang Berhormat berkenaan, tempoh menunggu bagi seseorang pesakit untuk mendapat pembedahan di IJN bergantung kepada keadaan penyakitnya.

Satu, kes-kes yang ditahap tenat (emergency) dibela dengan segera. Kes-kes yang memerlukan pembedahan segera (urgent) diminta menunggu dalam jangka satu minggu. Kes-kes yang tidak begitu serius diletak di dalam senarai menunggu (waiting list), dengan izin, selama 6 bulan hingga 18 bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang bertanya tadi, ialah Yang Berhormat Tuan Eng Hoi Choo ya, sila Yang Berhormat Tuan Saad bin Haji Man.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati masih ramai terdapat pesakit-pesakit jantung di negara ini yang mendapat rawatan di luar negara pada masa sekarang. Apakah mungkin IJN tidak mempunyai cukup pakar atau kurang keyakinan daripada para pesakit terhadap kepakaran yang ada atau mungkin bayaran yang dikenakan lebih tinggi daripada rawatan di luar negeri? Diharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberikan penjelasan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, untuk meringankan beban kerja dan untuk menambah kemudahan rawatan kepada pesakit-pesakit jantung, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Jabatan Cardiothoracic di Hospital Pulau Pinang yang telah memulakan operasi dalam tahun 1994. Kementerian Kesihatan juga telah memutuskan untuk menubuhkan Unit Rawatan Jantung Cardiology di Johor Bahru dalam tahun 1996 dan Kuching dalam tahun 1997. Kos pembedahan di IJN adalah yang termurah di negara ini iaitu di antara RM14,000 – RM16,000 manakala pihak swasta mengenakan bayaran di antara RM25,000 – RM30,000.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mendapat maklumat bahawa pesakit jantung seramai 54,000 orang yang dibedah, apabila sembuh kekuatan tenaga mereka lebih daripada kebanyakan orang biasa. Contohnya, bila mereka mendaki bukit atau menjalankan sesuatu pekerjaan, kita tidak pernah nampak mereka yang sakit itu kepenatan. Maklumat ini saya pastikan ialah, salah seorang daripada mereka ialah Setiausaha kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri yang ada di Dewan ini dan saya pastikan juga ialah Yang amat Berhormat Dr. Mahathir sendiri dan Yang amat Berhormat Tun Ghafar Baba. Daripada angka yang positif yang saya sebutkan itu bolehkah dijadikan asas untuk melakukan pembedahan kepada pesakit-pesakit jantung supaya lebih confident.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah soalan itu terang?

Dato' M. Mahalingam: Soalan itu tidak terang (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Mahalingam kata tidak terang. Maksudnya macam mana? Cuba ringkaskan soalan itu

Dato' M. Mahalingam: Saya tidak faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba pendekkan sedikit soalan itu.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan mengenal pasti bahawa pesakit-pesakit jantung apabila dibedah mempunyai kekuatan yang lebih daripada kebanyakan orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang belum dibedah?

Tuan Saidin bin Mohamad: Yang sudah dibedah mempunyai kekuatan yang lebih daripada kebanyakan orang biasa.

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang kena bedah itu lebih bertenaga daripada orang biasa yang belum kena bedah.

Dato' M. Mahalingam: Contohnya Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja (*Ketawa*) Jadi soalan itu sendiri merupakan penjelasan dan Dato' mengesahkan penjelasan itu.

Dato' M. Mahalingam: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini interesting. Ada lagi soalan?

RUKUN TETANGGA—JUMLAH KAWASAN DAN SEKTOR

7. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sektor rukun tetangga yang terdapat di seluruh negara dan jumlah keahliannya; dan
- (b) bagaimanakah sambutan daripada rakyat dan apakah usaha-usaha ke arah mempertingkatkan lagi fungsi dan aktiviti-aktiviti yang lebih cemerlang menjelang tahun 2020.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan G. Palanivel): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kawasan dan sektor rukun tetangga sehingga

15hb. Ogos tahun ini adalah 1,514 buah kawasan. Jumlah keahlian di dalam kawasan rukun tetangga adalah seramai 5 juta orang dan jumlah ahli jawatankuasa rukun tetangga adalah seramai 30,000 orang.

- (b) Skim Rukun Tetangga yang diperkenalkan berserta dengan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan memperlihatkan bahawa penglibatan dan sambutan masyarakat kepada program ini amatlah menggalakkan. Dari Januari hingga Jun tahun ini sahaja sebanyak 4,040 aktiviti telah berjaya dilaksanakan dan telah berjaya melibatkan sejumlah 484,538 orang rakyat di negara ini.

Usaha-usaha ke arah mempertingkatkan lagi fungsi dan aktiviti-aktiviti yang lebih cemerlang dan berkesan menjelang tahun 2020 sentiasa diperbaiki. Kementerian sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi institusi Skim Rukun Tetangga dan juga melaksanakan aktiviti-aktiviti kejiranan yang dilaksanakan melalui institusi ini di seluruh negara.

Pemupukan semangat perpaduan dapat dilakukan melalui aktiviti-aktiviti ini. Berbagai-bagai kursus diadakan dan garis panduan disediakan sebagai usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kefahaman ahli-ahli jawatankuasa rukun tetangga bagi memudahkan mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti kejiranan. Di samping itu, sebagai insentif kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara telah memperkenalkan beberapa anugerah seperti 'Kawasan Rukun Tetangga Terbaik', 'Tokoh Jiran Wanita' dan

'Jiran Muda Cemerlang' sebagai satu sokongan dan pengiktirafan kepada mereka daripada jabatan dan kerajaan.

Pada keseluruhan kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara sentiasa berusaha untuk menjadikan rukun tetangga sebagai satu badan yang berkesan dengan mengambil kira kemudahan-kemudahan fizikal, kawasan dan sektor tetangga serta mempertingkatkan lagi imej rukun tetangga pada pandangan masyarakat umum ke arah yang lebih cemerlang menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat daripada jawapan pihak kementerian amatlah baik dengan perancangan-perancangan dan aktiviti-aktiviti yang begitu tersusun dengan kecemerlangan kejayaan dan sebagainya. Saya ingin bertanya, apakah 5 juta orang yang menjadi ahli kepada Skim Rukun Tetangga ini benar-benar beroperasi dan apakah pihak kementerian telah membuat kajian dan siasatan yang benar-benar rapi yang menentukan bahawa jumlah yang disebutkan tadi benar-benar berfungsi di dalam masyarakat? Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keahlian 5 juta orang dalam Skim Rukun Tetangga, biarlah saya memberi sedikit penjelasan. Bila kita cakap 5 juta orang, kita mengambil kira penduduk-penduduk di dalam kawasan rukun tetangga. Tetapi yang aktif yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti rukun tetangga dari Januari sehingga Jun tahun ini ialah lebih kurang 500,000 orang. Yang aktif dalam Skim Rukun Tetangga dari segi kepimpinan dan pentadbiran ialah 30,000 orang dan mereka ini adalah yang terlibat dalam Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Dari segi rancangan-rancangan kementerian, kita ada beberapa kumpulan sasaran iaitu 'Kumpulan Jiran Muda', 'Kumpulan Jiran Wanita', 'Kumpulan Jiran Usia Emas', dan 'Kumpulan Tunas Jiran'. Itulah kumpulan-kumpulan sasaran dalam rukun tetangga dan melalui kumpulan-kumpulan ini kita menjalankan rancangan yang tersusun untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam Skim Rukun Tetangga. Terima kasih.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak mengharapkan semua 5 juta ahli dalam rukun tetangga ini aktif dan berfungsi. Soalan saya, adakah semua sektor rukun tetangga dalam negeri kita ini memang berfungsi sebagaimana yang kita harapkan dan berapa sektor rukun tetangga yang tidak aktif langsung? Sekian, terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Susah hendak jawab berapa sektor rukun tetangga yang tidak aktif tetapi kita ada menjalankan kajian dari semasa ke semasa dan jikalau kita pasti ada rukun tetangga yang langsung tidak aktif, kita akan mengambil tindakan untuk reactivate sektor-sektor tersebut dan melalui tindakan itu pun kalau sektor-sektor itu tidak aktif juga kita akan bubarkan. Sehingga kini kita sudah bubarkan 10 sektor rukun tetangga dan 20 lagi sektor rukun tetangga sedang dalam proses tindakan untuk dibubarkan. Terima kasih.

JENAYAH JUVANA—BADAN KHAS UNTUK MENGATASI

8. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan akan menubuhkan

sebuah badan khas bagi mengatasi juvana yang melibatkan diri dalam kes jenayah sama ada jenayah kekerasan, harta benda atau sebagainya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun menubuhkan mahkamah khas mengikut peruntukan Akta Mahkamah Juvana 1947 bagi mendengar semua kes yang melibatkan juvana. Mahkamah khas ini disebut Mahkamah Juvana yang diketuai oleh seorang majistret kelas pertama dan dibantu oleh dua orang penasihat.

Di samping itu, akta ini juga menyediakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Juvana di peringkat daerah dan kawasan bagi membantu pegawai-pegawai akhlak menjalankan aktiviti pencegahan dan pemulihan bagi juvana yang bermasalah. Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah badan khusus di setiap institusi akhlak yang dinamakan Lembaga Pelawat bagi membantu insituti berkenaan di dalam usaha pemulihan dan penempatan semula juvana yang dimasukkan ke institusi tersebut ke dalam masyarakat.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar Yang Berhormat di samping menjelaskan di peringkat daerah ada Jawatankuasa Kebajikan Juvana dan saya dapati di daerah saya Jawatankuasa Kebajikan Juvana ini terlampau lama sehingga mereka sendiri pun ada yang bermasalah. Soalannya, apakah perlu dibuat penyusunan dan bagaimana penyusunan itu dibuat untuk menukar mereka yang menganggotai Jawatankuasa Kebajikan Juvana peringkat daerah?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih oleh kerana penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat. Oleh kerana itu, saya berjanji iaitu jabatan yang berkenaan akan menyiasat dan berjumpa dengan Yang Berhormat apabila mereka akan menyiasat perkara tersebut. Adakah ahli-ahli itu diganti atau tidak, iaitu terpulang kepada siasatan apabila sudah siap nanti.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah pada 15 tahun yang lalu kes-kes juvana ini amat kurang berbanding dengan keadaan sekarang. Apakah disebabkan penambahan penduduk ataupun belia-belia atau orang muda ini ataupun disebabkan sesuatu tindakan yang kurang berkesan oleh badan-badan yang bertanggungjawab?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi mungkin pada masa dahulu, iaitu kita semua tahu akta ini ditubuhkan dalam tahun 1947. Jadi, masa permulaannya perkara ini telah dipergiatkan, barangkali pengetahuan kita ataupun Ahli-ahli Lembaga Pelawat belum tentu dapat mengetahui apa yang beliau buat. Yang kedua, mungkin masa itu pegawai-pegawai yang menjaga rumah Tunas Bakti ini di mana-mana tempat, iaitu lebih kurang lapan tempat di seluruh negara, pada masa ini pegawai-pegawai pun telah sedar dan mengetahui tugas-tugas mereka. Yang ketiga, mungkin masalah yang ada Tunas Bakti ini barangkali berkurangan. Apabila mereka masuk dalam rumah institusi ini, segala masalah yang ada di dalam sekolah tersebut telah diselesaikan dengan

betul. Oleh kerana itu, mungkin sebab itu tidak ada banyak yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi.

INTERNET—TINDAKAN MENGELAK UNSUR LUCAH

9. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyak talian telefon yang akan diberi kepada JARING bagi membolehkan perhubungan INTERNET oleh rakyat Malaysia. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan unsur-unsur lucah dari INTERNET mempengaruhi rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, bilangan talian telefon yang dibekalkan kepada JARING adalah berasaskan keperluan semasa mengikut permintaan MIMOS, iaitu organisasi yang mengendalikan JARING. Pada bulan Ogos dan September 1995, sebanyak 200 talian tambahan dipasang. Sebanyak 600 talian lagi dijangka dipasang menjelang akhir tahun 1995.

Kerajaan berpendapat terdapat sangat banyak maklumat kerana berguna yang boleh diperolehi melalui INTERNET. Kerajaan juga menyedari tentang masalah unsur-unsur lucah dari INTERNET dan memandang serius tentang hal tersebut. Langkah-langkah sedang diambil dari segi dasar, undang-undang dan juga teknikal untuk menangani masalah yang timbul tanpa menjejaskan aliran bebas maklumat yang berguna melalui INTERNET.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu bahagian lagi soalan mengenai unsur-unsur lucah.

Datuk Abu Bakar bin Daud: Sudah jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jawab. Sila Dato' Zainol.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah merdeka 38 tahun. Kita sebagai tuan rumah di tanah air kita sendiri. Soalannya, adakah talian telefon juga sudah merdeka dan bebas, kerana sejak nama saya dicalon sebagai pencabar kepada Tun Daim selaku Ketua UMNO Bahagian Merbok, daripada sumber-sumber yang layak dipercayai, laluan telefon kita telah pun dirakam. Adakah ini amalan daripada pihak kerajaan, sesiapa juga yang agak mahu mencabar atau menjadi ancaman kepada kerajaan ataupun orang-orang yang dikasihi oleh kerajaan, dan penyokong-penyokong mereka ini dirakam.

Datuk Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, this is the price that we have to pay. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia cakap orang Putih.

Datuk Abu Bakar bin Daud: Inilah harganya yang kita kena bayar.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bagus, terjemahannya.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya belum dijawab, adakah talian juga turut merdeka? I am not worried about the price, tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab soal-soal mengenai peribadi dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya berhentikan dalam perkara ini begitu sahaja. Saya minta Tuan N. Marimuthu, sila.

Tuan N. Marimuthu: Tadi mengenai INTERNET tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Unsur-unsur lucu sudah dijawab atau belum? Dijawab di awal soalan, walaupun soalan itu menetapkan unsur lucu di akhir soalan, tetapi jawapannya di awal pada jawapan. Puan Mastika.

Puan Kamalia binti Ibrahim: You confuse my name with Mastika.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamalia, Maaf Puan Mastika.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dibuat di United States of America seperti yang dilaporkan dalam *Time Magazine* berapa bulan dahulu INTERNET ini memang mempunyai pengaruh yang sangat negatif, terutamanya dalam perkara unsur-unsur lucu. Apa yang telah didapati dalam kajian tersebut pengaruh ini berbahaya terutamanya kepada kanak-kanak. Berbahaya maksud saya memberi implikasi negatif kepada kanak-kanak. Soalan saya ialah walaupun kerajaan sedar bahawa perkara ini ada mempunyai unsur-unsur negatif, adakah kerajaan masih mahu meneruskan atau membiarkan laluan untuk INTERNET ini tanpa terlebih dahulu kerajaan menentukan mekanisma-mekanisma yang boleh menghalang kemasukan-kemasukan unsur-unsur lucu ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, inilah kita berada dalam dilema, kita mahukan kepada kemodenan dan ada unsur-unsur negatifnya, tetapi kena timbang banyak positif atau banyak negatif. Inilah yang kerajaan sedang menimbang dan perundangan akan dibuat serta kawalan-kawalan akan dibuat. Ada

unsur-unsur untuk mengawalinya, tetapi kalau hendak 100%, ini tidak terdaya. Faedahnya besar, tetapi kawalan mesti dibuat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkembangan maklumat yang begitu hebat sekarang dengan 'open-sky policy' yang mungkin terpaksa kerajaan adakan dan juga internet terpaksa dibebaskan, kalau tidak pun ia adalah sesuatu yang akan didesak dan akan diperlukan, tetapi yang penting ialah adakah kita mempunyai satu dasar komunikasi negara yang mana dasar ini menekankan kepada pendidikan bagaimana menangani maklumat, yang penting ialah supaya rakyat kita dan pelajar-pelajar kita dididik dengan nilai-nilai dan cara-cara tertentu untuk menangani maklumat. Jadi, saya ingin bertanya, adakah kita mempunyai satu dasar yang

Tuan Yang di-Pertua: Boleh menapis?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tidak, untuk mendidik rakyat kita supaya bijak menangani maklumat dalam menghadapi letupan maklumat sekarang ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, dari segi teknikal, bahan maklumat yang datang dari punca tertentu yang diketahui dan tidak diingini boleh ditapis oleh Joint Advanced Research Internet Working (JARING), dengan izin. Langkah yang sistematik boleh diambil untuk mengesan punca-punca berkenaan. Pemandangan-pemandangan negara perlu dibuat, dibawa kepada Dewan nanti, kerana kita ini baru dalam permainan dunia ini, cuma kita ada lebih kurang 7.000 subscribers sahaja

sekarang ini. Jadi, kita akan perbetulkan perkara-perkara ini apabila ianya datang, kita baru dalam dunia ini.

PELABURAN ASING— JUMLAH MODAL

10. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan banyak usahasama dan lain-lain cara telah dimeterikan perjanjian-perjanjian bagi usaha perdagangan untuk negara kita melalui kementerian beliau, setakat ini berapa banyakkah jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh negara/negeri berkaitan seperti:

- (a) England;
- (b) Amerika Syarikat;
- (c) India;
- (d) Bangladesh;
- (e) Pakistan; dan
- (f) Vietnam dan lain-lain negara yang berkaitan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1980 hingga bulan Julai 1995 jumlah penanaman modal pelaburan asing dalam negara kita adalah berjumlah RM98,186 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh ini jumlah pelaburan yang dilaburkan oleh:

- (a) United Kingdom termasuk England ialah sebanyak RM4,532.1 juta;
- (b) Amerika Syarikat—RM10,817.1 juta;
- (c) India—RM1,076.6 juta;
- (d) Pakistan—RM4.53 juta;

- (e) Bangladesh—RM3.5 juta; dan
- (f) lain-lain negara RM81,752.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada pelabur-pelabur daripada Vietnam yang melabur di negara kita.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit sahaja kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapakah pelaburan daripada negara Arab (Timur Tengah) kurang di negara kita, pelabur-pelabur seperti dari Saudi Arabia, daripada Kuwait seumpamanya iaitu negara-negara Teluk yang mempunyai kekayaan, walaupun saya fikir ada sedikit—sebanyak tetapi kenapakah jumlahnya begitu kurang sekali. Adakah oleh kerana rombongan perdagangan menarik pelabur di Timur Tengah ini tidak sehebat dibuat di negara Eropah ataupun di Amerika ataupun di Jepun dan seumpamanya?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, banyak usaha telah dibuat di Timur Tengah (Middle East), tetapi negara-negara seperti Saudi Arabia, Kuwait, Turkey dan lain-lain negara di sana lebih berminat melabur di Eropah dan di Amerika Syarikat. Apa sebabnya, kita tidak tahu.

PROJEK HIDROELEKTRIK BAKUN—KEBAIKAN DAN KEBURUKAN DALAM LAPORAN EIA

11. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) kebaikan dan keburukan yang utama tercatat di dalam laporan 'Environment Impact Assessment (EIA)' untuk Projek Empangan Hidro Bakun; dan

- (b) pendapat dan pandangan pakar-pakar dari luar negara.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Laporan Environmental Impact Assessment (EIA) Projek Hidroelektrik Bakun adalah tertakluk kepada peraturan "The Natural Resources and Environment (Prescribed Activities) Order 1994" dan Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak (NREB) masih lagi mengkaji laporan-laporan EIA berkenaan. Kebaikan dan keburukan ke atas alam sekitar disebabkan oleh pembangunan projek tersebut akan dapat dikenalpasti setelah semua laporan-laporan kajian EIA yang dijalankan selesai dikaji dan dirumuskan oleh Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak.
- (b) Kajian EIA terperinci Projek Hidroelektrik Bakun telah dijalankan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di mana seramai 123 orang pakar-pakar dari dalam dan luar negara terlibat dalam menjalankan kajian EIA tersebut. Pendapat dan pandangan pakar-pakar tersebut diambilkira dan dinyatakan di dalam Laporan EIA berkenaan.

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling diberi kuasa untuk melaksanakan prosedur EIA dan memastikan syarat-syarat yang dikenakan dalam kelulusan laporan EIA dipatuhi oleh pihak pemaju projek berkenaan.

Bagi projek-projek pembangunan kawasan yang tidak tertakluk kepada Perintah EIA, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak berkuasa meluluskan yang relevan, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pembangunan projek-projek berkenaan tidak menjejaskan alam sekitar.

Memandangkan terdapat banyak projek-projek pembangunan kawasan yang tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, disyorkan pihak tersebut supaya menggubalkan perundangan sendiri mengenai aktiviti-aktiviti pembangunan kawasan dengan melaksanakan langkah-langkah secara pentadbiran untuk mensyaratkan permohonan pembangunan kawasan seperti pembangunan di tanah bukit, padang golf dan pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar disertai dengan laporan kajian EIA.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Dato' Bakar, nampaknya Yang Berhormat menjawab bagi pihak dua kementerian?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Ini adalah untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua Soalan yang nombor 9 tadi?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 9 tadi, ada kaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Berkenaan Telekom hanya sedikit sahaja, tetapi dia pergi kepada JARING.

Tuan Yang di-Pertua Tetapi rasanya elok kalau kita nyatakan daripada awal lagi, bahawa perkara itu ada kaitan dengan kementerian untuk direkodkan, sebagai hakikatnya begitulah.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, itulah keadaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua Tidak mengapalah.

SIARAN TV MENGGUNAKAN PARABOLA— MEMPERKENALKAN

12. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang untuk memperkenalkan 'dish parabola' secara rasmi di negara ini bagi menonton siaran luar negeri;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan unsur-unsur negatif meresapi masyarakat Malaysia apabila parabola diperkenalkan; dan
- (c) apakah fees atau bayaran yang akan dikenakan untuk menggunakan 'dish parabola' ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Telekomunikasi, penggunaan parabola satelit televisyen masih tetap dikawal oleh kerajaan dan penggunaannya adalah khusus bagi keperluan terbatas sahaja. Ini adalah kerana kerajaan masih belum lagi memutuskan tentang dasar langit terbuka

bagi membolehkan rakyat Malaysia menerima secara bebas siaran televisyen daripada satelit yang menggunakan parabola. Namun begitu, kerajaan telah memutuskan bahawa rakyat Malaysia mulai tahun hadapan akan dibenarkan menikmati perkhidmatan satelit televisyen yang dikendalikan oleh MEASAT Broadcast melalui satelit Malaysia yang akan dilancarkan pada akhir tahun ini. Menurut cadangan itu, sebanyak 20 rangkaian satelit televisyen akan disalurkan bagi keperluan rakyat di negara ini. Bagi maksud tersebut, penggunaan alat parabola yang khusus akan dibenarkan untuk menerima signal daripada satelit MEASAT.

- (b) Pengusaha satelit televisyen dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen mereka dan juga garis panduan siaran televisyen. Antara lain, mereka perlu memastikan supaya program-program dalam siaran satelit televisyen itu hendaklah bersesuaian dengan nilai hidup masyarakat di negara ini. Di samping itu, mengelakkan penyiaran program-program yang mengandungi unsur-unsur negatif.
- (c) Kerajaan sedang mengkaji kadar bayaran satelit televisyen berkenaan.

**PEMANDU MABUK—
KEMPEN PENCEGAHAN**

13. Tuan Rahim bin Baba (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bila mulanya kempen mengesan pemandu kenderaan minum arak yang membahayakan pengguna-pengguna jalan raya;
- (b) keberkesanan alat pengesan pemandu mabuk;
- (c) tahap minimum bagi pihak Polis mengenakan kompaun;
- (d) berapakah jumlah yang berjaya ditahan semenjak alat ini dikuatkuasakan; dan
- (e) sejauhmanakah keberkesanan kempen yang telah dijalankan selama ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):**
Tuan Yang di-Pertua:

- (a) kempen penguatkuasaan untuk mengesan pemandu kenderaan yang memandu di bawah pengaruh alkohol telah dimulakan pada 1hb. Julai, 1995;
- (b) alat-alat yang digunakan didapati amat tepat dan berkesan;
- (c) kesalahan di bawah pengaruh alkohol merupakan kesalahan yang tidak boleh dikompaun yang mana semua denda akan diputuskan oleh pihak mahkamah;
- (d) setakat 18hb. Ogos, 1995 bilangan pemandu yang ditahan dan akan dibicarakan di mahkamah adalah seramai 241 orang, manakala ujian yang telah dilakukan ialah seramai 4,965 orang, iaitu 3,419 di Kuala Lumpur dan 1,546 di Petaling Jaya;
- (e) kempen ini adalah didapati berkesan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai akan

bahayanya seseorang memandu kenderaan di bawah pengaruh alkohol. Bagaimanapun, setakat ini adalah terlalu awal untuk mengukur keberkesanan kempen ini dari segi penurunan kadar kemalangan jalan raya memandangkan bahawa penguatkuasaan perundangan ini hanya baru bermula semenjak 1hb. Julai, 1995. Walau bagaimanapun, rekod pada bulan Julai, iaitu bulan pertama ujian diadakan, kadar kemalangan selepas waktu malam di Wilayah Persekutuan pada bulan Julai telah menunjukkan penurunan kepada 47 berbanding dengan 59 pada bulan Jun, 1995 dan 82 pada bulan Mei 1995.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya polis tahan orang yang minum arak ini pada waktu malam dan di belakang atau di depan karaoke atau di night club. Pada waktu siang orang minum arak tidak kena tangkap, ini bermakna seseorang yang hendak minum minuman keras dia memang berani minum pada waktu siang, tetapi pada waktu tengah malam mereka tidak berani kerana dia sudah tahu kerja polis pada waktu itu. Saya harap pihak kementerian dapat memberi penjelasan.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, daripada rekod yang diterima oleh kementerian, bahawa banyak kemalangan yang berlaku adalah disebabkan mabuk di waktu malam. Oleh kerana itulah ujian nafas ini dilakukan pada waktu malam iaitu selepas orang ramai balik dari pub. Namun demikian, kita belum ada rekod yang menunjukkan pada waktu siang hari ramai orang minum, tetapi jika ada bukti di masa hadapan, ramai orang

minum pada waktu siang kerana pada waktu malam mereka ditahan oleh polis, maka kementerian boleh menimbangkan untuk juga mengadakan peraturan pemandu mabuk ini di waktu siang hari tetapi setakat hari ini oleh kerana didapati tidak ramai yang minum di waktu siang, maka peraturan ini tidak difikirkan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tujuan soalan 13 ini adalah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya disebabkan orang membawa kereta minum arak sebelum itu. Tetapi ada juga yang minum arak yang tidak dapat ditahan oleh polis dan kemalangan akan juga berlaku di waktu akan datang ini. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengharamkan sekali minuman arak ini supaya kemalangan tidak akan berlaku, kerja polis tidak akan bertambah, dan kita juga hidup dalam aman damai mengikut rukun Islam?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Zuki, kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan orang ramai dari minum arak kerana arak ini boleh diminum oleh orang bukan Islam.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Maksud saya bukan kepada orang Islam tetapi kepada orang yang bukan Islam yang boleh minum arak.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Oleh kerana orang yang bukan Islam boleh minum arak, kerana itu kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan orang bukan Islam daripada minum arak. Yang kita lakukan sekarang ini ialah supaya mereka yang minum arak hendaklah tidak memandu. Oleh kerana itulah peraturan ini diadakan, tetapi kalau orang yang bukan Islam hendak

mencadangkan supaya mereka dilarang dari minum arak, itu mungkin boleh diambil perhatian.

**KAMPUS AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA DI
KELANTAN—CADANGAN
PEMBINAAN**

14. Puan Kalthom binti Othman minta Menteri Pendidikan menjelaskan kedudukan cadangan kampus tetap Akademi Islam, Universiti Malaya di Bachok Kelantan. Apakah projek itu ditarik balik atau bilakah ianya akan dilaksanakan kerana proses pengambilan semula tanah telah lama selesai dan pagar projek itu sudah mula runtuh sekarang.

Dato' Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, projek Akademi Islam, Universiti Malaya di teruskan pelaksanaannya, tetapi dipindahkan ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kerja tanah telah berjalan sebanyak 25% dan projek tersebut dijadualkan siap pada bulan Jun, 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan untuk dijawab.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 57 akan dijilidkan dalam buku berasingan)

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT DAN
PENANGGUHAN**

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul atas nama seorang Menteri seperti yang dibacakan sebentar tadi,

dikemukakan kepada Majlis untuk disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA SEKURITI
(PINDAAN) 1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (11hb September, 1995)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, sila sambung.

3.40 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan yang telah pun ditangguhkan pada petang semalam dan seterusnya saya ingin menyentuh tentang soal saham-saham amanah.

Saya mengalu-alukan peringatan yang telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengenai keghairahan sesetengah pihak untuk melancarkan saham-saham amanah khususnya oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Apabila harga saham berada di kemuncaknya pada tahun 1993 dan juga pada awal tahun 1994, kerajaan-kerajaan negeri telah pun secara berlumba-lumba menubuhkan saham-saham amanah sehinggakan pertubuhan-pertubuhan nelayan, pertubuhan-pertubuhan petani, persatuan-persatuan peladang, guru-guru pun turut sama memohon kepada Kementerian Kewangan ataupun kepada Securities Commission untuk menubuhkan saham amanah masing-masing dan cara sesetengah negeri mempromosikan saham amanah mereka ini seolah-olahnya sesuatu yang luar biasa dijanjikan kepada pelabur-pelabur.

Saya masih ingat lagi di mana salah sebuah negeri yang telah pun menganjurkan saham amanahnya, seolah-olahnya pada ketika itu rakyat diberikan gambaran seolah-olah

keseluruhan kekayaan negeri itu akan disalurkan kepada saham amanah yang dianjurkan oleh kerajaan. Jadi, pada masa itu, boleh dikatakan semua orang berlumba-lumba untuk membeli saham amanah ini.

Jadi, apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah supaya pihak Suruhanjaya Sekuriti juga mengingatkan pihak-pihak yang menganjurkan saham-saham amanah ini supaya tidak keterlaluan di dalam kempen-kempen mereka supaya tidak memberikan gambaran yang salah, gambaran yang tidak sebenarnya kepada pelabur-pelabur.

Kalau kita lihat sepertimana yang saya telah pun katakan tadi, Amanah Saham Selangor ataupun ASAS apabila dilancarkan dengan iklan di televisyen, iklan di radio, iklan di akhbar dan juga penerangan-penerangan seolah-olah rakyat diberikan gambaran kekayaan seluruh Negeri Selangor itu akan disalurkan melalui saham amanah yang akan dilancarkan. Begitu juga dengan negeri-negeri lain umpamanya Kedah, Terengganu dan lain-lain yang menganjurkan saham amanah tetapi apabila telah pun dipasarkan barulah kita tahu, rakyat yang mengambil pinjaman terpaksa membuat bayaran bulanan. Ada pula yang meminjam dengan bank dan membayar faedah sampai 10%, selepas itu dapat pulangan setengahnya tidak sampai pun 10%. Jadi, yang menerima kerugian adalah rakyat sendiri. Jadi, saya harap kepada Suruhanjaya Sekuriti supaya menghadkan cara kempen pihak-pihak yang menganjurkan saham-saham amanah ini supaya tidak menjadi salah tanggapan kepada rakyat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya yang ini boleh dilaksanakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan. Saya pernah bercakap di Dewan ini mengenai kadar faedah pinjaman perumahan yang dikenakan dikira pada kadar mengikut baki tahunan, 'yearly rest'.

Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun Timbalan Menteri tentulah sedar bahawa pinjaman-pinjaman yang diambil oleh peminjam-peminjam untuk membeli saham-saham amanah ini juga dikenakan mengikut kadar 'yearly rest' pada hal yang meminjam kena bayar tiap-tiap bulan dan saya percaya ini tidak payah perlu kajian sangatlah.

Dengan secara arahan ataupun buat pengumuman hari ini, semua pinjaman-pinjaman saham amanah hendaklah dikira melalui kiraan baki bulanan, bukannya baki tahunan seperti yang dikenakan sekarang ini kerana tidaklah adil pinjaman-pinjaman ini yang meminjam kena bayar tiap-tiap bulan tetapi bila kira 'interest', dikira setahun sekali dan banyak 'saving' yang boleh dilakukan sepertimana pinjaman perumahan telah pun dijalankan

Saya nampak Setiausaha Parlimen angguk lima, enam kali—setujulah itu. *(Ketawa)* Dia angguk lima, enam kali—sudah setujulah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Angguk bukan maknanya bersetuju. Saya ingat angguk itu, ada juga lain daripada setuju.

Tuan Rahim bin Baba: Tidak, kalau orang Melayu, kalau dia angguk, dia setuju. Kalau orang Jepun angguk, bermakna dia faham. Saya tidak tahulah, saya agak Setiausaha Parlimen, dia orang Melayu, maknanya dia setujulah. *(Ketawa)* Tetapi dia belajar Jepun, itu tidak tahulah.

Jadi, perkara ini walaupun kecil tetapi saya percaya Kementerian

Kewangan boleh memikirkan kerana dari segi untuk berlaku adil kepada peminjam-peminjam yang kebanyakannya orang kampung, yang dari golongan berpendapatan rendah supaya pinjaman ini dikira daripada kadar faedah mengikut baki bulanan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya timbulkan ialah kita lihat dua, tiga hari sudah, saya pun ada membaca pengumuman oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Walaupun bukan merupakan satu rungutan tentang peranan 'fund managers' kita—'local fund managers'. Mereka ini lebih merupakan sebagai pengikut, bukannya sebagai penentu kepada pasaran saham kita. Mereka ini lebih mengikut rentak 'fund managers' dari luar negara. Mereka ini bukannya hendak menentukan.

Sepatutnya badan-badan seperti KWSP, PNB dan juga 'fund managers' yang lain, mereka inilah sepatutnya menjadi 'leader' kepada pasaran saham kita. Bukannya mereka ini menjadi pengikut seperti juga pelabur-pelabur yang lain. Itulah sebabnya pasaran saham kita jatuh sekarang ini, menurun kerana apabila 'foreign fund managers', 'fund managers' daripada luar mula berundur, 'fund managers' yang 'local' ini, yang besar-besar ini pun turut sama mengundurkan diri.

Apabila 'fund managers' daripada luar ini masuk, mereka pun turut sama masuk. Jadi, saya berharap.

Tuan Yang di-Pertua: Macam Pak Turutlah.

Tuan Rahim bin Baba: Memang. Pendeknya seperti Pak Turutlah. Jadi, kita tidak mahu 'fund managers' ini jadi Pak Turut kepada pasaran saham kita. Biar mereka ini menjadi penentu. Saya

tidak tahu bagaimana caranya supaya mereka ini boleh menjadi penentu kepada pasaran saham kita.

Sebenarnya, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. 'Foreign fund' bukan banyak pun. Hanya 19%. Dia angguk, maknanya betul. Hanya lebih kurang 19% ke-20% sahaja 'foreign fund' yang ada di negara kita tetapi malangnya yang 19%, yang 20% ini yang menentukan pasaran saham kita. Bukannya yang 80% tadi. Jadi, kita berharap supaya 'fund managers' kita juga akan memainkan peranan yang setimpal dengan kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara spesifik tiga perkara utama di dalam akta ataupun di dalam rang undang-undang yang telah pun diluluskan, yang telah pun dicadangkan khasnya mengenai Fasal 7 di mana, "kuasa menteri untuk memberikan arahan dan juga menghendakki maklumat". Saya hanya menyentuh seksyen 19(1) di mana menteri boleh dari masa ke semasa memberikan arahan kepada suruhanjaya yang tidak konsisten dengan akta ini berhubungan dengan fungsi-fungsi suruhanjaya dan arahan-arahan itu hendaklah mengikat suruhanjaya.

Saya tidak mempertikaikan kewibawaan suruhanjaya sekarang. Kita memang tahu suruhanjaya kita adalah satu suruhanjaya yang sungguh profesional. Mereka itu menjalankan tugas dengan sungguh profesional. Apa yang kita harapkan supaya hanya dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja dan keadaan-keadaan yang paling terdesak barulah pihak menteri yang berkuasa mengenai Suruhanjaya ini akan membuat arahan-arahan.

Kita tidak mahu dari pandangan luar, seolah-olah suruhanjaya kita ini mengikut kehendak daripada menteri

yang menjaga kuasa suruhanjaya ini. Kita hendak biarlah suruhanjaya ini satu suruhanjaya yang benar-benar bebas, benar-benar profesional dan boleh menjalankan tugas dan juga peranannya tanpa diarah oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pengambilalihan, percantuman dan juga pengambilalihan wajib, iaitu muka surat 25 di mana diberikan pengecualian terhadap mana-mana orang atau pun tawaran pengambil alihan yang tertentu atau pun kepada mana-mana golongan kategori dalam hal-hal yang telah pun disebutkan di atas.

Saya berharap pemberian pengecualian ini jangan keterlaluan. Biasanya, saya tengok ada banyak rang undang-undang yang lain pun saya lihat ada—kita buat rang undang-undang, last sekali ada pula satu ayat 'walau bagaimana pun boleh dikecualikan dengan arahan-arahan pihak menteri atau pun sebagainya.'

Dalam soal pemberian pengecualian ini, biarlah kita berhati-hati, jangan sampai ada pihak, seperti mana yang telah pun saya katakan tadi yang menuduh dan menganggap seolah-olah dia boleh mendapat pengecualian dengan mudah daripada Suruhanjaya Sekuriti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penghabisan yang ingin saya sentuh ialah mengenai Fasal 18 iaitu memberikan indemniti kepada suruhanjaya. Anggota suruhanjaya atau pun jawatankuasanya diberikan indemniti dalam menunaikan fungsi pengawalseliaan ataupun pelaksanaan asalkan ianya bertindak dengan niat yang suci hati.

Saya berharap supaya jangan pula ada pihak-pihak Suruhanjaya Sekuriti yang menggunakan fasal ini untuk

tujuan-tujuan tertentu dan untuk mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat berkenaan atau pun dengan semudah dan sesuka hatinya membuat penyiataan-penyiataan atau pun membuat penganiayaan-penganiayaan. Kerana masalah "dengan niat suci hati" ini adalah satu perkara yang agak sukar juga hendak dibuktikan.

Dalam keadaan sekarang, saya yakin kepada kemampuan Suruhanjaya Sekuriti. Walau bagaimanapun, jangan pula dengan adanya indemniti ini pula, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan semasa menjalankan tugas masing-masing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada yang hendak berbahas lagi? Jadi saya menjemput pihak Menteri Kewangan iaitu Timbalan Menterinya, Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar yang handsome, sila menjawab.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang sahabat saya iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan juga Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang telah membahaskan pindaan rang undang-undang yang dibentangkan ini dengan panjang lebar, dengan mendalam dan mengambil masa dua hari.

Dari perbahasan hujah-hujah yang dibawa oleh kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa

kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat ini sebagai orang korporat yang memahami kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip di dalam pasaran modal negara secara mendalam. Cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang diberikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang banyak merupakan cadangan dan teguran yang konstruktif akan diambil kira oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa isu mengenai pasaran modal negara. Sebilangan isu-isu ini adalah isu-isu yang sama, iaitu sama-sama diketarakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat atau pun common issues yang mereka utarakan itu. Saya pohon menjawab isu-isu yang sama ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, mengenai dengan gagasan People's Capitalism yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga isu meliberalisasikan pemegangan saham oleh bumiputera yang diberi sahamnya di dalam exercise tawaran khas iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Ingin saya nyatakan di sini, apa yang diberikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu adalah dari perspektif orang-orang korporat dan dari perspektif maximization of profit, dengan izin. Jawapan saya, perspektif itu baik, dan semasa saya menjadi seorang anggota korporat dahulu pun, saya memegang kepada perspektif-perspektif ini.

Misalannya, apa perlu kita tahan bumiputera daripada menjual? Malah, penjual itu boleh mendapat margin yang banyak dan dia boleh menyumbangkan kecairan kepada pasaran saham yang pada dasarnya ialah membaiki pasaran saham itu. Tetapi

apa yang saya akan memberi jawapan hari ini ialah daripada perspektif kerajaan. Oleh kerana saya sudah masuk dan duduk di dalam sebagai anggota kerajaan, minta maaflah kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu. Saya terpaksa memberi perspektif kerajaan yang melihat pada keseluruhan pasaran sebagai "bapa", bukan sebagai pemain di dalam pasaran itu.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Barisan Nasional di dalam usaha menyusun semula rangka atau pun struktur ekonomi negara, ianya ingin melihat pemegangan ekuiti oleh bumiputera di dalam pasaran saham meningkat ke tahap yang dirangkakan atau pun yang direncanakan.

Cara pertama untuk merealisasikan tujuan ini ialah pemberian khas saham-saham yang hendak disenaraikan. Pemberian ini bukan sahaja diberi kepada pemegang atau pun pelabur-pelabur bumiputera yang kecil, malah kepada pelabur-pelabur bumiputera yang besar melalui yaysan dan badan-badan amanah yang mempunyai kepentingan bumiputera. Jadi, kita beri keseluruhannya.

Jikalau kerajaan tidak mengenakan beberapa syarat yang tertentu di dalam pemberian ini, iaitu untuk memastikan pegangan ini terus berada di dalam tangan bumiputera, maka hasrat kerajaan tentu sekali terjejas, iaitu memastikan bahawa pegangan bumiputera di dalam bidang modal korporat dinaikkan kepada satu tahap yang dikehendaki oleh negara.

Justeru itu, kita wujudkan moratorium di sebilangan saham-saham, bukan di kesemuanya, Yang Berhormat. Setengah ada moratorium

dan setengah tidak ada moratorium. Tetapi, pihak kerajaan tidaklah mengenakan moratorium penjualan ini secara menyeluruh. Saham-saham yang diagihkan oleh Kementerian Kewangan, yang mana kementerian yang saya bekerja di bawahnya tidak pernah dikenakan moratorium.

Sebab itulah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mana mendapat 10 lot atau publik yang mendapat 10 lot, tidak kira parti—PAS pun dapat, Semangat 46 pun dapat, bukan sahaja UMNO! Yang mendapat 10 lot boleh menjual secepat mungkin, ia tidak ada moratorium. Yang Berhormat pun jual secepat mungkin. Syarikat saya dahulu pun menjual secepat mungkin, dapat RM7, dapatlah margin RM5 satu saham.

Jadi, yang mempunyai moratorium hanyalah syarikat-syarikat yang diagihkan sahamnya oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI.

Sebab itulah Yang Berhormat mendapati bahawa kalau kita lihat saham-saham HICOM misalnya, selepas disenaraikan dan selepas harganya naik dengan tinggi, banyak saham-saham yang diberi kepada bumiputera dijual di dalam pasaran, maka turunlah target atau sasaran kerajaan untuk memastikan pegangan bumiputera itu besar. Jadi, inilah masalah yang dihadapi oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal yang sama jikalau saham-saham yang diagihkan secara khas ini dibiarkan penjualannya begitu sahaja di dalam satu masa, iaitu masa misalnya saham HICOM naik RM7, semuanya akan menjual. Masalah kecairan akan timbul di dalam pasaran dan ini akan mendorong peningkatan kadar inflasi

di dalam sistem ekonomi umum. Walaupun pada pasaran ianya memberi satu kebaikan iaitu meningkatkan likuiditi pasaran itu tetapi dengan adanya ledakan tunai yang besar pada sesuatu masa, maka inflasi akan naik dan pada masa yang sama kerajaan juga mengambil daya usaha untuk menurunkan inflasi. Jadi, sebab itu kerajaan adakan sedikit kawalan untuk memastikan satu lagi strategi kerajaan tidak terjejas. Tetapi yang sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, di dalam isu ini ialah prespektif pendidikan mengenai selok-belok pasaran saham kepada bumiputera khususnya dan kepada rakyat marhain Malaysia amnya. Yang saya maksudkan rakyat marhain ini rakyat yang berpendapatan rendah yang digalakkan oleh kerajaan membeli saham sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman iaitu kita menyemarakkan konsep People's Capitalism.

Kerajaan mahu kekayaan korporat negara dipegang secara meluas selaras dengan konsep People's Capitalism. Pemegangan saham bumiputera dikehendaki oleh kerajaan terdiri daripada yang sekaya-kayanya kepada yang semiskin-miskinnya. Sebab itulah tidak ada negara di dunia selain daripada Malaysia yang menggalak ataupun menolong rakyat termiskin memegang saham di dalam pasaran saham. Yang di negara-negara lain hanya dipegang oleh kumpulan korporat, kumpulan orang yang mempunyai surplus economic yang tinggi. Tetapi di negara kita, rakyat yang termiskin, the poorest of the poor, minta izin, Tuan Yang di-Pertua, dapat memegang saham melalui skim ASB. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberitahu kepada saya mana ada negara dalam dunia yang membuat

macam itu selain daripada Malaysia. Pemegangan ini mestilah betul-betul pemegangan iaitu memegang saham itu sebaik hak milik. Bukan sebagai alat untuk mendapat keuntungan jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini kita perlu menekankan kepada pelabur-pelabur kecil khususnya bahawa pendapatan daripada pemegangan saham. . . .

Tuan Haji Hashim bin Safin:
(Bangun)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Biar saya habiskan ayat ini. Pendapatan daripada pemegangan saham bukan hanya daripada mengambil untung daripada apresiasi saham itu tetapi juga daripada pemberian dividen oleh syarikat-syarikat yang memberi saham itu. Silakan.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya dapat mengesahkan tidak ada negeri yang memperuntukkan saham kepada golongan bawahan, golongan marhain terutamanya rakyat miskin di desa-desa, di luar-luar bandar. Saya ingin penjelasan sedikit, kalau perkara ini mendapat galakan dan rakyat sudah bersyukur di atas pemegangan saham melalui skim ASB, melalui PNB dan sebagainya, adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi peruntukan pinjaman kepada mereka yang masih ramai lagi patut diberi untuk pemegangan saham di atas kekayaan negara kita?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin ini, memang kerajaan tidak pernah menahan mana-mana institusi, misalannya bank-bank; boleh dikatakan tiap-tiap bank di negara ini

mempunyai skim pinjaman untuk pembelian saham dan ini telah pun diadakan seluas-luasnya. Kerajaan tidak pernah menahan dan pada hemat saya kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh bank ini sudah mencukupi. Tetapi masalahnya macam Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba bangkitkan semalam, iaitu orang yang membeli saham ini tidak faham tentang selok-beloknya dan tidak tahu mengenai dengan perbezaan iaitu bank charge 10%, dia hanya dapat 8%. Inilah yang kita perlu mengadakan didikan iaitu extension programme untuk memberitahu tentang selok-belok pasaran saham ini.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Spesifik sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya kalau boleh kepada skim RM5,000 ASB kepada masyarakat yang hendak pergi ke bank tidak ada apa cagaran dan jaminan. Jadi, skim pinjaman RM5,000 ini dapatkah diperluaskan kepada masyarakat luar bandar supaya melalui skim ini mereka juga secara tidak langsung dan secara anugerah oleh kerajaan yang prihatin untuk memastikan lebih besar lapisan bawah mendapat faedah hasil daripada seperti yang difahamkan bahawa saham-saham ini diberi kepada perbadanan seperti PNB dan sebagainya. Itu maksud saya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang itu jikalau Tuhan memberi rezeki seterusnya kepada negara kita, kita boleh memperluaskan. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, yang ada sekarang pun tidak habis lagi. Negeri-negeri yang diberi peruntukan ini tidak habis mengagihkan kepada rakyat-rakyat termiskin. Mungkin apabila habis nanti, ada permintaan lagi dan pertumbuhan negara berlaku dengan pesat tanpa

inflasi, tanpa hakisan kepada fundamentals, maka mungkin kita akan lebarkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendapatan dividen, saya ingin menekankan di sini dan ingin merungut lagi sekali dalam Dewan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Merungut!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: iaitu. . . . Merungut. Kerana saya bukan ada kuasa untuk memberi perintah, kerana ini soal private. Kerana boleh dikatakan kebanyakan syarikat-syarikat awam (public listed compnies) yang disenaraikan dalam KLSE memberi dividen yang kecil. Berapa gelintir sangat yang memberi dividen yang baik, yang 11% ke atas? Kebanyakan syarikat-syarikat memberi dividen yang kecil. Jadi, ini menggalakkan orang tidak mahu memegang saham itu. Orang hendak mencari pendapatan melalui appreciation, melalui margin. Dia tidak mahu pegang sebab dia pegang saham satu syarikat, dia hanya dapat 4% dia pegang saham syarikat ini dapat 2%. Jadi, insentif untuk retention, dengan izin, tidak ada. Jadi, di sinilah saya menyeru syarikat-syarikat yang mendapat banyak keuntungan menambahkan dividennya supaya usaha kerajaan untuk memastikan pegangan saham itu tinggi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba kerana kalau orang hendak jual, kita tidak dapat menahan kerana tiap-tiap orang itu adalah the economic man dan dia melihat maximization. Tetapi kalau syarikat-syarikat yang disenaraikan meningkatkan dividennya, mungkin orang akan lebih terdorong memegang saham itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada idealnya pelabur-pelabur kecil

khususnya bumiputera perlu melabur di dalam unit trust yang akan memastikan pelaburan itu diurus dengan baik. Di sini saya ingin menjawab terus apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sebentar tadi iaitu unit-unit trust ini digalakkan oleh kerajaan merupakan sebagai pengurus dana dan mereka merupakan pengurus dana untuk keseluruhan rakyat khususnya rakyat pelabur-pelabur kecil. Tetapi sepertimana yang saya rungut dulu, malangnya unit trust dan juga pengurus-pengurus dana tempatan tidak memainkan peranan, dengan izin, the leading role. Mereka hanya mengikut (Pak Turut) kepada pengurus-pengurus dana luar. Pengurus-pengurus dana luar mempunyai lain-lain bursa saham untuk mereka pergi. Jikalau Bursa Saham Hong Kong naik, dia tinggalkan kita. Bursa Saham Bangkok, dia tinggalkan kita. Tetapi kalau dia tinggalkan kita, pengurus dana tempatan termasuk unit trust yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri ini tidak mahu masuk, maka keadaan di dalam KLSE akan menjadi lembab sebagaimana yang berlaku sekarang. Misalannya EPF sahaja mempunyai 9 pengurus dana. PNB kita tidak tahu lagi. PNB banyak mana. Jadi, mereka ini tidak berani membuat keputusan, padahal mereka mempunyai keupayaan, mempunyai expertise untuk menganalisa kedudukan ekonomi negara dan kekuatan saham itu bukan berasaskan kepada spekulatif elemennya tetapi kepada kekuatan syarikat itu dan dikaitkan kepada ekonomi negara. Dalam kedudukan ekonomi negara yang kukuh ini mereka masih lagi teragak-agak untuk menjadi the leaders di dalam pasaran saham.

Jadi, inilah yang saya ingin nyatakan bahawa unit trust sepatutnya

mengambil daya utama dan ianya menjadi tumpuan kepada individu-individu pelabur kecil. Kita tidak mahu tengok terlalu banyak pelabur kecil duduk di dalam exchange. Biar pelabur kecil semua tumpukan kepada pengurus-pengurus dana khususnya unit trust dan pemain-pemain utama di dalam exchange mestilah pengurus-pengurus dana ini ataupun fund managers. Itu keadaan idealnya. Ia adalah tidak mungkin wujud di dalam alam nyata tetapi kalau kita boleh mencapai tahap the nearest approximation to that, dengan izin, mungkin keadaan pasaran saham kita akan menjadi lebih elok.

Jadi, inilah yang kita mahu iaitu kita membanyakkan unit trust ini. Tetapi macam Yang Berhormat Tuan Rahim Baba katakan tadi bahawa unit-unit trust ini pun perlu dianggotai oleh pakar-pakar, orang yang mengetahui. Setengah unit trust kita tahu bahawa ahli-ahli lembaganya adalah orang-orang yang tidak mengetahui langsung mengenai dengan bidang saham iaitu satu disiplin yang khusus di dalam business economics. Inilah masalah yang kita hadapi sekarang.

Inilah apa yang saya sebutkan sebagai perspektif kerajaan yang boleh dirangkum kepada dua bidang yang holistic iaitu kerajaan hendak memastikan bahawa likuiditi dikawal agar inflasi tidak meningkat dan juga pengagihan pemberian kekayaan negara kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya pergi kepada jawapan tiap-tiap dua orang ahli yang membawa isu-isu ini semalam dan hari ini. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman membangkitkan mengenai bilangan syarikat broker saham yang tidak mencukupi di setengah tempat dan

mencadangkan supaya kerajaan memberi kebenaran kepada pihak bank-bank untuk menjalankan urusniaga jual beli saham untuk orang ramai. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang sedar mengenai perkhidmatan broker saham yang tidak mencukupi di setengah-setengah tempat dan mungkin di Temerloh dan seluruh Pahang, dan kajian sedang dijalankan bagi mengenalpasti alternatif terbaik untuk meningkat perkhidmatan broker saham ke seluruh negara.

Kajian ini penting, saya tidak mahulah nanti Yang Berhormat Tuan Rahim Baba kata tidak usah buat kajianlah, berilah. Yang ini perlu kaji kerana yang pentingnya Yang Berhormat, kita perlu mengetahui the critical number pembeli-pembeli saham. Kalau kita beri misalannya satu lagi lesen broker saham di Alor Setar, mungkin yang ada itu pun rugi, bankrap. Jadi, orang tak banyak sebab di Alor Setar beri, di Perlis beri. Walaupun di Perlis, orang Siam datang membelinya tetapi apakah volume itu merupakan satu critical mass untuk memastikan sesuatu syarikat broker saham itu boleh viable. Jadi, inilah yang perlu dikaji. Kalau di Temerloh, perlu diadakan satu, kita akan kaji apakah Temerloh itu cukup orang yang hendak beli saham di situ. Kalau cukup, kementerian akan mempertimbangkannya.

Mengenai syarikat broker saham Islam yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, buat masa ini dirasakan tidak begitu mendesak kerana melalui syarikat broker saham yang sedia ada pun, orang ramai boleh memilih saham-saham yang mereka anggap tidak bercanggah dengan syariah Islam. Saya difahamkan bahawa

pihak Bank Islam ada mengeluarkan senarai syarikat-syarikat yang tidak bercanggah dengan syariah Islam dari semasa ke semasa dan juga satu lagi syarikat broker saham yang dipunyai oleh Bank Islam Malaysia Bhd. sebagai pemegang ekuiti majoritinya menjalankan sistem secara Islam ini dan saya difahamkan juga kaunter Rashid Hussein, Arab Malaysian semuanya memberi panduan-panduan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur secara Islam. Jadi, kemudahan itu telah pun ada.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba membangkitkan beberapa isu mengenai pasaran saham dan pertama sekali mengenai dengan permohonan saham terbitan awam yang dikendalikan oleh rumah-rumah terbitan di mana ia melibatkan terlalu lama wang pemohon dipegang oleh rumah terbitan menyebabkan pemohon-pemohon kena bayar faedah yang lebih kepada bank-bank.

Mengenai perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan bahawa tindakan sedang diambil oleh pihak-pihak berkenaan khususnya bank-bank, rumah terbitan Bursa Saham Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Sekuriti untuk melaksanakan sistem elektronik bersepadu bagi permohonan saham dan pembayaran balik wang pelanggan yang tidak berjaya. Melalui sistem ini wang pemohon yang tidak berjaya akan dapat dipulangkan dengan secepat mungkin dalam dua atau tiga hari selepas undian dibuat. Sistem ini dijangka diperkenalkan dalam sedikit masa lagi.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba juga membangkitkan mengenai sistem Central Depository System (CDS) yang menyukarkan orang ramai di mana pihak bank-bank tidak mahu menerima

sijil CDS sebagai cagaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini usaha-usaha sedang dijalankan oleh pihak berkenaan termasuk pihak CDS iaitu syarikatnya, persatuan bank-bank dan Bank Negara Malaysia untuk memastikan sijil CDS diterima secara meluas oleh bank-bank di negara ini. Walaupun pada masa ini hanya Malayan Banking sahaja yang menerimanya, insya-Allah tidak berapa lama lagi, lain-lain bank juga akan menerimanya.

Mengenai kes insider trading yang dikatakan tidak ada tindakan ke atasnya kerana tidak ada pihak yang dibawa ke muka pengadilan. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak Suruhanjaya Sekuriti sentiasa memerhati aktiviti insider trading di kalangan pihak-pihak berkenaan. Soal siasat sentiasa dijalankan oleh pihak Suruhanjaya tetapi perkara ini agak memakan masa kerana ianya memerlukan bukti-bukti yang kukuh dan jelas. Di dalam pindaan kepada Akta ini, di dalam seksyen 90 misalannya, ditambahkan pengawalan-pengawalan mengenai dengan insider trading ini bukan sahaja kepada orang luar iaitu seksyen 100 tetapi ianya dikenakan juga kepada pegawai-pegawai, ahli-ahli bursa, pegawai-pegawai di dalam Suruhanjaya yang mungkin melakukan insider trading.

Mengenai prestasi call warrant yang kurang menggalakkan pada masa ini, ingin saya menjelaskan bahawa perkara ini adalah juga dipengaruhi oleh keadaan pasaran saham. Lagipun ianya baru diperkenalkan dan oleh itu adalah sukar untuk memberi penilaian yang tepat ke atasnya buat masa ini.

Ingin saya jelaskan lebih lanjut mengenai dengan call warrant. Saya menegaskan di sini bahawa penetapan

harga call warrant adalah berbeza dengan cara penetapan yang dibuat ke atas saham terbitan awam (IPO). Harga saham IPO ditentukan oleh Suruhanjaya mengikut neraca-neraca tertentu seperti viability, profitability, ratio dan lain-lain lagi. Manakala harga call warrant adalah dibuat berdasarkan:

- (a) nilai pasaran syarikat pendasar itu;
- (b) volatility saham syarikat pendasar;
- (c) tempoh matang saham itu;
- (d) dividen yang ditawarkan oleh syarikat;
- (e) kadar faedah yang dikenakan pada masa itu; dan
- (f) harga guna hak ataupun exercise price.

Kalau dianalisiskan mengapa call warrant Renong dan Maybank jatuh sepertimana Yang Berhormat bangkitkan semalam, daripada neraca di atas kita akan merumuskan bahawa harga-harga saham kedua-duanya jatuh iaitu saham syarikat pendasar kedua-duanya jatuh, maka call warrant pun jatuh kerana call warrant mengikut harga saham pendasar intendat. Kalau dia jatuh, call warrant jatuh. Kalau dia naik, call warrant naik.

Mengenai dakwaan bahawa harga call warrant ini disudutkan (cornering) yang disebut banyak kali semalam melalui penolakan naik harga saham syarikat-syarikat pendasar ini, saya ingin menyatakan di sini ianya tidak mungkin berlaku. Ini ialah kerana. . .

Tuan Rahim bin Baba: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Cuma penjelasan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan atau memberi penjelasan?

Tuan Rahim bin Baba: Memberi penjelasan. Bukannya 'call warrant' ini yang disudut, saya tidak pernah cakap pun, cuma yang saya cakap ialah yang di sudut, di 'corner'

Tuan Yang di-Pertua: Corner!

Tuan Rahim bin Baba: ialah syarikat-syarikat di dalam second board, bukannya 'call warrant'. Saya pun tahu takkanlah 'call warrant' orang hendak sudut juga.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh 'sudu' ya (*Ketawa*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya tidak mengatakan Yang Berhormat sebut 'call warrant' yang di sudut, kerana kalau hendak menaikkan 'call warrant', kita boleh menyudut harga saham pendasar itu. Jadi, Yang Berhormat janganlah terlalu sensitif. Saya berkata ini secara umum, saya menjawab secara umum. Ada caranya kalau hendak menaikkan call warrant iaitu dengan meningkatkan harga saham syarikat pendasar. Di sini ialah kerana:

Pertama, Suruhanjaya akan mengkaji volatility syarikat itu 6 bulan sebelum permohonan dibuat. Jadi, kalau volatilitynya terlalu tinggi, ini menunjukkan bahawa penyudutan sedang berlaku. Misalnya di dalam kajian volatility ini kita dapat mengetahui apakah usaha menolak harga naik ini telah berlaku; di dalam kes Maybank dan Renong, untuk menolak harga naik, ianya memerlukan ongkos yang besar lantaran capitalisation kedua-duanya adalah sangat besar.

Kedua, sebelum satu-satu syarikat dibenarkan membuat call warrant, syarikat itu mestilah menunjukkan

kecairan yang tinggi dan pihak suruhanjaya memerlukan sekurang-kurangnya RM2,000 juga capitalisation harian. Jadi, bukannya semua syarikat di dalam KLSE itu dapat membuat call warrant sewenang-wenangnya. Inilah peraturan-peraturan yang dibuat untuk memastikan penyelewengan tidak berlaku.

Saya ingin memberi jaminan bahawa KLSE boleh mengawal masalah penyudutan yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat. Misalnya KLSE boleh melakukan arahan-arahan berikut:

- (i) mengarahkan sesuatu kaunter itu menjadi 'designated counter' yang mesti membuat penyelesaian tunai tiap-tiap hari;
- (ii) KLSE juga boleh mengantung harga saham syarikat itu; dan
- (iii) KLSE boleh menentukan syarat bahawa penjual mestilah mempunyai skrip dan pembeli mestilah membayar tunai.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba menyatakan bahawa call warrant Renong dan Maybank adalah usaha yang gagal. Sebenarnya tidak, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau gagal mengapakah ianya dilanggan sepenuhnya dan kebanyakan call warrant yang dilanggan ini adalah dibuat oleh pelabur-pelabur asing.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, purata putaran ataupun volume harian, waran panggilan (call warrant) Maybank semenjak ianya disenaraikan di KLSE pada 7hb. Jun 1995 adalah 1,005 saham sehari, manakala dalam empat hari pertama dagangan dalam waran panggilan Renong sahaja yang disenaraikan pada

5hb. September, 1995 baru-baru ini, jumlah putarannya adalah 4,104,000 saham. Ini menunjukkan bahawa ianya mendapat sambutan yang baik dan merupakan satu perkara yang boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan supaya seseorang pengarah atau ketua eksekutif syarikat hanya dibenarkan memegang jawatan dalam beberapa buah syarikat sahaja, perkara ini dikaji dengan terperinci sebelum keputusan mengenainya dibuat.

Sukacita dimaklumkan bahawa dalam setengah sektor, misalnya sektor bank dan broker saham perkara ini telah pun diambil kira khususnya bagi mengelakkan percanggahan kepentingan dalam sesebuah syarikat.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi membangkitkan mengenai dengan saham-saham amanah iaitu keghairahan kerajaan negeri, saya telah menjawab sedikit-sebanyak tadi, kita harap pihak kerajaan negeri akan memperkukuhkan lagi pengurusan yang menggunakan kepakaran, bukan hanya melantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah berasaskan kepada neraca politik sahaja, tetapi di atas neraca management ability, dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga telah membangkitkan mengenai dengan Fasal 7 pindaan di dalam Rang Undang-undang ini iaitu seksyen 19(1) 'kuasa Menteri memberi arahan kepada Suruhanjaya'.

Ingin saya menyatakan di sini, bentuk kuasa Menteri hanyalah membuat arahan secara umum. Ini diterangkan di sini, Menteri hanya membuat arahan secara umum, arahan-arahan yang memastikan kepentingan awam terpelihara. Ini akan dipastikan dan telah dipastikan di dalam pindaan ini.

Mengenai dengan Fasal 33C iaitu 'Pengecualian terhadap mana-mana golongan', saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat yang menyebut di sini Fasal 33C, tetapi banyak lagi seksyen-seksyen yang berkenaan dengan ini dan di dalam usaha berjaga-jaga dan pengawasan, yang mewujudkan asas-asas untuk operasi kawal selia ke atas pengambilalihan syarikat dan lain-lain lagi.

Fasal 33A sehingga 33E iaitu mengenai disclosure dan lain-lain lagi. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi diambil kira, dijaga seketat-ketatnya dan apa-apa yang dikecualikan ataupun apa-apa kuasa yang diberi kepada Menteri adalah untuk memastikan bahawa kepentingan umum terjaga.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya nyatakan di sini. Jikalau ada apa-apa yang tidak tersentuh bolehlah Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan membuat perhubungan dengan kami supaya dapat kami lakukan dan segala teguran serta segala cadangan akan diambil perhatian oleh kementerian untuk kebaikan pasaran saham kita.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak apa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG BANDAR 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, profesion perancang bandar telah wujud di negara ini lebih daripada 70 tahun dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Kini terdapat lebih daripada 700 perancang bandar berkhidmat dalam sektor swasta dan awam. Bilangan ini akan meningkat pada kadar 50 orang setahun.

Kepesatan pembangunan yang dialami oleh negara pada awal-awal tahun 80-an, khususnya dalam aspek perancangan fizikal telah menyebabkan perkhidmatan perancang bandar dan desa semakin diperlukan. Keadaan ini

telah memberi ruang kepada pelbagai pihak termasuk ahli profesional lain dan orang perseorangan mengambil alih peranan perancang bandar untuk memberi khidmat nasihat perancangan.

Pada masa ini sesiapa sahaja boleh menjalankan peranan seorang perancang bandar seperti memberi khidmat nasihat perancangan, menjalankan kajian perancangan dan kemungkinan, menyediakan pelan tataatur, pecahan sempadan dan juga mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri bagi maksud kelulusan perancangan. Ketiadaan kawalan kepakaran ini telah menghasilkan pelan dan rancangan yang tidak mengambil kira dan memenuhi keperluan perancangan yang sepatutnya. Dalam jangka masa panjang, ini menimbulkan pelbagai masalah dan isu-isu fizikal. Kekurangan infrastruktur dan kemudahan awam serta pencemaran alam sekitar dan seterusnya akan membebankan kewangan kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut demi kepentingan awam.

Sehingga hari ini masih belum ada satu undang-undang untuk mengawal dan mengawasi mereka yang menjalankan amalan sebagai perancang bandar dan memberi khidmat perancangan. Keadaan ini berbeza dengan apa yang dialami di negara-negara lain seperti United Kingdom, Australia, U.S.A., Hong Kong, Afrika Selatan, Sri Langka, Nigeria, Cyprus dan Filipina di mana undang-undang untuk profesion perancang bandar telah wujud.

Kekurangan kepakaran profesional yang terlatih dalam perancangan bandar semasa memberi khidmat perancangan bukan sahaja boleh mendatangkan masalah persekitaran

kepada orang awam malah menyebabkan pembaziran sumber, masa dan kos. Ketiadaan kawalan kepakaran menyebabkan kelewatan dalam meluluskan permohonan merancang di mana pelan-pelan yang dikemukakan tidak mencapai standard yang diperlukan dan terpaksa dipinda beberapa kali. Keadaan ini akan melambatkan proses pembangunan, pembaziran masa di samping meningkatkan kos.

Memandangkan peri pentingnya mengawal mutu perancangan bandar sesebuah negara yang menuju taraf maju dan juga mustahaknya dibuat takrif perancangan bandar dari segi undang-undang serta perlunya mengawal amalan perancang bandar yang semakin bertambah bilangannya di sektor swasta, maka adalah wajar rang undang-undang ini dikemukakan.

Keperluan mengadakan peruntukan undang-undang bagi perancang bandar juga penting untuk melicinkan dan menyeragamkan penerima pakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) oleh kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perancang Bandar yang dikemukakan ini bertujuan membuat peruntukan mengenai pendaftaran perancang bandar bagi mengawal selia profesion ini. Ia bertujuan semata-mata untuk mengukuhkan peranan perancang bandar melalui perundangan dan memastikan amalan perancangan bandar yang baik dan berkualiti berasaskan prinsip-prinsip tata-kelakuan dan etika profesion tersebut.

Untuk mencapai tujuan ini, satu Lembaga Perancang Bandar hendaklah ditubuhkan. Lembaga ini akan bertanggungjawab ke atas semua

pendaftaran perancang bandar yang berhak dan bertauliah mengamalkan perancangan bandar dan desa di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 8 bahagian seperti berikut:

Bahagian I — meliputi tajuk, tarikh kuat-kuasa dan definisi terma-terma yang digunakan

Bahagian II — mengandungi peruntukan berhubung dengan penubuhan Lembaga Perancang Bandar dan perkara-perkara berhubung dengan keanggotaan Lembaga, penamatan dan pembatalan pelantikan serta pengisian kekosongan;

Bahagian III — mengandungi peruntukan berkaitan pendaftaran Perancang Bandar dan pelantikan seorang Pendaftar Perancang Bandar dan tugasnya;

Bahagian IV — mengandungi peruntukan mengenai amalan perancangan bandar oleh pertubuhan perbadanan. Ia menetapkan komposisi Lembaga Pengarah dan pemegang saham pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan sebagai perancang bandar;

Bahagian V — mengandungi peruntukan berkaitan dengan pembatalan pendaftaran, penggantungan daripada menjalankan amalan, penyingkiran dari daftar dan kemasukan semula, pelantikan jawatankuasa penyiasatan dan jawatankuasa tata-tertib;

Bahagian VI — mengandungi peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Rayuan serta jawatan dan elaun anggota Lembaga Rayuan;

Bahagian VII — memperuntukan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah akta dan penaltinya;

Bahagian VIII— mengandungi peruntukan yang bertujuan melindungi perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati serta memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah dengan kelulusan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

Tuan Rahim bin Baba: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim bin Baba, tunggu sekejap, ya! Saya hendak minta Tuan Hanipah mempengerusikan Majlis. Jadi, menurut peraturan yang relevan saya dengan hormatnya menjemput Tuan Hanipah Ahmad mempengerusikan Majlis.

(Tuan Hanipah bin Ahmad
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Hanipah bin Ahmad: Jemput Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

4.39 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah pun membentangkan Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rang Undang-undang ini telah pun sekian lama diperjuangkan oleh perancang-perancang bandar dan setelah berbelas tahun ianya diperjuangkan, ianya telah pun menjadi satu kenyataan pada hari ini dengan terbentang dan setelah lulusnya Rang Undang-undang yang telah pun di bentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, apa yang saya harapkan ialah pembentangan rang undang-undang ini tidaklah menjadikan profesional-profesional lain seperti arkitek, engineer, dan juga yang lain-lainnya seolah-olah tidak mempunyai peranan di dalam perancangan sesebuah bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun meneliti rang undang-undang ini dan saya dapati bahawa nama rang undang-undang ini Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995, seolah-olahnya kita menganggap bahawa town planners atau pun Perancang Bandar yang terlibat, mereka hanya terlibat dalam perancangan sesebuah bandar. Sebenarnya tugas seorang Perancang Bandar bukan hanya terhad kepada merancang sesebuah bandar, tetapi tugas seorang Perancang Bandar juga adalah meliputi tugas-tugas untuk merancangkan sesebuah kampung ataupun sesebuah desa ataupun satu settlement yang baru, umpamanya Rancangan FELDA dan sebagainya. Saya menimbulkan ini supaya jangan kita terkeliru seolah-olah rang undang-undang ini hanya terhad untuk perancangan sesebuah bandar ataupun rang undang-undang yang meliputi Perancang-Perancang Bandar.

Tugas Perancang Bandar, rasa saya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, bukan hanya tertakluk ataupun bukan hanya terhad kepada

perancangan sesuatu bandar, sepertimana yang telah saya katakan tadi, seorang Perancang Bandar juga bertanggungjawab dan juga hendaklah melibatkan di dalam perancangan sesebuah kampung tersusun umpamanya, ataupun sesebuah Rancangan FELDA dan sebagainya. Malah takrif antara 'bandar' dan 'kampung' pun satu takrif yang kalau kepada seorang Perancang Bandar, ianya tidak mempunyai perbezaan di antara kampung dan juga bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam rang undang-undang ini, oleh kerana ini merupakan satu rang undang-undang baru, jadi biarlah saya menyentuh beberapa perkara-perkara yang spesifik, khususnya Fasal 4 mengenai keanggotaan Lembaga, di mana terdapat Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut: (a) Pengerusi; (b) Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia; (c) Presiden Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa; — di sini letaknya Perancang Bandar dan desa, tetapi tentang rang undang-undang ini hanya Perancang Bandar, tak mengapa, (d); (e); (f) dan (g) dan jumlahnya ialah 13 orang.

Saya ingin membuat dua pertanyaan khusus. Pertama, mengenai jawatan Pengerusi yang hendak dilantik. Apakah background Pengerusi yang akan dilantik? Kerana saya lihat, kalau hendak dilantik Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia, dia adalah dalam kategori (b). Lepas itu kalau hendak lantik pula Presiden Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, dia adalah dalam kategori (c). Lepas itu, 7 orang anggota dan anggota-anggota lain daripada engineer, daripada Lembaga Jurutera, daripada Lembaga Arkitek dan juga Lembaga Juruukur.

masing-masing itu ada dalam kategori masing-masing. Jadi, tentang Pengerusi ini, apakah kelayakan ataupun dari manakah hendak dipilih. Adakah Pengerusi ini akan dipilih daripada yang 13 orang ataupun mereka yang terdiri ataupun akan dipilih dari orang luar pula jadi Pengerusi? Jadi, saya harap dapat penjelasan.

Walaupun kuasa untuk melantik Pengerusi ini adalah terpulang kepada bijaksana menteri, tetapi walau bagaimanapun, adalah agak janggal umpamanya kalau seorang itu menjadi ahli Pertubuhan Perancang Malaysia, dalam Pertubuhan Perancang Malaysia dia menjadi ahli biasa, tetapi di dalam Lembaga ini dia hendak jadi Pengerusi. Pengerusi pun duduk di bawah dia. Begitu juga kalau dipilih daripada mereka yang antara pegawai Perancang Bandar dan Desa, Presidennya ada di situ, lepas itu Pengerusinya. Jadi, ahli biasanya pula akan dilantik oleh Pengerusi di dalam badan ini. Jadi, saya mencadangkan supaya Pengerusi ini dilantik di antara kumpulan (b), (c), (d), (e), (f) dan (g) antara salah seorang daripada 12 orang yang termaktub di dalam keanggotaan Lembaga ini.

Perkara kedua yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai (d) tujuh anggota yang merupakan Perancang Bandar yang dinamakan dalam senarai penamaan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia dan mereka itu hendaklah terdiri daripada — (i) tiga orang Perancang Bandar yang berkhidmat dengan suatu pihak berkuasa awam. Ini mungkin yang berkhidmat dengan kerajaan. (ii) tiga orang Perancang Bandar yang menjalankan amalan persendirian selama sekurang-kurangnya 10 tahun di Malaysia. Saya jangkakan masa 10 tahun ini adalah satu jangka yang

terlalu lama sangat. Kalau boleh dikurangkan kepada lima tahun supaya kita dapat komposisi yang lebih baik, supaya nanti jangan pula Lembaga ini dimonopoli oleh satu-satu kaum sahaja, kerana bukannya mudah khasnya untuk mendapatkan bumiputera yang telah pun menjalankan amalan persendirian lebih daripada 10 tahun. Jadi, dikurangkan supaya kita dapat satu komposisi Lembaga yang mencerminkan sebenarnya rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada perkara yang kedua, iaitu mengenai Fasal 15, subseksyen (4), walau apa pun subseksyen (3), seseorang tidak berhak didaftarkan sebagai Perancang Bandar berdaftar melainkan jika pada masa permohonan pendaftaran—(a) dia seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia; (b) dia sedang bermastautin di Malaysia—okay kita bersetuju, dan (c) dia telah bermastautin di Malaysia selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan sebelum tarikh permohonan itu. Jadi, kalau boleh, seorang yang hendak didaftarkan itu—saya percaya (c) ini adalah merujuk kepada rakyat asing yang ingin mendaftar sebagai seorang Perancang Bandar. Jadi, kalau boleh, biarlah kita limitkan ataupun kita hadkan mereka yang hendak didaftarkan itu hanya terdiri daripada rakyat Malaysia sahaja.

Kalau pun sepertimana Fasal 18, kita hendak meluluskan pendaftaran sementara Perancang Bandar asing, ianya hendaklah ada peraturan yang lebih strict, yang tidak boleh didaftarkan dengan sewenang-wenangnya. Kita mempunyai pengalaman dari segi kerja-kerja yang dijalankan oleh arkitek-arkitek, oleh engineer-engineer, kerana kita

mempunyai dasar yang agak liberal untuk meluluskan pendaftaran sementara engineers ataupun arkitek-arkitek. Kita dapati ramai arkitek-arkitek ataupun engineer-engineer daripada luar negara yang berkhidmat di negara kita ini at the expand, dengan izin, oleh arkitek ataupun engineer yang terdapat di negara kita sendiri. Jadi, hendaklah diperketatkan lagi syarat-syarat untuk mendaftarkan pendaftaran sementara Perancang Bandar ini. Umpamanya, hendaklah dahulu mendapatkan approval ataupun keizinan daripada menteri yang bertanggungjawab. Bukannya pihak Lembaga sendiri yang boleh membuat keputusan, kerana ini soal melibatkan kepakaran negara, bukan hanya terhad kepada 13 orang Ahli Lembaga ini boleh membuat keputusan untuk mendaftarkan Perancang Bandar daripada sebuah negara asing.

Ini dengan tujuan untuk memberikan peluang dan juga untuk memberikan pendedahan yang lebih kepada perancang-perancang bandar anak watan negara kita sendiri. Kalau pun difikirkan perlu sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, biarlah mempunyai syarat-syarat yang lebih ketat, hendaklah mereka ini menubuhkan joint-ventures ataupun usahasama dengan perancang bandar tempatan, mestilah ada usaha-usaha untuk transfer technology, transfer kepakaran daripada perancang bandar asing ini kepada perancang bandar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian IV iaitu 'Amalan Perancang Bandar oleh Pertubuhan Perbadanan' iaitu Fasal 20 di mana lembaga boleh mengeluarkan permit kepada sesuatu pertubuhan perbadanan dan di mana salah satu

daripada syaratnya ialah Pengarah pertubuhan perbadanan itu, maknanya syarikat itu hendaklah terdiri keseluruhannya daripada orang perseorangan yang adalah perancang bandar berdaftar ataupun sebilangan besarnya orang perseorangan yang adalah perancang berdaftar dan orang perseorangan lain adalah jurutera, profesional, juruukur bahan, juruukur tanah, arkitek yang berdaftar di mana-mana di bawah rang undang-undang yang tertera.

Apa yang ingin saya jelaskan di sini ialah supaya diberikan sedikit kelonggaran, umpamanya dikehendaki bukannya kesemuanya kalau hendak menubuhkan syarikat itu, bukannya kesemua ahli-ahli pertubuhan syarikat itu hendaklah terdiri daripada ahli-ahli perancang bandar ataupun tidak semestinya majoriti sekurang-kurangnya kalau ada seorang pun dalam sesuatu syarikat itu, hendak menubuhkan sesuatu syarikat ataupun sesuatu pertubuhan perbadanan, kalau ada seorang pun ianya sebagai perancang bandar, ianya boleh diiktiraf sebagai satu pertubuhan perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelima, yang ingin saya sentuh ialah Bahagian V, Fasal 31—ini tugas Jawatankuasa Penyiasatan kerana di sini diberikan kuasa untuk melantik satu Jawatankuasa Penyiasatan yang terdiri daripada 3 orang anggota lembaga untuk menyiasat sesuatu aduan yang dibuat terhadap seseorang perancang bandar berdaftar atau perancang bandar siswazah berdaftar. Selepas itu di bawah Fasal 31(b) pula ada suatu Jawatankuasa Tatatertib, yang terdiri daripada lima anggota Lembaga yang bukan anggota Jawatankuasa Penyiasatan, untuk membuat siasatan mengenai sesuatu aduan yang dirujuk kepada oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

Fasal 33, kalau kita baca Fasal 33—tentang kuasa Jawatankuasa Tatatertib. Jawatankuasa Tatatertib boleh memerintahkan mana-mana satu atau mana-mana kombinasi dua atau lebih yang berikut. Maknanya Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa mutlak untuk kalau umpamanya seorang perancang bandar itu melakukan kesalahan, ianya boleh

- (a) mengeluarkan suatu celaan bertulis;
- (b) pengenaan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit;
- (c) penggantungan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun;
- (d) pembatalan pendaftaran.

Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah, kuasa yang terlalu besar diberikan kepada Jawatankuasa Tatatertib, kita ada satu jawatankuasa penuh Lembaga seramai 13 orang. Tetapi lima orang Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat keputusan, umpamanya untuk membatalkan pendaftaran kerana dalam akta ini saya baca keseluruhannya tidak ada dikatakan segala keputusan Jawatankuasa Tatatertib hendaklah disahkan oleh jawatankuasa penuh. Jadi, bermakna dengan keadaan yang ada di bawah akta ini Jawatankuasa Tatatertib yang lima orang boleh membuat keputusan, kemungkinannya daripada lima orang Jawatankuasa Tatatertib itu bersetuju seorang itu diambil tindakan, kemungkinannya kalau dibawa kepada jawatankuasa penuh, kemungkinannya lapan orang lagi tak bersetuju dengan keputusan, jadi maknanya dalam akta ini, dalam fasal ini hanya kuasa yang terlalu besar diberikan kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Walaupun saya tahu ada Jawatankuasa Rayuan, maknanya mereka yang dikenakan tindakan tatatertib boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan selepas itu, tetapi apa yang ingin saya tekankan di sini ialah dari segi fairness, kita mempunyai satu jawatankuasa lembaga 13 orang tetapi kita memberikan satu kuasa yang terlalu besar, sampai boleh membatalkan pendaftaran seseorang kepada satu jawatankuasa kecil yang terdiri bukannya merupakan satu jawatankuasa yang majoriti tetapi jawatankuasa kecil yang terdiri daripada lima orang, jadi di mana pula fungsi jawatankuasa penuh yang terdiri dari 13 orang tadi? Jadi, ada kemungkinan telah pun dioverlooked oleh pihak-pihak yang membuat akta ini kerana ini adalah merupakan satu rang undang-undang yang baru, tentulah kalau dibuat pindaan pada masa-masa yang akan datang supaya difikirkan soal kuasa yang terdapat kepada Jawatankuasa Tatatertib ini mungkin boleh dipinda supaya segala perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib hendaklah tertakluk kepada keputusan jawatankuasa penuh yang terdiri daripada 13 orang yang telah pun ditubuhkan oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Perancang Bandar 1995. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

4.57 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan mengucapkan tahniah kepada pihak

kementerian kerana telah menghasilkan satu rang undang-undang sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba tadi memang sepatutnya telah lama ditunggu, kerana ini adalah satu profesion. Dalam perkembangan pembangunan dewasa ini dan terutamanya dalam perkembangan penekanan tentang pentingnya penjagaan alam sekitar maka perancang bandar ini adalah merupakan satu profesion yang begitu penting sekali. Kita berbangga bahawa satu rang undang-undang telah dikemukakan.

Saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Saya cuma hendak mengatakan bahawa dengan adanya rang undang-undang ini, maka profesion ini akan menjadi lebih profesional dan profesionalismenya semestinya juga akan meningkat. Cuma mungkin yang saya ingin tekankan ialah tentang pemberian permit yang telah dinyatakan di dalam rang undang-undang dan sijil amalan yang akan dikeluarkan bagi seseorang Perancang Bandar.

Seperti yang kita tahu, dalam semua profesion, samalah juga profesion perubatan ataupun akauntan dan sebagainya, sijil amalan yang akan dikeluarkan itu perlulah diteliti sebelum ianya diberikan kepada seseorang dan kita mengharapkan bahawa jikalau berlakunya apa-apa kesalahan yang akan dilakukan oleh seorang yang telah diberikan permit, di sini digunakan permit, maka kita berharap mengikut seksyen 44, 45 dan 46 di bawah seksyen kesalahan-kesalahan ini, tindakan atau penalti yang akan dikenakan adalah

merupakan tindakan dan penalti yang mempunyai piawai yang tinggi. Kerana sepertimana juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi, dalam perancangan bandar banyak implikasinya terutamanya kepada pihak awam kerana sesuatu perancangan yang tidak dibuat secara teliti bukan hanya akan menyebabkan seseorang yang menanggung bebanannya seperti dalam profesion lain tetapi ianya akan memberi implikasi kepada pihak awam dan ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang berat.

Kita haraplah bahawa dalam pihak kementerian menggubal peraturan ataupun pihak Peguam Negara menggubal peraturan-peraturan bagi menyokong akta ini, perkara-perkara ini akan dititikberatkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Di jemput pihak Menteri menjawab.

5.00 ptg.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perancang Bandar, 1995 serta mengemukakan cadangan dan saranan yang amat bernas. Sebelum saya menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat peruntukan mengenai pendaftaran perancang bandar dan juga mengawalselia amalan profesion perancang bandar. Di samping itu juga untuk meningkatkan taraf profesionalisme dan mutu perancangan bandar dan akta ini tidak menyekat

mana-mana profesion lain dari meneruskan amalan mereka di bawah undang-undang bertulis profesion masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Rahim Baba membangkitkan tugas-tugas Perancang Bandar yang sepatutnya bukan sahaja ditumpukan kepada kawasan bandar, tetapi juga di kawasan-kawasan desa, kawasan FELDA dan lain-lain. Suka saya tegaskan di sini, sebenarnya perancangan ini bermaksud perancangan bagi keseluruhan komuniti dan ia sebenarnya meliputi segala aspek termasuk aspek fizikal, sosial, budaya dan sebagainya. Tujuan perancangan ialah untuk mewujudkan satu persekitaran yang bersih, indah, selesa, nyaman, selamat dan sebagainya. Jadi, ke arah ini maka segala penyediaan rancangan struktur akan mengambil kira faktor-faktor, bukan sahaja faktor fizikal tetapi juga faktor sosial, budaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, apabila kita merancang bandar Putrajaya yang akan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baru, ianya dirancang supaya kita selaraskan di antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam, supaya dengan cara ini kita akan dapat memberikan satu perancangan yang lebih teratur dan lebih berkean lagi.

Yang Berhormat Senator Rahim Baba juga membangkitkan dan berharap agar rang undang-undang ini tidak akan menyekat profesion lain seperti arkitek dan jurutera. Sebagaimana saya sebutkan tadi, hak seorang Perancang Bandar di peruntukkan dalam Seksyen 13, Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini tidak sekali-kali bertujuan

menyentuh hak profesion lain seperti arkitek dan Jurutera yang dikawalselia di bawah undang-undang mengenai pendaftaran profesion tersebut masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan undang-undang ini tiada peranan dalam aktiviti perancang bandar. Rang undang-undang ini mengambil kira peranan profesional lain seperti arkitek, jurutera atau juru ukur mengikut kelayakan mereka di bawah profesion masing-masing selaras dengan semangat menyaksikan Malaysia menjadi sebuah negara membangun, khususnya perancangan bandar dan desa, akan terus melibatkan profesion dari pelbagai disiplin.

Yang Berhormat juga bertanya apakah kelayakan Pengerusi Lembaga Pengarah Perancang Bandar. Berhubung dengan kelayakan Pengerusi Lembaga Perancang Bandar, Menteri yang diberi kuasa melantiknya akan membuat rujukan kepada pihak-pihak yang berwajib seperti Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi memastikan mereka yang benar-benar layak memegang jawatan Pengerusi dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan agar mereka yang didaftarkan terdiri dari rakyat Malaysia, dan supaya diketatkan syarat-syarat pendaftaran, keanggotaan ahli dan supaya keanggotaan dalam Lembaga tidak hanya dihadkan kepada mereka yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara-perkara ini merupakan perkara-perkara yang boleh dipertimbangkan dan ini terpulang kepada Lembaga untuk menganalisa perkara ini dari satu masa ke satu masa.

Tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum, untuk kita duduk dalam Lembaga Pengarah Perancang Bandar ini sudah tentulah memerlukan mereka yang mempunyai pengalaman yang luas dan saya merasakan bahawa 10 tahun sebagaimana yang disebut dalam Akta ini merupakan satu tahap yang tidak begitu lama, memandangkan untuk menjadi anggota atau pun untuk menjadi ahli seseorang itu perlu ada ijazah dari sesebuah universiti dengan 2 tahun pengalaman. Bermakna selepas bertugas selama 10 tahun, selepas mendapat ijazah, mereka ini layak untuk menjadi Lembaga Pengarah. Bagaimanapun ini boleh dipertimbangkan dari masa kesemasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyentuh agar Lembaga boleh mengeluarkan permit, sama ada kepada orang perseorangan yang menjadi ahli kepada Lembaga Perancang Bandar atau pun Perbadanan dengan hanya perlu ada seorang Perancang Bandar berdaftar. Ini juga sebenarnya terpulang kepada Lembaga untuk menentukan dari masa kesemasa, kerana dari semasa ke semasa apabila ramai anggota yang berdaftar dengan Lembaga ini, maka sudah tentulah Lembaga ini akan menaikkan taraf ataupun syarat-syarat menjadi ahli, tetapi buat permulaannya, oleh kerana kita hendak memperbanyakkan ahli yang berdaftar maka sudah tentulah Lembaga ini tidak akan memperketatkan syarat-syarat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan kuasa yang besar yang diberikan kepada Jawatankuasa Tatatertib yang terdiri hanya dari 5 orang. Saya merasakan bahawa syarat ini merupakan syarat yang agak sesuai memandangkan agak sukar untuk memanggil kesemua sekali 13 orang anggota Lembaga untuk bermesyuarat pada setiap masa, tetapi jika ada perkara-perkara yang perlu

dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga yang penuh sudah tentulah perkara ini akan dibangkitkan dalam mesyuarat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kamilia Ibrahim membangkitkan berkenaan dengan penjagaan alam sekitar. Sukacita dimaklumkan dalam pindaan yang akan dibawa sebentar lagi, berkenaan dengan pindaan kepada Akta Perancang Bandar dan Desa, penjagaan alam sekitar akan diperketatkan. Berkenaan dengan permit atau pun sijil amalan yang perlu diteliti dengan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat, supaya piawaiannya lebih tinggi, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian akan memastikan bersama-sama dengan lembaga yang akan ditubuhkan nanti bahawa mereka yang diberikan taraf keahlian untuk menjadi ahli kepada perancang bandar ini akan merupakan mereka yang bertanggungjawab, kerana kita juga mahu supaya mereka ini merancang negara kita dengan lebih teliti lagi. Sebagaimana yang kita idam-idamkan, kita mahu wujudkan negara dalam taman, negeri dalam taman, bandar dalam taman, rumah dalam taman, semoga dengan cara ini bermakna negara kita akan lebih hebat lagi dari segi penjagaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya tegaskan di sini bahawa kalau ada perkara-perkara lain yang mungkin saya tidak menjawabnya pada hari ini, perkara-perkara ini akan tetap diambil perhatian oleh kementerian. Setakat itu sahajalah yang dapat saya jelaskan dan saya berharap dengan adanya Akta Perancang Bandar, 1995 ini maka kita boleh mencapai hasrat kita iaitu untuk memastikan mutu perancangan di negara kita ini lebih dipertingkatkan, dan seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, dengan

adanya Akta ini maka dapatlah kita menjaga kepentingan awam dengan memastikan seseorang perancang bandar tidak menyalahgunakan profesionnya.

Selain daripada itu, dengan adanya Akta Perancang Bandar 1995 ini kerajaan juga berharap dapat menjamin kualiti dan mutu perancangan bandar dan juga mutu pembangunan di seluruh negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Hanipah bin Ahmad
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu cadangan pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 telah diperkenalkan pada tahun 1976 sebagai menggantikan Enakmen Lembaga Bandaran (Cap. 137) dengan tujuan untuk mengadakan keseragaman undang-undang serta kawalan dan peraturan yang sempurna bagi perancangan bandar dan desa dalam kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan dalam negeri-negeri Semenanjung Malaysia, kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Akta ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk bertanggungjawab terhadap dasar am berkenaan dengan pemeliharaan, pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan di dalam negeri. Di samping itu, pihak berkuasa perancang tempatan diberi tugas untuk mengatur, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya.

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 mengandungi 9 bahagian seperti berikut:

Bahagian I	—	Permulaan
Bahagian II	—	Dasar dan Pentadbiran
Bahagian III	—	Rancangan Pemajuan
Bahagian IV	—	Pengawalan Perancangan
Bahagian V	—	Bayaran Pemajuan
Bahagian VI	—	Lembaga Rayuan

Bahagian VII — Notis beli dan Pengambilan Tanah

Bahagian VIII — Kawasan-kawasan Kemajuan

Bahagian IX — Peruntukan-peruntukan Pelbagai

Akta ini memperuntukkan bahawa aktiviti pembangunan dan kawalan guna tanah hendaklah dilaksanakan dengan berlandaskan kepada satu sistem perancangan fizikal yang dikenali sebagai Rancangan Pemajuan, dengan izin, Development Plans. Di bawah sistem ini, dua jenis rancangan atau pelan iaitu Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan disediakan bagi setiap pihak berkuasa perancangan tempatan.

Dengan adanya kedua-dua jenis rancangan ini, corak dan bentuk pembangunan bagi kawasan bandar dan desa yang terlibat akan lebih teratur dan seimbang serta dapat melangkah ke arah mencapai suatu pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta ini diperkenalkan pada tahun 1976 dan selama 18 tahun ianya berkuatkuasa, negara terus melalui proses pembangunan ekonomi yang pesat. Ini secara langsung memberi tekanan kepada pembangunan fizikal dan meningkatkan keperluan memperkemaskan lagi sistem pemajuan dan kawalan guna tanah bagi memberi pandu arah yang lebih kukuh dalam menangani arus pembandaran dan pemodenan negara. Berikutan ini, terdapat beberapa isu pelaksanaan dan penguatkuasaan yang perlu diatasi dan memerlukan pindaan kepada perundangan yang sedia ada. Adalah

dijangkakan pindaan perundangan ini akan mempertingkatkan kelicinan dan keberkesanan hal ehwal perancangan bandar dan desa diperingkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Di samping itu, sejak kebelakangan ini, telah timbul kesedaran perlunya usaha menangani isu-isu persekitaran fizikal secara lebih serius seperti penghijauan alam, pengekalan dan pemeliharaan sumber-sumber semula jadi serta perlindungan bangunan yang mempunyai warisan sejarah dan senibina, yang mempunyai hubungan langsung dengan aktiviti perancangan bandar dan desa.

Malahan Jemaah Menteri pada mesyuarat bertarikh 8hb. September 1993 telah mengarahkan langkah-langkah diperketatkan terhadap usaha memelihara keindahan alam semulajadi dengan mengadakan peraturan bagi kawalan penebangan pokok dan bentuk asal permukaan tanah dalam mana-mana pemajuan.

Berikutan tragedi keruntuhan pangsapuri Highland Towers pada 11hb. Disember 1993 lalu, Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengkaji langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian serupa ini berlaku lagi di masa hadapan.

Jawatankuasa Kabinet pada 16 Disember 1993 memperakukan supaya pindaan dibuat kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 antara lain untuk memastikan peruntukan diwujudkan bagi pemeliharaan dan penanaman pokok, pemeliharaan keadaan asal topografi tanah dan penyediaan laporan cadangan pemajuan oleh pemaju bagi keseluruhan kawasan yang akan

dibangunkan. Inilah yang dicadangkan sebagai komponen-komponen baru dalam pindaan kepada Akta ini.

Tuan yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 adalah seperti berikut:

Seksyen 2(1) mengenai tafsiran. Lima takrif baru, iaitu "kerja tanah", "laporan cadangan pemajuan", "pelan", "perintah pemeliharaan pokok" dan "tanah lapang" dimasukkan dalam seksyen 2(1) Akta. Takrif "kerja tanah" dimasukkan untuk memberi maksud kepada aktiviti ini yang terkandung di dalam keperluan memelihara keadaan asal topografi kawasan.

Takrif "laporan cadangan pemajuan" dimasukkan untuk merujuk kepada laporan cadangan pemajuan yang dicadangkan di bawah peruntukan baru, seksyen 21A akta. Takrif pelan dimasukkan untuk memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang termasuk dalam sesuatu pelan itu.

Takrif "perintah pemeliharaan pokok" dimasukkan untuk menunjukkan kepada perintah pemeliharaan pokok yang dicadang di bawah bahagian baru, Bahagian VA, perintah pemeliharaan pokok.

Takrif "tanah lapang" dimaksudkan untuk menjelaskan takrif tanah lapang seperti dicadangkan dalam laporan cadangan pemajuan.

Seksyen 4(1) mengenai Jawatankuasa Perancang Negeri dan Keahliannya.

Cadangan dibuat untuk menambah 3 ahli baru dalam Jawatankuasa, iaitu Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri,

memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh ketiga-tiga pegawai ini, kerana segala penyediaan, pelaksanaan dan pengawalan pelan-pelan pembangunan sangat bergantung kepada sumber kewangan dan pengawasan dari Pejabat-pejabat Kewangan dan Pembangunan Negeri serta alam sekitar.

Seksyen 10(5) Mengenai Kelulusan atau Penolakan Draft Rancangan Struktur oleh Jawatankuasa.

Berdasarkan kepada pengalaman yang telah lalu, masa selama tiga bulan yang diperuntukkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk menimbang dan meluluskan draf rancangan struktur adalah tidak mencukupi. Seksyen ini mencadangkan tempoh ini dilanjutkan kepada enam bulan untuk mengambil kira proses seranta, penyiasatan awam dan penyediaan draf laporan seranta serta pindaannya yang perlu dijalankan dalam tempoh itu.

Seksyen 12(3)(a) Mengenai Penyediaan Draft Rancangan Tempatan

Pindaan memasukkan perkara-perkara baru seperti aspek pemeliharaan pokok, mempertingkatkan landskap, pemeliharaan keadaan asal topografi, pemeliharaan dan peningkatan sifat dan rupa bangunan adalah untuk memastikan aspek-aspek tersebut ditekankan dalam penyediaan sesuatu rancangan tempatan.

Seksyen 13(3) Mengenai Seranta Berkenaan dengan Draft Rancangan Tempatan.

Pindaan dicadangkan bagi membolehkan tempoh empat minggu untuk bantahan kepada draf rancangan tempatan dilanjutkan empat minggu

lagi, jika perlu, memandangkan pada peringkat draf rancangan tempatan, lebih ramai individu atau pertubuhan akan berminat untuk memeriksa secara langsung cadangan-cadangan yang dikemukakan dan akan memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk membuat kajian terperinci dan mengemukakan rayuan atau bantahan.

Seksyen 21(6) Mengenai Seranta ke atas permohonan untuk kebenaran merancang

Pindaan ini dicadangkan bagi memperuntukkan dalam keadaan di mana terdapat permohonan untuk kebenaran merancang dalam kawasan yang masih belum ada rancangan tempatan, walaupun telah ada rancangan struktur. Di sini, pihak berkuasa perancangan tempatan dikehendaki memberitahu pemunya tanah yang bersempadan akan hak mereka untuk membantah ke atas permohonan itu dan pihak berkuasa itu hendaklah mengambil kira bantahan yang ada sebelum membuat keputusan terhadap permohonan itu.

Seksyen baru, seksyen 21A mengenai laporan cadangan pemajuan. Seksyen baru ini memperuntukkan bahawa dalam mana-mana permohonan untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah mengemukakan bersama permohonannya suatu laporan cadangan pemajuan yang mengandungi butiran lengkap mengenai keadaan tapak tanah yang dicadang untuk dibangunkan termasuk aspek geologi, topografi, pengairan, alam sekitar, pokok dan tumbuh-tumbuhan. Pemohon seterusnya dikehendaki menunjukkan setakat mana pemajuan yang hendak dijalankan itu akan memberi kesan terhadap elemen-elemen yang dinyatakan tadi dan

terhadap kawasan berhampiran dan juga cadangan langkah-langkah untuk memelihara dan memperelokkan lagi alam persekitaran fizikal. Dengan adanya laporan ini akan dapat membantu pihak berkuasa perancangan tempatan menilai kesesuaian pemajuan ini dari segi perancangan untuk pemeliharaan, kegunaan dan pemajuan tanah dan bangunan yang merangkumi elemen-elemen keselesaan, kesihatan dan keselamatan.

Seksyen baru, seksyen 21B mengenai kandungan pelan susunatur untuk kebenaran merancang. Seksyen baru ini memperuntukkan perkara-perkara yang dikehendaki dimasukkan dalam pelan susunatur yang disediakan untuk laporan cadangan pemajuan. Pelan susunatur ini di antara lain, akan mengandungi langkah-langkah bagi memelihara dan menanam pokok, mengadakan kawasan lapang, pemeliharaan kawasan semulajadi bertopografi, serta pemuliharaan dan peningkatan ciri dan sifat bangunan yang berkepentingan seni bina atau sejarah. Ini akan memudahkan pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan membuat perbandingan dengan pelan cadangan sebelum membuat keputusan memberi kebenaran merancang.

Seksyen baru 21C mengenai penyediaan pelan, rancangan, laporan dan sebagainya oleh orang yang berkelayakan. Satu seksyen baru dicadangkan untuk menetapkan bahawa semua pelan-pelan, rancangan-rancangan, laporan-laporan, lukisan-lukisan, peta-peta dan dokumen-dokumen yang dikehendaki disediakan di bawah Akta ini dibuat oleh orang yang berkelayakan.

Cadangan ini dibuat untuk memastikan mereka yang berkelayakan dan berpengalaman sahaja yang

dipertanggungjawabkan menyediakan pelan-pelan dan dokumen-dokumen ini yang lazimnya mengandungi aspek-aspek teknikal dan kepakaran tertentu. Dengan ini, semua pelan dan dokumen ini akan benar-benar mengambil kira segala aspek perancangan guna tanah, khususnya dari sudut persekitaran fizikal, keselesaan dan keselamatan.

Seksyen 22 mengandungi layanan ke atas permohonan kebenaran merancang. Dicadangkan seksyen 22 dipinda untuk memasukkan peruntukan yang menghendaki pihak berkuasa perancang tempatan mengambil kira laporan cadangan pemajuan yang dikemukakan semasa permohonan untuk kebenaran merancang. Dicadangkan juga pihak berkuasa perancang itu mengambil kira keterangan-keterangan, jika ada, yang dikemukakan mengenai pemeliharaan pokok, pemeliharaan topografi tanah dan pemeliharaan bangunan sejarah dan seni bina semasa meneliti permohonan untuk kebenaran merancang. Peruntukan ini juga akan membolehkan pihak berkuasa itu mengenakan syarat-syarat semasa memberi kebenaran merancang.

Seksyen 26 hingga 30 mengenai penalti yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan. Dicadangkan seksyen-seksyen 26 hingga 30 dipinda untuk meningkatkan had maksimum penalti yang boleh dikenakan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta ini. Cadangan kenaikan had maksimum denda ini adalah selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan kesedaran semua pihak akan kesan negatif terhadap pembangunan khususnya mengenai pemeliharaan persekitaran fizikal yang timbul akibat dari menjalankan pemajuan yang melanggar peruntukan-peruntukan akta ini.

Bahagian baru, bahagian VA mengenai perintah pemeliharaan

pokok. Dicadangkan satu bahagian baru diperuntukkan untuk membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan membuat 'Perintah Pemeliharaan Pokok' untuk melarang memotong atau merosakkan mana-mana pokok, melainkan dengan persetujuan pihak berkuasa itu.

Dicadangkan peruntukan am diadakan yang melarang penebangan atau pemotongan pokok yang mempunyai lilitan yang melebihi 0.8 meter kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa perancang tempatan.

Pada keseluruhannya, bahagian ini adalah sangat penting untuk mengekalkan kehijauan alam semulajadi dan untuk menentukan persekitaran fizikal yang sempurna di dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa perancang tempatan. Dengan adanya bahagian ini, dapatlah satu peruntukan perundangan untuk mewajibkan pemilik atau pengguna tanah memelihara atau mengganti pokok-pokok dalam kawasan mereka dan mekanisma untuk melaksanakan peruntukan ini adalah melalui perintah pemeliharaan pokok.

Dengan adanya pindaan ini, keadaan alam sekitar serta iklim mikro di sesuatu projek perumahan, kawasan membeli belah, tempat kerja atau tempat rekreasi akan menjadi lebih hijau, indah dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan di sini bahawa rang undang-undang ini tidak akan melibatkan wang kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Haji Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datin Hajjah Wan Intan bin Haji Wan Ahmad Tajuddin.

5.31 ptg.

Datin Hajjah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong penuh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang kemudian daripada ini akan dikenali sebagai Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995.

Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong di atas memperkenankan perlantikan semula saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim serta Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz dan kerajaan di atas perlantikan semula saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini kerana memikirkan kepentingan alam sekitar kita kepada semua rakyat negara ini pada masa akan datang. Kita haruslah sedar bahawa pembangunan pesat tanpa melindungi alam sekitar, bangunan itu akan kemungkinan kita juga akhirnya rugi. Pada fikiran saya, pembangunan yang kita rancang haruslah seimbang dengan keadaan alam sekitar dan fizikal negara kita.

Jika boleh, kita harus berpegang kepada konsep pembangunan tanpa kemusnahan.

Menyentuh tentang konsep pembangunan tanpa kemusnahan ini, saya ingin syorkan supaya pihak berkuasa tempatan sama ada di peringkat negeri atau pusat, luas sesuatu kawasan yang hendak dibangunkan itu mestilah dihadkan. Sebagai contoh, jika luas keseluruhan kawasan yang hendak dibangunkan itu 200 ekar, pemaju mestilah merancang untuk memajukan kawasan tersebut dalam beberapa peringkat seperti pertama pemaju hanya membersihkan dan membangunkan tanah tersebut seluas 20 ekar dahulu. Apabila siap peringkat pertama ini, pemaju bolehlah memajukan peringkat kedua yang luasnya mungkin 20 ekar juga dan begitulah seterusnya.

Cadangan saya ini adalah semata-mata untuk menjamin tidak berlakunya hakisan tanah atau tanah runtuh secara besar-besaran sehingga memusnahkan alam sekitar. Amalan yang dilakukan oleh pemaju pada masa ini ialah menebang dan memusnahkan sesuatu tumbuhan di kawasan yang ingin dimajukan walaupun kawasan itu luasnya beratus-ratus ekar. Kesannya terhadap alam sekitar amat ketara sekali iaitu berlakunya banjir kilat dan hakisan tanah yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai pengekalan kawasan hijau atau dengan izin, green belt. Dalam bandar yang kita bina di kiri kanan lebuh raya di Lembah Kelang, nampaknya kawasan dengan izin, green belt, ini telah dimusnahkan semata-mata untuk membangunkan industri. Saya berharap pihak berkuasa tempatan mestilah bertindak pantas

dan cekap bagi mengekalkan atau mewujudkan semula, dengan izin, green belt ini. Tidak guna kita mengadakan Akta Perancangan Bandar dan Desa ini jika di kiri kanan lebuh raya kita penuh dengan hutan batu-bata sama seperti di negara-negara Barat. Saya syorkan supaya pengekalan dengan izin, green belt ini mestilah juga diberi keutamaan oleh semua pihak yang berkuasa.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

5.36 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa.

Saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan apa yang telah dibentangkan adalah sangat tepat dalam masa dunia sedang heboh atau sedang membicarakan tentang pembangunan mampan atau dengan izin, sustainable development dan perancangan bandar dan desa ini adalah merupakan salah satu daripada 43 perundangan negara yang mempunyai kaitan dengan pembangunan mampan dan penjagaan environment.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang berkenaan kerana dengan pindaan ini bermakna bahawa penguatkuasaan yang lebih kuat akan dilaksanakan bagi memastikan bahawa terutamanya alam sekitar negara dapat dijaga dan seterusnya kita dapat sama-

sama melaksanakan segala apa yang telah diisytiharkan dalam berbagai-bagai deklarasi umpamanya Deklarasi Langkawi dan mungkin yang paling akhir ataupun yang paling hebatnya ialah Summit di Rio dalam tahun 1992.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kita kepada pindaan yang pertama di bawah Fasal 1 iaitu pemakaian pindaan ini atau pemakaian akta ini. Akta ini apa yang dapat dilihat adalah akan terpakai kepada negeri-negeri melalui pemberitahuan di dalam warta oleh negeri dan negeri mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana bahagian, mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan untuk sama ada memakai atau tidak peruntukan di dalam akta ini.

Jadi, perlulah kita memastikan bahawa kerajaan-kerajaan negeri dapat menerima peruntukan-peruntukan di dalam akta ini kerana di sini apa yang telah dimaksudkan bahawa negeri-negeri mempunyai pilihan sama ada ianya mahu menerima ataupun tidak menerima, kerana ianya adalah di bawah Senarai Negeri.

Jadi, di sini saya ingin menyarankan bahawa pihak kementerian memastikan bahawa negeri-negeri benar-benar mengambil berat tentang peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini dan memastikan bahawa pihak-pihak Negeri akan menentukan perkara Pindaan-pindaan akta tersebut jika peruntukan ini tidak dapat dijadikan mandatori. Kalau kita lihat dalam kes-kes tentang menggazet tanah sebagai hutan tetap contohnya, kita dapati masih banyak negeri yang tidak berbuat demikian mengikut laporan di dalam surat khabar. Hanya Terengganu yang telah berbuat demikian. Jikalau kiranya kita dapati bahawa masih

banyak negeri yang kurang peka kepada pentingnya penjagaan alam sekeliling dan juga perancangan bandar dan desa mengikut apa yang telah dikemukakan dalam pindaan ataupun peruntukan baru ini, maka mungkin kita boleh cadangkan pindaan dibuat di dalam Perlembagaan untuk memastikan bahawa perkara-perkara yang telah dibentangkan dalam akta ini dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

Yang keduanya ialah mengenai pindaan seksyen 2 (Akta 172), yang ini saya rasakan pihak kementerian telah membuat satu penelitian yang begitu baik dan ini juga adalah merupakan pindaan-pindaan yang pastinya akan memastikan bahawa apa-apa perancangan yang akan dilakukan akan merupakan satu perancangan yang harmoni dengan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang seksyen 13 akta yang akan dipinda iaitu mengenai peluang yang akan diberi kepada rayuan bagi draf rancangan tempatan di mana draf rancangan tempatan boleh dilanjutkan sekali oleh pihak berkuasa perancangan tempatan selama tidak lebih daripada empat minggu atas permohonan mana-mana orang, apabila ianya bagi untuk membuat bantahan atau rayuan.

Pindaan ini pada hemat saya adalah satu pindaan yang baik, yang mana membolehkan suatu perancangan itu dapat diteliti dan dapat dihayati oleh pihak-pihak yang akan menerima implikasi sesuatu perancangan itu. Walau bagaimanapun, saya merasakan dalam bidang perancangan dan dalam bidang kesedaran tentang alam sekitar, perkara ini masih lagi kurang mendapat perhatian orang ramai. Jadi, saya mencadangkan di sini bahawa pihak kementerian perlulah mempertingkat-

kan kesedaran awam tentang penjagaan alam sekitar dan seterusnya pentingnya pihak awam mengambil bahagian dalam apa-apa perancangan bandar dan desa yang akan dilaksanakan.

Memang kita tahu bahawa kita ada pelan struktur dan juga pelan tempatan yang akan dipamerkan tetapi kebanyakannya seringkali pihak yang berkenaan tidak mengambil berat tentang perkara-perkara ini kerana kurangnya kepekaan. Jadi, kalau adalah program kesedaran tentang perancangan ini, yang baik dan harmoni dengan alam sekitar ini dipertingkatkan dan bukan setakat sahaja kementerian memberi kesedaran tetapi kementerian juga perlulah mempertingkatkan komitmen dan juga perubahan sikap pihak awam untuk lebih peka kepada perancangan-perancangan ini.

Saya juga mencadangkan bahawa pihak NGO dibawa bersama untuk bersama-sama melibatkan diri untuk memberi kesedaran ini dan juga media massa perlu juga diberikan ataupun diminta peranan yang lebih aktif dan lebih berkesan. Tetapi saya rasa buat masa ini media massa *New Straits Times* dan *Berita Harian* banyak menekankan tentang alam sekitar dan penjagaan dalam segi perancangan bandar dan juga desa.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai seksyen 21 yang juga akan dipinda dan seksyen ini kita dapati juga merupakan satu yang memang perlu kita berikan tahniah kepada pihak kementerian yang begitu teliti telah mengambil kira semua aspek-aspek yang kita rasa pastinya akan memberi implikasi kepada perancangan sesuatu tempat itu terutama dalam aspek ianya

menentukan dari segi geology dan topography dan bentuk semulajadi. Kita juga dapati di sini bahawa pihak kementerian telah mengambil kita tentang ciri-ciri binaan dan juga ciri-ciri sejarah sesuatu bangunan di dalam sesuatu kawasan itu.

Walau bagaimanapun, apa yang kita persoalkan di sini ialah sama ada setakat manakah pelan susur atur perancangan bandar ini memberikan implikasi bio-physical sekitarnya dan juga setakat manakah perancangan ataupun apa yang akan dirancangan nanti daripada peruntukan undang-undang ini akan memberikan perancangan yang merupakan perancangan yang ke hadapan (forward planning) kerana dalam kita membuat perancangan walaupun perancangan bandar dan juga desa ini, perlulah juga kita memikirkan dalam konteks bukan sahaja konteks masa kini tetapi juga konteks masa hadapan.

Seterusnya, saya amat sukacita melihat tentang peruntukan pemeliharaan pokok. Pemeliharaan pokok ini adalah merupakan satu perkara yang mungkin nampak kecil kepada kita terutamanya di Malaysia ini yang penuh dengan kehijauan. Walau bagaimanapun, kita merasa gembira kerana akta ini telah menjadikan ianya satu perundangan tentang pemeliharaan pokok dan ianya juga menentukan adanya penalti jikalau kita tidak memelihara pokok, kita tidak menanam pokok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pokok ini banyak fungsinya. Kalau boleh saya memberikan sedikit apa yang saya telah baca dalam buku Prof. Dr. Sham Sani, "Environmental Development in Malaysia: Changing, Concerned and Approaches" dengan izin, pokok ini boleh menurunkan suhu panas selain daripada kecantikan dan

mengawal hakisan air dan angin, memberi kestabilan tanah dan juga boleh menurunkan tahap bunyi, selain daripada menyuci udara dan menapis kekotoran dan mengeluarkan oksigen. Ini telah dibuktikan di dalam beberapa pengajian atau kajian bahawa memanglah pokok itu banyak memberi manfaatnya kepada kita, jika ada yang masih tidak yakin tentang pentingnya pokok.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin memetik satu cadangan di sini daripada apa yang telah saya baca ialah sama ada kita hendak dalam perancangan bandar di negara ini kita mahu melaksanakan apa yang dipanggil dengan izin, urban forestry concept. Saya rasa banyak telah dilaksanakan di bandar-bandar di negara ini. Walau bagaimanapun, mungkin ada baiknya kalau pihak kementerian menjadikan ianya suatu program kebangsaan (national programme) kepada semua bandar-bandar di negara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang peruntukan penalti dan penguatkuasaan. Saya yakin bahawa peruntukan tentang penalti dan penguatkuasaan, ini apa yang telah diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini akan dapat dilaksanakan kerana apa yang telah diperuntukkan ini merupakan perkara-perkara yang praktikal. Cuma mungkin menjadi kemusykilan ialah sama ada pihak kementerian mempunyai cukup pegawai-pegawai penguatkuasa dan juga sama ada pihak kementerian mempunyai cukup kewangan untuk membiayai segala apa yang telah diperuntukkan terutama bagi penguatkuasaan dan pelaksanaan apa yang telah dirancang.

Saya juga ingin mendapat penjelasan di sini daripada pihak kementerian, iaitu Yang Berhormat Timbalan

Menteri, banyak kali kita membaca dan apa yang kita dapati di sini adalah tentang perancangan bandar. Saya agak kurang arif mengenai pelaksanaan perancangan desa itu. Setakat manakah perancangan desa telah dibuat dan setakat manakah telah dilaksanakan kerana kalaulah perancangan bandar dan perancangan desa itu dapat dibuat selari, maka tentunya akan menjadi lebih cantik dan indah bila mana desa dan bandar itu dapat mengcompliment each other dalam pembangunan negara ini terutamanya ke arah kita menuju ke negara yang membangun. Dan kita mengharapkan bahawa kita tidak akan dapat perbezaan yang luas di antara apa yang terdapat di bandar dan apa yang terdapat di desa agar perancangan bandar dan desa itu akan memberikan satu bentuk negara di mana kita merasakan tidak ada apa-apa perbezaan di antara bandar dan desa.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacub.

5.49 ptg.

Puan Kelsom binti Yaacub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana telah merangka satu rang undang-undang yang berhubung kait dengan perancangan bandar dan desa yang mana telah meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang terdapat sebelum ini pihak perancang bandar dan desa tidak mengikot sepenuhnya syarat-syarat yang telah dilandaskan di dalam perkara mereka-bentuk dan susur atur sesebuah bandar

yang hendak dipertingkatkan kerana banyak terdapat tapak-tapak bangunan yang tidak dibuat kaji tanah dengan terperinci sebelum satu-satu tapak bangunan hendak dikorek atau diratakan.

Kerja kaji tanah perlu dibuat dengan teliti supaya tidak berlaku sebarang kegagalan apabila kerja tersebut diberikan kepada pemaju untuk diusahakan. Kebelakangan ini ada kedapatan tapak bangunan terpaksa ditangguhkan begitu sahaja oleh pemaju kerana terdapat batu-batu pejal di bawah tapak bangunan itu sendiri. Ini adalah disebabkan kurang teliti semasa perancangan membuat plan tapak di sebuah bangunan itu. Maka di sini timbullah satu pembaziran kerja separuh jalan, kemudian diberhentikan, tetapi harga kerja tanah yang telah dibuat terpaksa dibayar kerana kegagalan ini bukan berpunca daripada pemaju, tetapi adalah daripada kecuaihan pihak yang terlibat dengan kaji tanah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kedapatan juga satu perancangan yang telah dibuat dengan begitu teliti, tetapi masih kedapatan kecacatannya kerana tidak mengambil kira keadaan semulajadi. Sebagaimana yang kita semua ketahui bahawa beberapa faktor berhubung dengan alam semulajadi, umpamanya sungai-sungai yang mengalir di dalam bandar ataupun di pinggir bandar terus tidak diendahkan keadaan semulajadinya. Sebenarnya, sungai mempunyai rizab tersendiri yang telah ditetapkan mengikut lebar sungai tersebut dan rizab-rizab ini telah diserahkan kepada satu agensi bagi mengawasi dan menyelenggaranya semata-mata untuk menjaga kestabilan tebingnya. Tetapi apa yang kita dapati sekarang ini perancang bandar dan desa seolah-olah tidak mengetahui tentang kewujudan

perkara ini. Contohnya banyak bandar terus dibangunkan sehingga ke tebing sungai tanpa meninggalkan rizab yang telah ditetapkan, akibatnya terdapat kesukaran bagi penyelenggara tebing sungai itu sendiri apakala berlaku hakisan.

Begitu juga dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah atau sederhana sering dibina di kawasan yang selalu dilanda banjir kilat, akibat sungai tidak dapat diselenggara kerana rumah telah didirikan sehingga terus tidak meninggalkan rizab sungai. Ini adalah satu kelemahan yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tanah runtuh, kita semua tahu ianya disebabkan oleh adanya hakisan. Sebenarnya hakisan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja apatah lagi di musim hujan. Pembinaan jalan-jalan raya di lereng bukit sudah pasti terdedah kepada kejadian tanah runtuh, ini adalah disebabkan kawasan di sekitarnya telah dibersihkan. Bilamana kawasan ini sudah dibersihkan, maka aliran air akan menjadi kuat dan laju, walaupun ada arahan agar pemeliharaan kestabilan tebing dan hutan agar kayu di pinggir atau di lereng bukit jangan ditebang atau seumpamanya. Tetapi kadang-kala berlaku juga kesilapan kerana kerajaan juga telah meluluskan pembalakan diusahakan di tempat-tempat berbukit yang mana jalan raya ada di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini juga patut diambil kira oleh pihak perancang bagi melaksanakan satu-satu projek.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

5.55 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut sama mengambil bahagian yang singkat untuk membincangkan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995.

Sepertimana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa ini memang telah wujud sejak tahun 1976. Kalau kita baca rang undang-undang ini memanglah satu rang undang-undang yang sungguh cantik, sungguh lengkap seolah-olah rang undang-undang ini akan menjanjikan sesuatu yang memang selama ini kita harap-harapkan. Tetapi apa yang ingin saya persoalkan ialah dari segi pelaksanaan rang undang-undang ini, kerana kalau kita tengok di bawah Fasal 8, Tuan Yang di-Pertua, di mana Akta ibu dipinda dengan satu pindaan yang sungguh cantik:

“8.(a) konsep dan justifikasi pemajuan:

(b) peta lokasi dan pelan tapak;

(c) butir-butir.”

segala-galanya. Tetapi yang menjadi masalahnya ada pula di Fasal 2, biasanya pegawai-pegawai kerajaan ataupun mereka yang terlibat, mereka hanya baca Fasal 2 sahaja, “Pihak berkuasa negeri boleh melalui kaedah-kaedah mengecualikan apa-apa pemajuan atau kelas, jenis atau kategori pemajuan daripada menyampaikan laporan seperti yang dikehendaki di atas.”

Yang menjadi masalah kadang-kala apabila kita membuat undang-undang ada sahaja pengecualian dan biasanya

pihak-pihak yang tertentu menggunakan akta ini meminta pengecualian. Jadi, apabila kita sudah membuat undang-undang, selepas itu ada pula tempat-tempat yang boleh membuat pengecualian, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab biasanya akan membaca rang undang-undang ini, dilihat di mana boleh dia hendak suitkan undang-undang ataupun projek-projek yang hendak dibuat, di sinilah biasanya akan disalahgunakan.

Kita lihat pembangunan-pembangunan yang berlaku di negara kita, tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan soal tanah, soal hakisan yang berlaku dan segala-galanya. Kalau kita kaji dan lihat, yang meluluskan segala-galanya ini ialah pihak kerajaan sendiri, jika pihak pemaju memang dia hendak maximise profit, dia hendak untung, dia hendak kepadatan yang setinggi-tingginya, keuntungan yang sebaik-baiknya, tetapi yang meluluskannya ialah pihak kerajaan. Di sini pihak kerajaan sepatutnya ada rang undang-undang, kita pergunakan dengan sebaik-baiknya, jangan selepas membuat undang-undang ada pengecualian.

Di sinilah tiap-tiap kali saya tengok di manapun undang-undang di Kuala Lumpur hari ini, satu-satu tempat itu kepadatannya mungkin 10 orang untuk satu ekar, besok sudah naik 200 orang, lusa naik 300 orang, bulan hadapan sudah naik sampai 1,000 orang untuk satu ekar, semata-mata kerana adanya pihak berkuasa negeri boleh melalui kaedah-kaedah mengecualikan. Jadi, kita buat undang-undang, kita berbahas pun, kadang-kadang menghabiskan masa sahaja.

Saya berharap kepada pihak kerajaan bila kita membuat undang-undang, kalau hendak pengecualian

biarlah susah hendak mendapat pengecualian, daripada 1,000 hanya satu boleh ada exception. Ini kadangkala semuanya apa pun hendak buat ada pengecualian, kalau hendak kata 'dalang' itu terlampau kasar sangat bahasanya, yang menjadi masalahnya ialah majlis-majlis bandaran sendiri, umpamanya di Petaling Jaya atau di Subang Jaya, pihak pemaju sudah memberi satu kawasan untuk membina rumah dengan padang, dengan kawasan car park dan kawasan-kawasan lapang untuk permainan. Tetapi selepas setahun atau dua tahun ada pula pihak lain berjumpa dengan majlis bandaran membuat cadangan untuk menswastakan kawasan-kawasan lapang dan pihak majlis tempatan dengan sewenang-wenangnya meluluskan. Jadi, adakah ini kita hendak salahkan pihak pemaju? Yang salah kita sendiri juga yang membuat undang-undang balik, kita minta satu kawasan selepas itu kita luluskan pula pembangunan-pembangunan yang lain.

Saya berharap khasnya kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan lebih strict lagi dalam masalah pembangunan ini. Cubalah kita lihat bandar-bandar yang lain, kalau di Kuala Lumpur ini, jika kita tinggal di luar Kuala Lumpur, kalau kita datang ke sini bulan hadapan, seolah-olah kita sudah sesat. Jika kita tengok satu bandar yang lain, misalnya kita pergi ke London atau ke mana-mana, kalau hari ini ada Hydra Park, 100 tahun lagi Hydra Park akan macam itu juga, tidak ada seorang pun yang berani mengusik park itu hendak dijadikan bangunan ataupun sebagainya.

Dengan adanya pindaan ini saya percaya satu hari nanti kalau dipanjangkan umur, Lake Garden yang ada pada hari ini mungkin sudah tidak

ada lagi, kerana adanya pindaan-pindaan yang membolehkan pihak-pihak tertentu mendapat pengecualian.

Bukit Federal yang dekat dengan Lake Garden itu pun hendak dibuat macam-macam pembangunan, hendak buat kondominium. Kawasan hijau (green lung) seperti kata Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan tadi, sudah hendak dijadikan suatu pembangunan yang raksasa. Yang salahnya kita juga. Saya tidak menyalahkan pihak pemaju. Pihak pemaju hendak mencari keuntungan. Tetapi kalau sekali pihak kementerian releks, boleh dipinda, jadi pada masa itulah pihak pemaju hendak mencari keuntungan. Tetapi kalau kita sudah buat ia 'strict', misalnya satu kawasan itu ketumpatan (density) penduduknya telah pun ditetapkan, tidak boleh dipinda lagi. Misalnya, kalau kita beli suatu kawasan perumahan itu, dan pelan susun aturnya sudah sedia dengan kependudukan serta kawasan padangnya, kalau 'lease'nya selama 99 tahun, mesti untuk 99 tahun, tidak ada perubahan, barulah kita boleh bercakap fasal rang undang-undang ini.

Kadang-kadang kita pun 'frust'. Cakap fasal undang-undang, hendak tanam pokok elok-elok, lepas itu besok, seperti kita lihat di Kuala Lumpur, di Subang Jaya atau di mana-mana bandar akan berlaku balik sejarah-sejarah ini. Jadi saya berharap kepada pihak kementerian supaya dapat meneliti keadaan ini.

Satu lagi, saya berharap janganlah pula badan-badan kerajaan, Majlis-majlis Tempatan menjadi pihak yang mencero bohi apa-apa yang telah dilakukan. Kita minta pemaju menyediakan kawasan lapang, maka pemaju pun sediakan kawasan lapang. Kena dua, tiga tahun selepas itu sudah

dikebas orang lain. Buat pula bangunan tinggi. Encik Abdullah pun tahu sebab dahulu dia duduk di Subang Jaya, dia pun faham. Saya pun duduk di Subang Jaya, saya tahu. Hari ini tiba-tiba sudah ada pula satu bangunan tinggi di hadapan. Siapa yang luluskan? Majlis Bandaran. Ini kita tidak boleh salahkan pemaju. Kalau saya menjadi pemaju pun saya juga akan minta kawasan itu untuk dimajukan untuk mendapat keuntungan, tetapi yang meluluskan Majlis Bandaran. Kita buatlah undang-undang seribu kali sekali pun, kalau tidak ada ketegasan saya percaya rang undang-undang itu tidak akan berjaya.

Saya berharap dengan Menteri yang baru dan Timbalan Menteri yang baru, kali ini saya percaya, saya banyak kali telah bercakap dengan Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli, Timbalan Menteri kita, "You have to be very, very strict". Kalau tidak, tidak guna kita buat undang-undang. Tadi Yang Berhormat Puan Kamalia pun kata 'gunapakai'. Kita buat undang-undang tetapi kalau Majlis Bandaran tidak mahu gunakan, saya tidak tahu di mana kuasanya.

Hari itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kata hendak buat undang-undang untuk kawasan industri — Pungutan Sampah Sisa-sisa Industri di Seberang Perai—hendak diswastakan, kalau tidak silap saya. Tetapi Majlis Bandaran kata, "No", tidak boleh. Ia tidak hendak ikut arahan kementerian. Jadi, siapa yang berkuasa? Kalau satu sudah kita benarkan besok, yang lain pun akan buat juga, akan defy apa yang pihak kementerian sarankan. Kalau kita hendak buat rang undang-undang, mesti kita perketatkan. Maknanya, kita buat rang undang-undang ini, Majlis Tempatan mesti gunapakai rang undang-undang ini, tidak ada kuasa-

kuasa lain. Kalau tidak, pihak kementerian hanya jadi penasihat. Dia hendak pakai dia pakai, kalau tidak, ikut suka hati dia.

Jadi, inilah pandangan-pandangan ikhlas saya dan saya berharap mendapat penjelasan-penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad:
Dijemput pihak Menteri menjawab.

6.05 ptg.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan pandangan, cadangan dan saranan semasa membahaskan pindaan Akta Perancang Bandar dan Desa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah mengesyorkan supaya dihadkan kawasan yang hendak dimajukan, iaitu difasakan Kementerian mengambil maklum syor ini dan melalui pindaan Akta Perancang Bandar dan Desa ini nanti, maka kita akan tekankan berkenaan dengan alam sekitar dan kita juga akan pastikan bahawa keadaan-keadaan perancangan kita akan lebih teratur, terpelihara dan semoga perancangan ini lebih selamat.

Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan 'green belt' diberi perhatian dalam pembangunan. Perkara mengenai 'green belt' sebenarnya akan menjadi satu-satunya perkara yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini. Ini akan diambil kira dalam penyediaan rancangan struktur dan rancangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim mengesyorkan kemungkinan Perlembagaan diadakan untuk menghendaki setiap negeri menerima-pakai Akta ini. Perkara ini sebenarnya memerlukan satu kajian yang mendalam kerana ianya melibatkan kuasa-kuasa negeri.

Cadangan supaya orang awam dipertingkatkan kesedaran mereka mengenai perancangan bandar, kementerian ini melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan meneruskan usaha melalui program-program yang tertentu bagi meningkatkan kesedaran awam kepada aktiviti perancangan. Ini termasuk pameran-pameran untuk pelan tataatur satu-satu kawasan atau Majlis Daerah atau Bandaran. Ianya bagi membolehkan orang ramai dan orang awam mengambil bahagian dalam perancangan ataupun pelan struktur satu-satu kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa memang menjadi dasar Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan rancangan struktur di semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak 52 rancangan struktur bagi Pihak Berkuasa Tempatan telah siap disediakan dan 44 rancangan lagi dalam proses penyediaan dan kerajaan berharap pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam nanti, semua Pihak Berkuasa Tempatan akan mempunyai rancangan struktur masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia juga membangkitkan supaya perlu diambil kira aspek 'biodiversity' dan

kepentingan perancangan di masa hadapan. Kementerian mengambil maklum cadangan ini dan akan memastikan aspek ini diambil kira melalui pelaksanaan pindaan Akta ini nanti.

Yang terhormat juga membangkitkan kepentingan pokok sebagai elemen saintifik. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana begitu mengambil berat berkenaan dengan perkara ini dan saya yakin Yang Berhormat telah mengambil masa yang agak panjang untuk membuat kajian berkenaan dengan kegunaan dan kepentingan pokok sebagai satu elemen kepada persekitaran kita. Ingin saya tegaskan di sini bahawa kementerian memang menggalakkan program-program seumpama ini seperti 'Program Halaman Cantik', dan 'Program Bersih dan Indah' yang telah berjalan sejak tahun 1992 lagi. Baru-baru ini kementerian juga menerima baik cadangan daripada OISCA International untuk mengadakan kerjasama dengan kementerian bagi mempertingkatkan kempen penanaman pokok oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya diadakan program-program mengenai keindahan dan kecantikan alam. Ingin ditegaskan bahawa sebagaimana yang saya sebutkan tadi, melalui pindaan ini sebenarnya kementerian memberikan penekanan terhadap keindahan dan kecantikan alam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang, terutama sekali Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba. Memang di masa yang lepas ada setengah-

setengah Kerajaan Negeri tidak menerima pakai sesetengah peruntukan di dalam sesuatu Akta itu. Jadi, rasa bimbang Ahli Yang Berhormat ada asasnya kalau berdasarkan kepada pengalaman yang lepas. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan akan cuba sedaya-upaya untuk memujuk dan meyakinkan Kerajaan Negeri supaya mereka menerimapakai peruntukan-peruntukan dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga akan mempertingkatkan aktiviti perancangan bandar, termasuk penanaman pokok-pokok yang terletak di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kementerian juga akan memastikan bahawa majlis-majlis daerah dan majlis Perbandaran akan juga mengikut sebagaimana yang dikehendaki, iaitu mempertingkatkan, dengan izin, landscaping, kawasan-kawasan majlis bandaran dan juga majlis-majlis daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal perancangan bandar. Kerajaan memang sedar aktiviti perancang bandar dan desa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bandar. Jadi, bagi memastikan perancangan dapat berjalan secara seimbang, kerajaan memperkenalkan piawai perancangan ataupun planning standard untuk membantu pihak berkuasa perancangan tempatan merancang dengan lebih lancar dan baik lagi bandar-bandar di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba juga membangkitkan kuasa untuk mengecuali dalam peruntukan baru Fasal 21A(2). Kita yakin bahawa pihak berkuasa negeri tentunya akan menggunakan budi bicara pada

menjalankan kuasa, memberi pengecualian ini dan tidak menggunakan kuasa ini dengan sewenang-wenangnya. Pihak Kerajaan Persekutuan boleh menguatkuasa ataupun perkara ini dengan menggunakan mesyuarat negara bagi kerajaan tempatan untuk memastikan bahawa perkara ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga ditegaskan kepada Yang Berhormat Senator Rahim Baba bahawa dalam kita membangunkan kawasan-kawasan sama ada bandar ataupun di luar bandar di negara kita ini, terutama sekali kawasan-kawasan majlis tempatan, apa yang ditekankan oleh kementerian adalah sebagaimana yang selalu ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dengan izin, profit with social responsibility, 'keuntungan dengan tanggungjawab sosial.' Kita akan menekankan kepada pihak pemaju supaya mereka juga memberikan penekanan kepada keadaan-keadaan sekeliling, keadaan alam sekitar supaya dengan cara ini pembangunan bukan hanya bermakna keuntungan, tetapi juga pembangunan bermakna pembangunan akan dilaksanakan dengan adanya tanggungjawab sosial.

Tuan Yang di-Pertua, ini ditambah lagi dengan kerajaan menganjurkan falsafah baru perancangan yang berasaskan sebagaimana yang telah saya sebutkan pada permulaan pindaan apabila mengemukakan Rang Undang-undang Perancang Bandar, iaitu perancangan akan berasaskan kepada perancangan sejagat, iaitu hubungan tiga hala; hubungan antara manusia dengan penciptanya, manusia dengan manusia, dan juga manusia dengan alam sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kelsom Yaacob membangkitkan berkenaan dengan perlu adanya kaji tanah, pelan tapak sebelum bangunan-bangunan didirikan. Sebenarnya apabila pindaan ini diluluskan, maka semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah pun diambil kira, dan kita berharap supaya ianya akan diterima pakai oleh kerajaan negeri, majlis-majlis tempatan dan juga pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah yang dapat saya jawab persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana perkara yang tak sempat saya memberikan jawapan pada hari ini, ianya tetap akan diambil perhatian oleh kementerian. Sekiranya didapati wajar, akan tetap dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengetusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu rang undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah dibincang dan dibahaskan dalam Dewan Rakyat tempoh hari. Tujuan utama Akta Koperasi (Pindaan) 1995 ialah untuk menyediakan satu kaedah dalam keadaan-keadaan yang tertentu bagi koperasi-koperasi berdaftar untuk menjalankan tindakan bagi pembubarannya.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Koperasi 1993 mempunyai peruntukan bagi penubuhan sesuatu koperasi dan juga peruntukan bagi pembubarannya. Bagi pembubaran sesebuah koperasi di dalam keadaan biasa, koperasi tersebut dibubarkan mengikut peruntukan seksyen 71 yang sedia ada dengan permohonan oleh 3/4 anggota-anggota individu.

Adalah diperhatikan daripada perkembangan-perkembangan semasa, beberapa koperasi telah menjadi terlalu besar dari segi liputan kawasan dan keahliannya sehingga sukar untuk mengaturkan mesyuarat agungnya. Dengan itu, bagi koperasi-koperasi berdaftar sedemikian adalah didapati peruntukan seksyen 71 yang sedia ada adalah menyukarkan mereka kerana keperluan mendapatkan 3/4 bilangan anggota koperasi yang begitu besar, khususnya bagi tujuan pembubaran.

Selain dari itu, kaedah yang sedia ada bagi pembubaran sesuatu koperasi berdaftar adalah semata-mata bertujuan untuk membubarkan koperasi itu dan memulangkah modal koperasi berdaftar kepada anggota-anggota tanpa tujuan lain. Sebagai contoh, bagi harta yang sudah terkumpul itu tidak dapat digemblengkan untuk tujuan yang lebih besar bagi peluang penglibatan wang modal yang terkumpul itu di dalam perkembangan ekonomi yang amat pesat di negara kita sekarang.

Maka dengan ini, untuk membolehkan modal terkumpul dalam sesuatu koperasi berdaftar itu bagi menyertai proses pembangunan ekonomi yang sebegitu luas, contohnya melalui pasaran bursa saham, adalah dicadangkan pindaan ini supaya koperasi-koperasi berdaftar lebih mudah untuk mendapatkan kata sepakat bagi menggunakan kumpulan tabung anggota-anggota dalam koperasi untuk dapat dilaburkan ke pasaran modal.

Seksyen 71A yang baru membenarkan koperasi memohon untuk dibubarkan sambil disusun semula modalnya ke dalam sebuah syarikat. Ini boleh dibuat apabila terdapat peluang-peluang tertentu yang memanfaatkan anggota-anggota masuk ke pasaran modal dengan menukarkan koperasinya kepada sebuah syarikat dengan cara yang lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tidaklah bertujuan sewenang-wenangnya membenarkan sesebuah koperasi berdaftar dibubarkan. Seksyen 71A yang baru mempunyai beberapa syarat yang perlu dipatuhi supaya kepentingan anggota-anggota terus terpelihara. Sambil itu, syarat-syarat yang termaktub dalam seksyen

71 yang sedia ada masih dikekalkan dan perlu dipatuhi seperti tempoh rayuan yang dibenarkan kepada anggota-anggota. Ini bermakna kerajaan bukanlah mengeneppikan prinsip-prinsip koperasi dan peranan koperasi, bahkan pindaan ini menentukan anggota-anggota dapat membuat pilihan dengan cara yang lebih mudah untuk menentukan masa hadapan koperasi berdaftar mereka. Ini akan lebih memudahkan bagi anggota-anggota koperasi khususnya koperasi-koperasi bumiputera menentukan pilihan mereka untuk menyertai perkembangan ekonomi melalui bidang korporat daripada wang tabungan yang terkumpul dalam sesuatu koperasi yang besar. Dengan tujuan itu, pindaan-pindaan yang dibentang dalam Seksyen 71A yang baru adalah mengandungi beberapa kaedah untuk memudahkan proses pembubaran sesebuah koperasi dan penyusunan semulanya seperti berikut.

Pertama, seksyen 71A yang baru hanya boleh terpakai dalam keadaan yang tertentu iaitu keanggotaan koperasi berdaftar itu adalah sekian bilangan yang menjadikan pematuhan subseksyen 71(1) tak semunasabahnya praktik.

Kedua, proses pembubaran dipermudahkan dengan memperuntukkan dua cara untuk mengemukakan permohonan kepada Ketua Pendaftar iaitu daripada:

- (a) tidak kurang daripada 1/10 daripada anggota-anggota atau sekian bilangan wakil yang mewakili tidak kurang daripada 1/10 anggota-anggota koperasi berdaftar itu; atau
- (b) Lembaga koperasi berdaftar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dipermudahkan sedemikian cara kerajaan sentiasa peka di atas kepentingan dan hak koperasi-koperasi supaya mereka dapat menentukan pilihan mereka dengan cara yang baik. Dengan itu, seksyen 71A yang baru ini juga mengandungi beberapa syarat asas bagi melengkapkan permohonan sesebuah koperasi. Di antaranya ialah, pertama, cadangan skim penyusunan semula untuk menggantikan koperasi berdaftar dalam apa-apa detail sebagaimana mencukupi untuk menasihatkan anggota mengenai sifat dan had penyertaannya dalam hal pembubaran dan penyusunan semula.

Kedua, termasuk beberapa syarat lain di bawah subseksyen 71A (6) (a) hingga (j).

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini, bersabit dengan seksyen 71A beberapa pindaan juga dicadangkan kepada Akta Koperasi 1993 untuk lebih memantapkan pentadbiran undang-undang koperasi. Di antara lain, seksyen baru 18A adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pendaftar untuk mengarahkan mana-mana koperasi berdaftar memanggil suatu mesyuarat agung, dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan, bagi maksud meminda undang-undang kecilnya jika Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa:

- (a) mana-mana undang-undang kecil koperasi berdaftar mempunyai taksiran yang kabur atau yang meragukan dan berkemungkinan boleh mengelirukan atau bertentangan dengan atau tak konsisten dengan akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya; atau

- (b) sesuatu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan koperasi berdaftar itu.

Sambil itu, satu pindaan juga dicadangkan kepada subseksyen 91(1)(g) akta yang menjadikannya suatu kesalahan jika sesuatu koperasi berdaftar atau mana-mana orang yang melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa tindakan atau perkara yang dilarang oleh atau tidak mematuhi kehendak akta itu.

Satu pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 59(4)(a) teks bahasa kebangsaan yang bertujuan menggantikan perkataan 'saham perdagangan' dengan perkataan 'stok perniagaan'.

Lain-lain Fasal seperti Fasal 6, 7 dan 8 adalah bertujuan membuat pindaan berbangkit kecil dengan wujudnya seksyen baru iaitu seksyen 71A, 71B dan 71C.

Sebagai memperluaskan peluang tabungan modal yang didapati dalam koperasi berdaftar dalam penglibatan pembangunan ekonomi, maka Akta Koperasi (Pindaan) 1995 adalah memberi laluan yang lebih mudah kepada anggota-anggota koperasi menetapkan masa hadapan koperasi berdaftar mereka. Ini adalah khusus bagi tujuan penggunaan dana wang yang terkumpul dalam koperasi mereka dengan apa cara yang mereka anggap lebih berkesan dalam pelaburan.

Pindaan ini seperti terkandung dalam seksyen 71A yang baru, tidak sekali-kali bertujuan untuk memperkecil atau mengeneipkan kepentingan koperasi sebagai satu pergerakan atau satu falsafah yang memang mengandungi ciri-ciri yang tersendiri sambil boleh dikatakan istimewa.

Namun demikian, peluang-peluang pelaburan yang sebegitu luas dalam bidang korporat tidaklah harus disekat kepada penglibatan kumpulan-kumpulan wang yang terdapat di dalam koperasi-koperasi besar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sambil itu, untuk menentukan pergerakan koperasi dapat terus berjalan dengan lebih mantap, maka beberapa peruntukan juga telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kawal selia ke atas koperasi-koperasi berdaftar untuk membanteras penyelewengan serta kepincangan yang pernah berlaku di dalam beberapa koperasi pada masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin.

6.29 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Koperasi 1993 yang telah dibentangkan sekejap tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, selaku salah seorang yang terlibat dengan gerakan koperasi di peringkat bawahan dan juga sampai ke peringkat pentadbiran, saya rasa amat baik pindaan ini dibuat

kerana banyak perkara yang saya alami, yang dapat saya teliti yang menyebabkan koperasi-koperasi yang ada di negara kita tidak mendapat satu tahap yang sepatutnya, apatah lagi di tengah-tengah negara kita sedang berkembang peluang-peluang dari segi ekonomi dan dari segi pembahagian ekonomi yang sepatutnya turun kepada masyarakat terbesar di lapisan di bawah yang sewajarnya menerima pembahagian rezeki daripada kemakmuran negara.

Maka tujuan pindaan ini adalah amat bertepatan dengan usaha-usaha kita untuk membuat pembelaan kepada masyarakat khususnya masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menyentuh berdasarkan tiga aspek iaitu semangat penubuhan koperasi, soal pendidikan dan matlamat kepada pembinaan koperasi dan juga soal penyusunan yang khusus yang terlibat dengan pindaan pada petang ini.

Memang semangat penubuhan koperasi itu adalah baik untuk kita gembelngkan kelompok-kelompok tertentu melalui satu pertubuhan yang terancang untuk memastikan gabungan ahli-ahli dalam persatuan atau koperasi untuk menggembelngkan pekebun-pekebun kecil di sesuatu kawasan atau satu daerah seperti Koperasi Pembangunan Daerah untuk mereka terlibat dengan kontrak-kontrak kecil atau pun perniagaan kecil-kecilan di daerah-daerah tertentu. Koperasi Pertubuhan Peladang, terlibat dengan pertanian, Koperasi Guru dengan masyarakat guru, Koperasi Kakitangan Pegawai Kerajaan dan sebagainya yang mewakili kelompok-kelompok tertentu di mana saluran pengkelompokan ini

adalah baik untuk dipergunakan sama ada untuk tujuan sosial, politik mahupun tujuan-tujuan lain.

Kalaulah kita dapat melihat, kalaulah setakat ini Kerajaan Barisan Nasional telah mendapat manfaat secara langsung hasil daripada pengkelompokan mereka melalui koperasi-koperasi yang namanya sesuai dengan aktiviti hidup mereka, saya rasa mereka seharusnya pula dibalas melalui pembahagian rezeki hasil daripada sebuah kerajaan yang mantap dan boleh membuat pendapatan ekonomi yang baik setelah mereka berjasa kepada kerajaan melalui sokongan yang boleh dikatakan padu.

Tuan Yang di-Pertua, maka dalam hal ini saya ingin menyentuh soal pendidikan. Kalau kita melihat koperasi-koperasi yang selama ini setengahnya hidup segan mati tidak mahu, ibarat rumput di tepi jalan, barangkali pindaan ini mempunyai semangat untuk kita pertingkatkan, untuk kita motivasikan (motivate) mereka ke arah yang lebih baik. Kita melihat setakat ini, kalau selama ini koperasi-koperasi ini sekadar melihat soal kebajikan—kalau anak mati, beri RM50.00, kalau ada kemalangan, berilah RM20.00, mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi, bayarlah tambang RM10.00—pergi mesyuarat agung koperasi bayarlah RM5.00, nasi bungkus, satu kotak air, tidak ada motivasi langsung, sekadar gerakan oleh pemimpin-pemimpin koperasi yang menghendaki mereka hadir, dipunggah dengan kereta dan sebagainya tetapi tidak ada matlamat yang jelas ke mana mereka.

Dikalangan ahli-ahli koperasi sendiri pun seolah-olah tidak tahu apa tujuan sebenar dengan membayar menjadi

saham—kalau penuh, RM100, RM200 dan RM300, tetapi tidak tahulah untungnya bagaimana. Ada untung beri dividen beri 10% dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan sebagainya—ringkas kata, dari segi matlamat ekonomi itu tidak ketara, tidak jelas, selain daripada berkelompok untuk tujuan lebih, saya katakan kepada sosial. Tetapi dengan penyusunan ini saya yakin ini boleh mempermudah usaha-usaha ataupun boleh meningkatkan minat mereka yang menyertai koperasi itu untuk lebih diperkukuhkan. Maka, pendidikan ini perlu dipertingkatkan. Kalau dahulu barangkali sekadar pegawai-pegawai pembangunan koperasi ataupun pegawai-pegawai pengembang koperasi di daerah-daerah yang ada sekarang, yang juga saya fikir pihak kementerian boleh kaji semula jawatan-jawatan pegawai pengembang koperasi, memanglah mereka ini dilantik melalui badan politik iaitu UMNOlah.

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimana kalau Yang Berhormat Tuan Hashim memperkatakan tentang aspek kewangan dan dana koperasi yang disalurkan kepada soal-soal pelaburan, seperti mana yang dibentang tadi untuk menyertai kegiatan ekonomi moden pada waktu ini?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai kepada itu, cuma saya hendak pergi kepada pendidikan untuk tarik dia, ada kaitan. Saya berminat hendak menyentuh itu sebab baru-baru ini kita sebut soal koperasi Pertubuhan Peladang Negara sampai tidak dapat saham dan juga lain-lain koperasi. Ini adalah sesuatu yang perlu kita perbaiki lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu baru preamble?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Ya, baru mukaddimah.

Tuan Yang di-Pertua: Mukaddimah, silakan.

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya amat berminat kerana memang penglibatan saya kepada koperasi ini agak lama dan saya pernah menguruskan beberapa koperasi dan sekarang adalah di tahap penasihat sahaja, jadi, soal pendidikan ini, saya harap pendidikan yang dibuat selepas ini, kalau peluang untuk kita menyusun semula (restructure) koperasi-koperasi dengan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Koperasi ini, soal pendidikan itu bermula untuk memastikan minat di kalangan orang-orang muda dan belia-belia di kampung untuk menyertai koperasi. Kerana saya lihat sekarang pemuda-pemuda tidak berminat untuk menyertai koperasi, hanya dianggotai oleh orang-orang dewasa dan orang-orang yang sekadar diajak tanpa tujuan dan matlamat yang jelas selain daripada untuk bersama dalam tujuan sosial, ataupun saya kata politik sekali.

Tetapi melalui peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan akan kita luluskan sekejap lagi, galakkan kepada golongan muda untuk menyertai koperasi berdasarkan motivasi yang lebih jelas melalui penyusunan dan peluang-peluang saham yang akan diberikan oleh kerajaan kepada koperasi ini. Saya yakin golongan muda dapat menyertai untuk menjadi ahli dan saya lebih berminat untuk Jabatan Pembangunan Koperasi memainkan peranan supaya

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi ini terdiri dari darah-darah baru, orang-orang muda yang berkelulusan, yang berpendidikan, yang terdedah dengan soal pengurusan moden dan sebagainya untuk memberi nafas baru kepada koperasi-koperasi yang ada pada hari ini.

Sebab kita melihat misalnya Koperasi Pembangunan Daerah sebagai contoh, ianya hendak kata macam 'hidup segan mati tidak mahu', sesetengah itu 'berkubur tidak bernisan, tidak berbatu tanda', koperasi-koperasi itu wujud sehingga tidak ada khabar berita lagi tentang Koperasi Pembangunan Daerah dan ini ada kaitan dengan soal pendidikan kerana golongan atau pun mereka yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah itu kadang-kadang lebih kurang sama dengan Lembaga Pengarah di Koperasi Pembangunan Daerah. Merekalah juga Lembaga Pengarah di Koperasi Pertubuhan Peladang Kawasan, kemudian merekalah juga Lembaga Pengarah Koperasi di Koperasi Pekebun Kecil dan daerah dan mereka ini pula tidak mempunyai pengalaman yang cukup, pendedahan yang cukup dan ilmu yang cukup untuk mempertingkatkan koperasi itu ke tahap yang lebih baik dan lebih maju.

Dan yang saya nampak, wajar sekali apabila kuasa diberi kepada Ketua Pendaftar koperasi untuk meminda undang-undang kecil sebab kadang-kadang undang-undang kecil ini diwujudkan tanpa memahami tujuan sebenar di kalangan ahli lembaga pengarah.

Saya pernah mengalami semasa menghadiri selaku penaung kepada satu koperasi. Hendak luluskan had berhutang. Bila dicadangkan pinjam

had berhutang ini, dipinjamkan RM1 juta itu besar. Kalau boleh hendak pinjam RM100,000 sebab kemampuan tidak ada sedangkan had pinjam ini, saya pernah menjelaskan, ini kita lulus berapa-berapa pun tidak apa. Kemungkinan koperasi ini boleh diperkembangkan, masuk tenaga baru, lembaga pengarah baru dengan idea baru bagaimana koperasi hendak joint-venturekah dengan siapa, dengan badan-badan korporat lainkah dan sebagainya, sehingga akhirnya tidak boleh diluluskan kerana takut berhutang kerana ada peruntukan yang mengatakan ahli lembaga pengarah sesuatu koperasi bertanggungjawab atas apa yang berlaku kepada koperasi terutamanya soal berhutang ini.

Jadi, pindaan kecil ini perlulah diseragamkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi untuk memastikan dan memudahkan koperasi itu berjalan dan saya yakin, kalaulah melalui pendidikan, melalui kemasukan tenaga-tenaga muda menjadi ahli lembaga pengarah koperasi, sesuai dengan peruntukan yang kita pinda ini, insya-Allah, koperasi kita dapat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, maka sekarang sampailah ke soal penyusunan koperasi, pembubaran koperasi memang wajar kalau mengikut peruntukan, memang rumit sekali dari segi mendapat kelulusan tiga atau empat ahli koperasi yang besar ataupun koperasi yang tidak besar pun susah. Mereka hanya hadir ataupun akan hadir sekali bila diberi tambang. Semangat koperasi itu tidak terjelma sebenarnya dalam semangat mereka selain daripada diminta hadir.

Jadi, dengan kuasa yang ada pada Ketua Pendaftar, peruntukan ini

memudahkan untuk kita menyusun semula koperasi-koperasi yang saya dapat lihat, kebanyakan koperasi itu memiliki harta yang agak banyak. Sama ada tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri kerana saya teringat, koperasi terutama di kawasan saya dahulu banyak diluluskan tanah-tanah oleh kerajaan semasa Kerajaan Barisan Nasional dahululah. Kerajaan Kelantan sekarang susah sedikit. Tambah-tambah koperasi kalau yang dinaungi oleh saya, tidak lulus langsung.

Maka harta-harta atau aset yang terdapat ini dapat digembleng, dapat disatukan barangkali boleh diguna untuk perniagaan yang lebih besar melalui peluang yang diberi kepada korporat-korporat besar untuk dimajukan sebagai ladang yang besar atau dibuat projek-projek perumahan yang besar atau sebagainya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, peluang ini adalah baik di dalam penyusunan untuk memastikan pihak lembaga pengarah koperasi yang mempunyai nafas baru ini berunding dengan pihak peniaga-peniaga besar sama ada dalam negeri mahupun luar negeri ke arah peningkatan koperasi itu. Cuma dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan walaupun tadi saya memang berminat untuk injek, membawa masuk tenaga-tenaga muda ke dalam pentadbiran ataupun lembaga pengarah koperasi. Ingatan saya supaya untuk memastikan ataupun apa cara untuk mereka ini terdiri dari golongan yang beramanah, golongan yang tidak menyeleweng ataupun golongan yang tidak suka 'kona'.

Tuan Yang di-Pertua: Kona?

Tuan Haji Hashim bin Safin: 'Kona' itu, Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat istilah. Bila disebut tadi ataupun semalam soal 'corner', 'kona' ini, sebenarnya bahasa Kelantan lebih tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Kona? Kona baring? (*Ketawa*)

Tuan Haji Hashim bin Safin: Kalau orang kata dalam bahasa Kelantan, "Budak ini kona baring", maknanya dia lari daripada tujuan asal, kalau cakap bahasa Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kona tidak baring?

Tuan Haji Hashim bin Safin: Tidak, bahasa Kelantan, slanga Kelantan, kalau dah kona, ke lainlah tu, maksudnya menyeleweng ke lain, tidak menuju ke matlamat.

Jadi, kalau hendak 'kona' tidak tentu fasal ini, maka untuk pihak jabatan atau kementerian memastikan apa-apa prosedur yang boleh memastikan tidak berlaku 'kona-mengona' ini yang menyebabkan koperasi yang mempunyai harta yang banyak dan peluang-peluang yang diberi oleh kerajaan itu terjejas dari segi pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada kerajaan bagi pihak koperasi-koperasi selaku salah seorang yang merupakan aktivis koperasi supaya secepat mungkin, penyusunan boleh dibuat dan secepat mungkin peluang-peluang melalui peruntukan saham, dana-dana saham diberi kepada koperasi-koperasi kerana dapatlah kita di peringkat bawah meyakinkan rakyat bahawa faedah daripada pembangunan ekonomi, pertumbuhan ekonomi

negara yang pesat ini dinikmati oleh koperasi dan dapatlah kita mempermudah usaha untuk menarik golongan-golongan muda, darah-darah baru ke dalam koperasi dan akhirnya kita dapat melihat lembaga pengarah koperasi yang bertenaga baru dan dapat melihat koperasi kita akan berkembang maju di negara kita ini dan dapatlah masyarakat luar bandar yang kebanyakannya menganggotai koperasi ini rasa sesuatu tentang pentadbiran yang baik, hasil dari wawasan pemimpin yang prihatin kepada masyarakat berlaku kepada mereka.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Koperasi 1993 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hanipah, sila.

6.48 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyokong Akta Koperasi (Pindaan) 1995 yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh Akta Koperasi 1993 seperti yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri tadi. Saya amat menghargai di atas kesungguhan pihak-pihak yang berkenaan kerana dapat menyediakan satu Akta Koperasi yang begitu hebat ke arah meletakkan koperasi-koperasi yang terdapat di tanah air kita ke satu tahap yang lebih cemerlang bagi menghayati Wawasan 2020.

Saya mempercayai, Akta Koperasi yang baru ini dalam jangka masa yang pendek telah dapat mengubah corak

koperasi dan dapat membawa kefahaman tentang apa itu koperasi kepada ahli-ahli di semua koperasi yang terdapat di negara kita ini. Saya percaya, pihak-pihak yang bertanggungjawab yang terdiri daripada pihak pentadbiran dan juga pihak-pihak koperasi sendiri, mahu tidak mahu terpaksa mematuhi akta baru 1993 yang telah dipanjangkan untuk diambil tindakan oleh koperasi-koperasi di tanah air kita.

Saya mengucapkan syabas dan mengharapkan daripada akta inilah yang akan melahirkan satu kesedaran supaya status koperasi akan dapat dipertingkatkan lagi ke arah yang lebih tinggi dan yang lebih mulia bagi menceburi bidang-bidang yang terdapat dalam sektor modal di tanah air kita pada masa ini.

Saya juga mengharapkan, pihak-pihak yang berwajib akan dapat melaksanakan ke arah penubuhan syarikat ini dengan penuh waspada dan penuh keyakinan supaya matlamat yang begitu baik ini akan dapat dirasai kebbaikannya oleh ahli-ahli yang telah begitu lama menceburkan diri dalam sesuatu koperasi.

Mengikut sejarah, seperti mana yang dimaklumkan oleh saudara saya tadi, kalau kita tengok sejarah, penubuhan koperasi pada mulanya adalah terdiri di peringkat kampung-kampung yang bertujuan untuk mengumpul modal daripada kalangan masyarakat kampung ke arah satu peningkatan ekonomi yang lebih tinggi.

Kita percaya, masih lagi banyak koperasi-koperasi atau syarikat-syarikat kampung yang wujud walaupun diterajui oleh golongan-golongan yang lama atau golongan tua

dan saya mempercayai, golongan muda seperti mana juga yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak begitu mempunyai minat ke arah membentuk atau membawa pembaharuan kepada koperasi-koperasi yang terdapat di dalam kampung-kampung.

Yang kedua, terdapat koperasi di bandar-bandar dan koperasi di bandar-bandar ini adalah lebih selesa kerana keahliannya terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai keilmuan di dalam semua bidang dan koperasi di bandar ini adalah lebih cemerlang daripada aktiviti-aktiviti yang terdapat di kampung.

Daripada bandar, pada masa sekarang telah ada koperasi-koperasi di peringkat negara. Saya memahami, koperasi di peringkat negaralah yang akan diutamakan kepada asas penubuhan syarikat bagi menghayati kehendak-kehendak untuk mengumpul modal dan melabur modal-modal ini ke sektor-sektor yang lebih canggih dalam bidang ekonomi sekarang.

Dalam bayangan saya, ada tiga koperasi di peringkat negara. Saya tidak dapat tahu yang mana satu yang akan diambil oleh pihak-pihak berwajib bagi mensyarikatkan koperasi-koperasi ini.

Seperti mana juga ahli kepada sebuah koperasi yang saya sebut ini, saya percaya KUBB, sebuah koperasi di peringkat nasional, MOCCIS, sebuah koperasi di peringkat nasional dan MCIS, sebuah koperasi di peringkat nasional dan saya percaya keahliannya meliputi 10,000 orang ahli. Inilah yang saya dapat memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang berwajib bagi

menyelesaikan masalah-masalah tersebut kerana KUBB sekarang telah mengorak langkah ke satu bidang yang begitu luas di dalam sektor modal dan di dalam persidangan-persidangan agungnya, kita mendapati kehadiran ahli adalah satu masalah yang susah hendak diselesaikan.

Saya percaya, begitu juga dengan koperasi MCIS dan MOCCIS. Ini menjadi satu masalah kepada pihak berwajib untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul ke arah memperbetul atau memperbaiki lagi aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

Saya ingin mendapat satu pemakluman, adakah disebabkan kesulitan yang dihadapi oleh koperasi-koperasi yang saya sebut tadi yang menyebabkan pihak yang berwajib akan mencari jalan supaya sesuatu yang baik dapat diwujudkan untuk kepentingan koperasi-koperasi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi melibatkan ahli dan kita dimaklumkan pembubaran koperasi-koperasi ini berkehendakkan kepada bilangan yang dipertentukan di dalam akta ini dan amalan demokrasi kita nampak dikekalkan, diwujudkan atau diamalkan dalam koperasi yang mana tiga per empat daripada ahli yang menyokong ke arah pembubaran membolehkan koperasi ini diubah ke satu sektor lain, iaitu ke sektor syarikat.

Biasanya, dalam mesyuarat-mesyuarat koperasi, untuk mendapat tiga per empat ini bukanlah satu perkara yang mudah. Apa akan terjadi kalau dua atau tiga kali persidangan dipanggil untuk pembubaran koperasi-koperasi mana satu yang berkenaan, tetapi tidak memenuhi syarat-syarat ini dan pihak yang berwajib memandang

suatu keperluan untuk meletakkan koperasi ini ke tahap yang lebih tinggi atau yang lebih mulia. Adakah pihak Ketua Pengarah yang berkenaan mempunyai kuasa yang tertentu bagi mengatasi kaedah demokrasi yang wujud dalam koperasi ini membolehkan matlamat dan kehendak pihak-pihak yang tertentu disempurnakan pada satu tarikh yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Tuan Hanipah, pindaan ini memungkinkan satu per sepuluh sahaja daripada ahli, bukan tiga per empat. Kalau tidak silap saya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya faham tiga per empat daripada ahli adalah perlu bagi pembubaran koperasi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga per empat atau pun satu per sepuluh?

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab setelah selesai perbahasan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah pemberitahuan kepada ahli-ahli koperasi. Dalam akta ini ada disebut dengan pengiriman surat-surat yang tertentu kepada ahli-ahli dalam jangka masa yang tersebut, jika tidak ada jawapan, difahamkan dengan sendirinya pihak ahli itu telah bersetuju kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Saya ingin menyarankan untuk kemudahan ahli kepada koperasi di peringkat negara yang ada di seluruh

negara, pihak yang berwajib, selain daripada media cetak boleh juga menggunakan media elektronik sebagai pemberitahuan kepada ahli-ahli yang mungkin berada di seluruh negara untuk kepentingan pembubaran sesebuah koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dan saya memberi sokongan sepenuhnya di atas cadangan pindaan Akta Koperasi 1995 yang bertujuan atau pun bermatlamat untuk mengubah status koperasi ke tahap yang lebih tinggi atau yang lebih cemerlang bagi menuju dekat 2020 yang akan datang. Saya mempercayai, kalau sesuatu dapat diuruskan dengan penuh kebijaksanaan, kehendak pembentangan akta ini dapat kita sempurnakan dengan mendapat penuh sokongan daripada keseluruhan ahli-ahli koperasi yang ada di tanah air kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila pihak menteri menjawab.

6.59 ptg.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengambil kesempatan ini hendak merakamkan penghargaan dan terima kasih saya dan juga kementerian kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Safin dan juga Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad di atas penyertaan di dalam perbincangan pindaan akta ini.

Saya melihat bahawasanya kedua-dua Ahli Yang Berhormat telah membuat beberapa syor yang baik dan di antaranya mencadangkan agar kita meluaskan liputan pemberitahuan atau pun notis kepada media elektronik. Yang sebenarnya, sebelum ini, tidak

terfikir oleh pihak kementerian dan ini adalah satu pandangan yang pada hemat saya baik sekali dan mungkin selepas ini kita akan mengkajinya dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi telah membicarakan permasalahan koperasi dengan mendalam dan di atas sokongan itu sesungguhnya memberikan galakan kepada bukan sahaja pihak kementerian, saya percaya kepada jabatan dan juga kepada pihak pengamal-pengamal koperasi yang lain untuk melaksanakan tugas dengan sebaik-baik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara sahaja yang perlu saya jelaskan iaitu yang pertama kebimbangan kita di atas wujudnya cara dalam mana kita pinda 71A ini di mana kita akan mengetepikan asas-asas koperasi. Sesungguhnya sepertimana saya telah nyatakan lebih awal 71A tidak langsung mempunyai niat ataupun bermatlamat ataupun tujuan untuk mengetepikan asas-asas demokrasi sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad bahawasanya prinsip dan amalan koperasi itu masih tetap dipegang iaitu tiga perempat daripada ahli perlu bersetuju dan benar sepertimana yang dinyatakan oleh tuan Yang di-Pertua tadi, disebut satu persepuluh ialah angka jumlah bilangan yang boleh memelopori, memulakan ataupun initiate the move, dengan izin, untuk membubar satu-satu koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawasanya bertentangan dengan pendapat umum bahawasanya koperasi telah pun tidak dapat memainkan peranannya sepertimana diharapkan. Ingin saya menyatakan bahawasanya anggapan

ini adalah tidak begitu tepat. Sesungguhnya perkembangan koperasi dalam negara kita telah berjalan dengan begitu baik dan boleh saya menyatakan dengan penuh yakin bahawasanya pertumbuhan koperasi dalam negara kita ketika ini adalah melebihi angka ataupun kadar pertumbuhan dengan izin, the rate of growth of our population. Ini bererti bahawasanya makin ramai kalau kita kirakan ahli-ahli ataupun anggota-anggota masyarakat kita yang lebih sedar walaupun dikatakan tadi memang benar bahawasanya koperasi bermula di kampung. Ini memang tidak dapat kita lari daripada hakikat itu. Tetapi koperasi telah bertumbuh, hingga pada hari ini kita menjangkau kepada angka lebih daripada 3,500 koperasi yang wujud dan daripada 3,500 hanya 4% atau 5% sahaja merupakan koperasi-koperasi yang bermasalah. Selainnya merupakan koperasi yang aktif dan mungkin ada yang memberi untung kurang tetapi ada juga yang tidak ketinggalan memberi keuntungan yang baik dan lumayan kepada ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin menyatakan bahawasanya keanggotaan coperators atau anggota-anggota koperasi sekarang yang menganggotai koperasi-koperasi berdaftar dalam negara kita adalah melebihi angka 4 juta dan kalau kita bandingkan dengan norma-norma adult yang melebihi umur 15 tahun ia merupakan satu kadar peratusan yang amat tinggi dan ini memberi tanda bahawasanya koperasi dalam negara kita tidak malap kegiatannya.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut keuntungan pula, sukacita saya menyatakan bahawasanya kalau dahulu koperasi mempernyatakan kita tidak mengizinkan pemberian lebih

daripada 10% dividen kepada anggotanya. Tetapi pada hari ini jelas bahawasanya ada koperasi yang telah memohon keizinan daripada Ketua Pengarah untuk diberikan dividen sebanyak 15%. Menandakan bahawasanya pada peningkatan dalam prestasi koperasi dan keuntungan dari segi financial viability, dengan izin.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, ada juga koperasi yang akhir-akhir ini telah memohon agar kalau boleh diberikan dividen sebanyak 20% yang melebihi daripada dividen yang dikeluarkan oleh Amanah Saham Nasional. Ini memberi petanda bahawasanya koperasi dalam negara kita bergerak dengan maju. Tetapi persoalan yang ditimbulkan oleh kami Tuan Yang di-Pertua ialah, apakah kemajuan koperasi ini sederas laju dan selancar sepertimana negara kita sedang bertumbuh. Kita menyedari bahawasanya negara Malaysia mencapai tahap kemajuan yang pesat 9% dan 8.5% dan sebagainya sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita mengetahui bahawasanya badan-badan korporat terus tumbuh berkembang dan kita mahu bahawasanya bidang koperasi ini tidak tercicir, relatifnya kalau kita tengok bahawa badan-badan korporat maju berkembang dengan pesat, kita juga mahu koperasi dalam negara kita ini maju dan berkembang dengan pesat.

Satu perkara atau ciri yang diutarakan tadi dan dalam jawapannya Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawasanya kalau dikumpulkan dana/harta semua koperator yang ada dalam negara kita ini, kita mendapati angkanya bukanlah kecil. Ianya menjangkau hampir RM10 bilion. Ini bererti kalau dikumpulkan

dana ini, digerakkan sepertimana sekarang ini, ianya tidak begitu dinamik pergerakannya, saya percaya ianya boleh mendatangkan pulangan yang lumayan kepada anggota-anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendidikan dalam bidang koperasi memanglah ini menjadi matlamat jabatan dan kementerian. Sebab itulah kita menggalakkan kegiatan-kegiatan Angkasa, sebab itulah kita menggalakkan perkembangan Maktab Kerjasama Malaysia dan maktab pun telah diarah ketika ini untuk kita mempelbagaikan kursus-kursus di dalam maktab dan juga dipertingkatkan (upgrade) kursus supaya ianya bersesuaian dengan teknik-teknik pengurusan semasa.

Untuk kita menyatakan bahawasanya golongan muda kurang berminat, ianya boleh dijawab dengan "ya" dan ianya juga boleh dijawab dengan "tidak" kerana kalau kita mengharap bahawasanya seluruh golongan muda, memang tidak tetapi kalau kita harapkan sebahagian daripada golongan muda, memang ramai yang tercebur dalam bidang koperasi. Dalam arah ini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawasanya kementerian juga akan memberi sokongan kepada usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk memperhebat dan mempertingkatkan lagi kegiatan koperasi-koperasi di sekolah-sekolah. Mudah-mudahan dengan terceburnya golongan muda yang lebih terpelajar dan lebih berilmu, kita harap gerakan koperasi tidak akan menemui jalan mati.

Akhirnya satu perkara yang kalau boleh saya sebut sekali lagi iaitu kalau disebut tadi bahawasanya asas koperasi masih dikekal, saya suka membanding-

kan kalau sekiranya kita dalam pilihan raya, kita hanya memenangi dengan satu undi, kita akan memenangi pilihan raya. Tetapi di dalam meminda sesuatu akta di dalam Parlimen, kita memerlukan dua pertiga majoriti dan di dalam amalan koperasi yang kita masih kekalkan, kita mengambil 3/4, sebagai perangkaan mutlak bagi sesuatu perkara diterima oleh satu-satu pergerakan untuk membubarkan koperasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawasanya ini sahaja yang dapat saya menyatakan bagi menjelaskan beberapa perkara. Kalau ada perkara yang belum terjawab, saya mohon agar Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan perkara ini kepada pihak kementerian dan kalau..... oh ya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara iaitu corner ini. Saya percaya bahawasanya akta kita yang ada pada hari ini adalah cukup mantap, memadai untuk mengawasi perkara-perkara yang sedemikian dan saya percaya bahawasanya pindaan ini juga akan memberi kuasa yang lebih kepada Ketua Pengarah dan saya juga percaya bahawasanya Jabatan Koperasi melalui Ketua Pengarah yang ada pada hari ini akan juga mengambil tindakan-tindakan yang tegas di atas mana-mana koperasi yang didapati tidak menjalankan programnya ataupun kerja-kerjanya dengan tidak berlandaskan peraturan koperasi dan akhirnya diharapkan ianya akan menjadi insentif sesungguhnya memanglah pindaan ini diharapkan akan menjadi insentif kepada semua koperator dalam tanah air agar mereka juga diberi peluang untuk mencebur sama atau diheret sama dalam kancang pembangunan yang begitu laju dan pantas. Mudah-mudahan mereka juga

mendapat manfaat yang sama sepertimana badan-badan korporat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
TABUNG ANGKATAN TENTERA
DAN TABUNG BEKAS
PERAJURIT (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.10 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan bahawa satu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan adalah untuk memperluaskan tujuan Tabung Angkatan Tentera dengan menjadikan penggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan bersara serta anggota tentera yang telah pun bersara di bawah angkatan tetap sebagai tujuan tambahan di bawah Tabung Angkatan Tentera dan seterusnya Tabung Bekas Perajurit akan dimansuhkan.

Rang Undang-undang ini adalah juga bagi memindahkan pemberian tahunan yang telah diberikan kepada Tabung Bekas Perajurit kepada Tabung Angkatan Tentera untuk membiayai tujuan tambahan tabung ini. Pemberian tabung tahunan ini adalah daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, dengan izin, Federal Consolidated Fund. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga menetapkan syarat-syarat dan cara wang Tabung Angkatan Tentera selain daripada pemberian tahunan digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan dengan tujuan tambahan Tabung Angkatan Tentera.

Akhir sekali, Rang Undang-undang ini bertujuan menggantikan gelaran jawatan Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar dalam Akta Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit dengan gelaran Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, Tabung Angkatan Tentera telahpun diwujudkan pada 1 Ogos 1972 melalui Akta Tabung Angkatan Tentera 1973. Fungsi tabung ini ialah untuk mengadakan faedah-

faedah persaraan dan lain-lain faedah untuk lain-lain pangkat iaitu pencaruman wajib serta mengadakan satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai Angkatan Tentera.

Yang keduanya, ialah untuk merancang dan melaksanakan program-program penggalakkan pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan serta menyediakan lain-lain faedah kepada anggota tentera yang telah dan yang akan bersara. Untuk menguruskan tabung ini, satu badan telahpun ditubuhkan dengan nama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Akta Tabung Angkatan Tentera telah dipinda pada tahun 1994 yang sudah melalui pindaan Akta 896 yang berkuatkuasa mulai 8 Julai 1994 dan melalui pindaan tersebut, satu tabung baru iaitu Tabung Bekas Perajurit diwujudkan. Tabung ini adalah bertujuan untuk membiayai aktiviti-aktiviti penggalakkan pembangunan sosio ekonomi, program kebajikan dan menyediakan faedah-faedah lain bagi anggota tentera yang akan bersara dan yang telah bersara termasuk memberi pinjaman kepada mereka.

Susulan daripada penwujudan tabung baru ini, Akta Tabung Angkatan Tentera diubah namanya kepada Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit melalui pindaan Akta 896 itu. Di samping itu, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Perajurit ataupun Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah ditubuhkan pada 30 Ogos 1994 di bawah seksyen 23 Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit. Tujuannya adalah untuk melaksanakan aktiviti pembangunan sosio ekonomi dan kebajikan anggota tentera yang akan bersara dan yang

telahpun bersara. PERHEBAT merancang dan melaksanakan berbagai program latihan dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan untuk bakal dan bekas perajurit. Aktiviti-aktiviti PERHEBAT ini dilaksanakan melalui pemberian tahunan, dengan izin, annual grant yang diberikan oleh kerajaan.

Bagi menggalakkan pesara-pesara Angkatan Tentera menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan, PERHEBAT mewujudkan pelbagai kemudahan dan program untuk mereka seperti sistem franchise, memberi sokongan kewangan melalui pinjaman dan perkhidmatan bimbingan pengurusan secara berterusan. PERHEBAT juga mewujudkan berbagai program sosial dan kebajikan bagi bekas anggota tentera dan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pindaan tersebut telah dilakukan, hasrat kerajaan untuk menampung sumber kewangan bagi membiayai aktiviti tersebut dengan menggunakan wang daripada Tabung Angkatan Tentera tidak dapat dicapai oleh kerana had-had perundangan ke atas penyaluran wang dari satu tabung ke satu tabung yang lain.

Justeru itu, untuk mengatasi masalah perundangan tersebut bagi membolehkan penyaluran wang dari Tabung Angkatan Tentera yang didapati mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, untuk membiayai aktiviti-aktiviti tersebut, Akta ini dicadang dipinda. Dengan pindaan ini, maka Tabung Bekas Perajurit dimansuhkan dan tujuan Tabung Angkatan Tentera diperluaskan untuk meliputi penjagaan kepentingan anggota tentera yang akan bersara dan yang telahpun bersara.

Walau pun demikian, tujuan asal Tabung Angkatan Tentera untuk memberi faedah-faedah persaraan dan lain-lain faedah, dengan izin, superannuation and other benefits, akan terus dikekalkan sebagai tujuan asal.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan ini Rang Undang-undang ini juga akan mencadangkan supaya pemberian tahunan yang diberikan oleh kerajaan kepada Tabung Bekas Perajurit disalurkan pula kepada Tabung Angkatan Tentera dan melalui Tabung Angkatan Tentera kepada PERHEBAT. Pemberian tahunan ini bolehlah digunakan bagi semua perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan sosio-ekonomi angkatan tetap yang berkenaan.

Selain dari pemberian tahunan, aktiviti berkaitan dengan tujuan tambahan juga boleh dibiayai oleh wang lain yang terdapat dalam Tabung Angkatan Tentera, tertakluk kepada 3 syarat. Pertama, selepas semua kewajipan tujuan utama Tabung Angkatan Tentera diwujudkan telahpun dijelaskan olehnya.

Kedua, selepas pengisytiharan sesuatu dividen tahunan yang munasabah pada skim simpanan untuk penyumbang kepada skim itu.

Ketiga, adanya cukup wang yang masih ada dalam tabung selepas kedua-dua syarat tadi itu telahpun dilaksanakan. Walau apa pun dalam pindaan ini, PERHEBAT akan terus bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tujuan tambahan Tabung Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Tabung Bekas Perajurit dan PERHEBAT sejak 1 September 1994, LTAT telah mula mewujudkan pelbagai skim dan program yang melibatkan kursus-kursus. Tujuannya adalah untuk menyediakan bakal-bakal pesara tentera menghadapi cabaran sebagai seorang awam apabila mereka bersara. Antara kursus-kursus yang disediakan adalah meliputi kursus-kursus kejuruteraan, automatif, fabrikasi logam, kejuruteraan elektrik, pembinaan bangunan, percetakan, komputer dan peruncitan. Kursus-kursus yang akan ditawarkan dan di dalam perancangan adalah Kursus Sajian dan Kursus Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pemberian bantuan pinjaman pula, PERHEBAT telah merangka sebanyak 7 aktiviti di bawah program kebajikannya iaitu Skim Pinjaman Perumahan Kos Rendah, Skim Bantuan Pemulihan Rumah, Skim Bantuan Peralatan Pesakit, Skim Persekolahan Anak-anak, Skim Anak Angkat, Program Khas Untuk Balu dan Skim Bantuan Sara Hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan pula, LTAT melaburkan wangnya dalam pelbagai kegiatan pelaburan. Mengikut Akta LTAT dibenarkan melabur tidak kurang daripada 70% kumpulan wangnya di dalam pelaburan amanah dan tidak melebihi 30% kumpulan wangnya dalam pelaburan bukan amanah.

LTAT mengamalkan strategi untuk melabur dalam pelbagai sektor dan industri untuk menjamin kemantapan pulangan pelaburan dalam apa juga keadaan ekonomi dan untuk pertumbuhan pelaburan dalam jangka masa panjang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa lain-lain pindaan yang dicadangkan pada akta ini merupakan susulan dari pemansuhan Tabung Bekas Perajurit atau lain-lain pindaan-pindaan kecil sahaja.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

7.23 mlm.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, anggota tentera adalah golongan yang telah berkorban nyawa dan tenaga demi untuk kepentingan dan kemakmuran negara, dengan itu wajarlah soal-soal kebajikan dan sosial ekonomi mereka ini diberi perhatian khas dan serius.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah yang bijak, menyatukan kedua-dua tabung ini menjadikan Tabung Angkatan Tentera dengan tujuan mengemaskini dan

memudahkan penyelarasan sesuai dengan masa demi untuk kebaikan perajurit dan bekas-bekas perajurit di seluruh negara.

Pertamanya, di sini saya ingin menyentuh mengenai LTAT. Memandangkan kepada bangunan yang tersergam indah di tengah kota raya menerima saham terbitan dari kementerian di tiap-tiap kali pengeluaran dan sekarang dengan fasal-fasal dalam rang undang-undang pindaan ini di mana cadangan ada dibuat, bahawa satu pemberian tahunan daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan juga akan diberikan kepada tabung ini. Di samping itu juga melibatkan diri di sektor pelaburan, perdagangan dan syarikat kewangan, maka gambaran ini sudah cukup membuktikan bahawa LTAT adalah gergasi yang boleh berperanan besar bagi memastikan nasib masa depan perajurit-perajurit kita di seluruh tanahair.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah pihak kementerian boleh mengawal supaya tabung ini diurus dengan baik dan tidak timbul penyalahgunaan kuasa seperti skandal yang berlaku kepada Perwira Habib Bank beberapa tahun yang lalu?

Di sini juga saya ingin menyarankan bagi pihak pengurusan dan pentadbiran LTAT ini hendaklah dilantik daripada mereka yang berkelulusan dan beramanah. Begitu juga dengan pihak ahli lembaga dan pengerusi badan-badan di bawah pentadbiran LTAT ini hendaklah daripada mereka yang berkebolehan dan berpengalaman, bukannya semata-mata kerana pangkat dan darjatnya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak seorang pun ahli-ahli lembaga terdiri dari kaum wanita. Persoalannya kenapakah ada diskriminasi ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan sejak LTAT ditubuhkan sejauhmanakah kejayaannya membantu mempertingkatkan sosio ekonomi perajurit dan bekas-bekas perajurit serta keluarganya ini tercapai?

Saya difahamkan lebih kurang 6,000 perajurit meninggalkan perkhidmatan setiap tahun. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertahanan mengapakah terjadinya begini, mengapakah profesion ketenteraan ini sudah tidak menjadi kebanggaan anak-anak muda terutama dari kaum-kaum bukan Melayu? Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengembalikan kehebatan profesion ini seperti ditahun lima puluhan dan enam puluhan dahulu di mana profesion ini amat dikagumi terutamanya bagi mereka yang mendapat latihan di Sandhurst umpamanya, adakah kolej ketenteraan di sini tidak setanding? Saya menyarankan supaya LTAT membuat kajian terperinci melalui R&Dnya mengenai hal ini dan seterusnya menaikkan semula imej ketenteraan kita.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan yang telah menubuhkan PERHEBAT menggantikan HEBAT. Walaupun baru berumur setahun jagung telah membuktikan kejayaan di antaranya memberi dividen yang tinggi kepada pencarum dan menubuhkan sekolah-sekolah bagi persediaan perajurit-perajurit yang akan bersara.

Saya juga ingin bertanya sejauh manakah bantuan yang diberi kepada peserta-peserta kursus ini memberi kejayaan? Saya yakin dengan sokongan kewangan, latihan dan bimbingan seperti yang dilakukan oleh PUNB program ini akan lebih berjaya kerana kita tidak mahu lagi seperti lazimnya bekas-bekas perajurit ini hanya menjadi security guard dan pemandu teksi sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya LTAT tidak memikirkan keuntungan semata-mata. LTAT sepatutnya hendaklah juga memikirkan tentang kebajikan dan sumbangan sosial anak-anak ahli keluarga perajurit dan juga bekas-bekas tentera ini dengan memberi biasiswa, pinjaman dan menyediakan rumah-rumah tentera berpangkat rendah supaya tidak lagi timbul ahli-ahli tentera yang tidak berumah dan tidak dapat meneruskan pelajaran.

Begitu juga dengan kedai PERNAMA, dahulunya semasa ianya bernama NAFFI, keluarga tentera dapat membeli barangan dengan harga jauh lebih murah, malangnya apabila ianya bertukar kepada PERNAMA barang-barang yang murah adalah hanya barang-barang mewah seperti crystal, barangan pyrex, Queen Anne dan tayar-tayar yang diimport, manakala barang-barang keperluan seperti susu adalah lebih mahal dari kedai biasa.

Saya sarankan di sini kedai PERNAMA hendaklah memberi kemudahan harga murah kepada barangan-barangan keperluan asas seperti beras, susu, tepung dan gula. Ini akan mengurangkan beban keluarga tentera. PERNAMA sekarang ini telah

dikenali sehingga membuka di Phnom Penh pada satu ketika dahulu iaitu di Kemboja, walaupun harga di kedai ini lebih mahal dari kedai-kedai lain, tetapi telah berjaya mengaut untung yang besar.

Saya suka menyarankan di sini PERNAMA hendaklah juga membuka cawangannya di mana-mana tentera kita berada di bawah naungan PBB seperti di Bosnia atau di Somalia dan PERNAMA juga hendaklah melibatkan ahli-ahli keluarga tentera di dalam perniagaannya dari pengedar, penjual dan seterusnya pembuat barangan, kerana seperti yang kita maklum sehingga ke hari ini pengedar kepada PERNAMA masih lagi bukan dari kalangan ahli-ahli tentera.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi social contributions ini, saya harap hospital-hospital tentera di seluruh negara hendaklah dilengkapi dengan peralatan yang lengkap dan moden dengan pakar-pakar perubatan yang cukup. Contohnya seorang sahabat saya yang mengalami sakit buah pinggang, beliau telah dibenarkan menggunakan mesin dialysis di kem tentera, Melaka, walaupun terpaksa mengikut giliran mendahului ahli-ahli tentera dahulu.

Saya ucapkan syabas di atas usaha kebajikan ini dan saya harap sumbangan sosial ini diteruskan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa dan di seluruh negara.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Persatuan Bekas Perajurit, saya mengucapkan tahniah kepada rakan kita Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari yang memang di dalam pemilihan presiden baru-baru ini. Saya difahamkan Yang

Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari diterima baik oleh ahli-ahli kerana kegigihannya memperjuangkan nasib ahli-ahlinya.

Saya yakin Yang Berhormat tidak bimbang dengan penggulungan Tabung Bekas Perajurit ini kerana persatuan ini masih mempunyai wang hasil dari Rayuan Hari Pahlawan yang dianjurkan pada tiap-tiap tahun.

Sebagai seorang pemimpin yang berkaliber dan veteran saya rasa Yang Berhormat tidak perlu lagi mengumpulkan wang dengan mengharap rayuan tahunan ini semata-mata. Saya kira Yang Berhormat lebih matang dan lebih arif lagi mengatur program-program ekonomi yang lebih besar dan lebih berkesan dalam usaha memimpin ahli-ahlinya. Persatuan ini hendaklah mengenal pasti ahli-ahli yang telah berjaya dan seterusnya membimbing mereka yang baru menjadi ahli. Saya harap dengan kepimpinan Yang Berhormat bekas-bekas perajurit ini akan dihormati dan seterusnya berjaya dalam kehidupan mereka.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Haji Sairin.

7.30 mlm.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, banyak point yang saya hendak cakapkan, tetapi alhamdulillah, Yang Berhormat telah sentuh tadi. Jadi, saya buat secara ringkas sahajalah.

Terlebih dahulu saya ingin meminta penjelasan, apakah pesara-pesara angkatan tentera sebelum merdeka atau era darurat digolongkan juga sebagai tentera dalam konteks pindaan

Rang Undang-undang ini. Kalau ya, apakah pihak berkenaan sentiasa mengambil berat soal kebajikan keluarga mereka atau akan menagambil sesuatu tindakan positif setelah Akta ini dikuatkuasakan.

Antara hal-hal yang perlu diambil perhatian, saya rasa tidak perlu saya sentuh, sebab hampir semuanya telah disentuh melalui PERHEBAT. Namun ada satu persoalan yang saya inginkan penjelasan. Satu ketika dahulu sebaik sahaja kita mencapai kemerdekaan, Pasukan Polis Sempadan (Border Scout) dan Pasukan Polis Hutan (PPH) yang mana hanya terdapat di Sabah dan Sarawak. Mereka ini juga adalah sebahagian daripada tentera sebab semasa darurat mereka juga berperang di hutan dan sehingga hari ini saya tidak pasti sama ada mereka ini di kategorikan sebagai angkatan tentera ataupun sebagai polis. Untuk itu saya mohon penjelasan.

Selain daripada itu, saya juga ingin meminta supaya pihak berkenaan memberi peluang kepada pesara-pesara atau mereka yang telah terkorban kerana menjalankan tugas diberikan sesuatu secara terperinci atau secara lebih tepat, agar mereka ini diberikan sebidang tanah, sebuah rumah seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri tadi dan apa juga prasarana yang dapat disediakan.

Di samping itu, barangkali antara tambahan cadangan secara specific, dengan izin, agar setiap anggota angkatan tentera ini dapat diwajibkan melalui tabung yang telah disebutkan tadi, "Assurance Sejiwa" kepada anggota tentera dan juga anak-anak tentera dalam bentuk "Whole Life Policy" ataupun "Education Policy" kepada individu dan juga kepada anak-anak tentera agar dapat meringankan

bebanan kepada mereka, iaitu keluarga-keluarga yang ditinggalkan kelak.

Untuk itu, satu perkara lagi yang saya rasa perlu diambil perhatian ialah dapat kiranya diwujudkan satu badan khas yang akan dapat membimbing aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi para pesara tentera menurut kebolehan masing-masing walaupun telah disebutkan tadi, tetapi biarlah secara khusus. Sebagai contoh, kalau boleh saya sebutkan di sini, ramai daripada Angkatan Tentera yang mempunyai kebolehan membuat senjata umpamanya atau kalau boleh saya sebutkan di sini, dengan izin, membuat 'bom'. Apa salahnya kalau mereka ini terus dibimbing atau diberi latihan khusus agar kerajaan kita atau negara kita pada satu masa nanti bukan sahaja dapat mengeluarkan kereta, kapal terbang tetapi juga dapat menjadi pembekal senjata-senjata yang saya sebutkan tadi. Sekurang-kurangnya tenaga atau kebolehan para pesara tentera kita ini akan dapat dimanfaatkan oleh negara kita.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana kebijaksanaan kerajaan meminda undang-undang ini. Maka saya dengan penuh sukacitanya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit 1973. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Hajah Wan Intan.

7.34 m/m.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di samping menyokong pindaan Rang Undang-

undang Akta Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995. Saya ingin memberikan pandangan dan syor.

Yang Pertama, wang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit hendaklah digunakan sebaik mungkin untuk faedah para perajurit kita yang telah banyak berjasa kepada negara khususnya dan kepada keamanan dunia amnya. Saya ingin mengesyorkan agar wang Tabung Bekas Perajurit digunakan untuk pembukaan tanah baru bagi bekas perajurit. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri tidak keberatan memberi tanah untuk tujuan ini. Cuma modal untuk membuka tanah seperti yang dilaksanakan oleh Felda yang diperlukan. Oleh itu adalah baik jika wang Tabung Bekas Perajurit ini digunakan sebagai modal untuk membuka tanah baru bagi bekas perajurit berpangkat rendah.

Bagi bekas perajurit yang mempunyai kemahiran tertentu, saya rasa Tabung Bekas Perajurit dapat dimanfaatkan. Wang dari tabung ini dapat dijadikan modal diberi sebagai pinjaman untuk mereka membuka industri kecil atau sederhana. Apabila mereka telah berjaya, saya percaya mereka dapat memberi sumbangan kembali kepada tabung ini.

Yang kedua, saya ingin juga mengesyorkan supaya kutipan derma daripada orang ramai yang dijalankan setiap tahun oleh ahli-ahli bekas perajurit perlu diberi tahu kepada orang ramai melalui media massa. Orang ramai keberatan untuk menghulurkan bantuan atau derma kepada tabung ini jika perbelanjaannya tidak pernah mereka ketahui. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah wang kutipan derma yang dipungut dari

orang ramai termasuk sekolah-sekolah diaudit dan dibentangkan dalam mana-mana mesyuarat?

Buat masa ini saya difahamkan ada ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit menawarkan komisen tertentu kepada pihak sekolah yang membuat pungutan derma dengan mengedarkan borang-borang melalui pelajar-pelajar sekolah. Sebarang cara yang digunakan untuk menambah lagi wang tabung ini perlulah dilakukan dengan bijak dan saksama supaya jangan hilang kepercayaan orang ramai untuk menderma kepada tabung.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Syed Hamid Albar yang telah memberi taklimat kepada kami baru-baru mengenai hal Kementerian Pertahanan Malaysia. Ini satu contoh yang baik yang harus diikuti oleh kementerian-kementerian yang lain untuk memberi penerangan kepada kami mengenai kementerian masing-masing. Sekurang-kurangnya kami mendapat 'feed back', dengan izin, masalah atau kejayaan kementerian tersebut. Memandangkan kejayaan di negara kita sekarang ini berkaitan keselamatan seperti mana keterangan yang diberi oleh pihak Kementerian Pertahanan serta selepas mendengar taklimat dari Kementerian Pertahanan, peruntukan-peruntukan kewangan yang akan datang ini harus dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan pihak Menteri Pertahanan menjawab.

7.39 m/m.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Pertahanan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih serta tahniah kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang saya nampak begitu bernas sekali dari segi teguran dan cadangan yang telah disampaikan oleh ketiga-tiga mereka.

Yang Berhormat Senator Hajah Habshah, beliau memulakan perbahasannya dengan menanya tentang bagaimana tabung ini boleh diawasi supaya tidak menyeleweng. Saya ingin menyatakan bahawasanya Menteri sendiri melantik ahli Lembaga Pengarah LTAT yang akan mengawasi Tabung Angkatan Tentera yang terdiri daripada pegawai-pegawai tertentu yang berkelayakan daripada Angkatan Tentera Malaysia sendiri serta lain-lain pegawai kerajaan untuk duduk di dalam Lembaga Pengarah LTAT dan Tabung Angkatan Tentera agar tabung ini dan LTAT sendiri akan sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan dapat diawasi dengan keadaan sebaik mungkin. Hingga kini pun kita lihat bahawasanya perkembangan dan prestasi badan tersebut begitu memberangsangkan dan amat menggalakkan.

Tentang cadangan Yang Berhormat tadi agar seorang wanita dilantik, ini akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Kita nampak pada hari ini juga kita lihat kaum wanita, Ahli-ahli Yang Berhormat begitu peka dan begitu prihatin tentang isu-isu yang dibangkitkan dalam Dewan, dan saya

nampak tidak ada masalah mengapa pula pihak wanita tidak boleh dan harus mendapat tempat di badan-badan seperti LTAT di masa-masa muka.

Tuan Yang di-Pertua: Tepuklah sedikit. (*Tepuk*)

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Yang Berhormat Senator Habshah juga bertanya tentang apakah dibuat untuk bekas-bekas perajurit dan balu-balu perajurit yang telah terkorban dan sebagainya. Saya ingin menyatakan bahawasanya antara yang telah pun dilaksanakan oleh LTAT adalah selain daripada membayar dividen dan bonus tiap-tiap tahun, daripada keuntungan yang didapati oleh LTAT, contohnya pada tahun 1993 sebanyak 12%, dividen dan bonus telah pun diberi kepada penjarum-penjarum, yang mana sejumlah RM268 juta telah pun dikeluarkan oleh LTAT bagi tujuan tersebut. Begitu juga LTAT telah membayar sebanyak RM2.2 juta untuk skim kematian dan hilang upaya anggota-anggota yang terlibat. Dari jumlah itu, sebanyak RM0.6 juta telah dibayar kepada 47 orang penjarum yang hilang upaya, dan bakinya RM1.6 juta telah dibayar kepada 206 waris penjarum yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Habshah minta penjelasan.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Skim Hilang Upaya ini adakah dibayar sehingga anggota tentera itu meninggal dunia ataupun sampai beberapa period of time, dengan izin?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Pihak kementerian cuba membayarnya secepat yang mungkin selepas kemalangan ataupun peninggalan anggota yang berkenaan pada balu ataupun waris-waris yang tertentu dalam beberapa bulan sahaja paling lewatnya. Ianya akan dibayar kepada pewaris ataupun balu yang berkenaan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga telah pun bertanya juga mengapa ramai di kalangan anggota tentera meninggal ATM setiap tahun. Ini satu fenomena yang berlaku bukan sahaja di negara kita, malah di kebanyakan negara. Apatah lagi negara kita kini yang begitu pesat membangun dari segi ekonominya, yang mana peluang pekerjaan yang lebih baik terdapat di lain-lain bidang yang mana anak-anak muda kita lebih tertarik dengan mereka menceburi diri dalam bidang-bidang lain daripada Angkatan Tentera yang mana sudah tentu di ATM ini oleh sebab dari segi disiplinnya, kerjanya, tugasnya kadang-kala ramai anak-anak muda kita lebih suka tidak melibatkan diri dalam tugas yang sedemikian. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sedang meneliti perkara ini dengan serius dan akan membuat berbagai-bagai program penggalakan ataupun program penarikan agar kita mahu ada lagi di kalangan muda kita tetap sanggup ke hadapan menyertai ATM untuk mempertahankan negara.

Saya juga ingin menyatakan bahawasanya sekarang ini dasar kita seperti juga lain-lain negara yang sudah maju ataupun membangun ialah untuk mengurangkan jumlah anggota tentera tetap dalam Angkatan Tentera khususnya, dan kita ingin mempertambah dan memperbanyak-

kan anggota sukarela ataupun anggota simpanan. Oleh kerana sekarang ini kita lihat keadaan peningkatan mutu-mutu teknologi industri pertahanan sekarang ini, kita tak perlu lagi ramai sangat anggota. Kita lebih memerlukan senjata-senjata yang canggih dan tak perlu lagi anggota yang ramai untuk mengendalikan senjata-senjata berkenaan. Malah kita telah pun menetapkan bahawasanya jumlah seluruh Angkatan Tentera akan dikurangkan. Kita akan tambahkan pula dengan anggota simpanan ataupun anggota Askar Wataniah. Itu dasar yang kita telah pun laksanakan dan sedang diusahakan oleh pihak kerajaan dan pihak kementerian.

Satu lagi imej ATM tidak jatuh. Bukan bermaknanya oleh kerana orang ramai ataupun orang-orang muda sekarang ini tidak berminat masuk ATM bahawasanya imej ATM itu jatuh, tidak. Malah imej kita ini amat tinggi. Apatah lagi di kaca mata dunia, yang mana dapat kita menghantar anggota-anggota di seluruh pelosok dunia bagi melindungi dan membantu menyelesaikan masalah banyak negara; Somalia, di Namibia, di Bosnia, di Kambodia, dahulu di Congo. Sesungguhnya imej kita memang tinggi. Setiap anggota kita yang bertugas—saya sendiri pun sudah masuk Kementerian Pertahanan merasa bangga dan megah melihat mereka memakai uniform seragam, anggota-anggota tentera baik perkhidmatan Udara, Laut ataupun Darat, dan imej kita tidak jatuh. Cuma minatnya disebabkan tugas berbeza dengan tugas-tugas kerja di kilangkah, di pejabatkah, sebab sekarang ini banyak peluang pekerjaan yang lain wujud. Itu adalah sebab hendakkan keselesaan hidup ataupun mungkin dapat lebih sedikit gaji jika bekerja di lain-lain

tempat. Tetapi dari segi prestasi imej anggota tentera kita tak luntur. Malah kita harus berbangga bahawasanya imej anggota tentera kita masih di tahap yang setinggi mungkin di kalangan negara-negara yang ada di dunia sekarang.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang masalah PERHEBAT. Apakah bantuan yang telah diberikan kepada khususnya bekas tentera ataupun mereka yang bakal bersara? Saya ingin menyatakan bahawasanya PERHEBAT walaupun baru ditubuhkan setahun genap bulan sudah wujudnya PERHEBAT, berbagai skim program telah pun dilaksanakan. Saya boleh umum secara kasar sebab ia panjang sangat programnya. Saya hanya ingin mengumumkan sepintas lalu sahaja. Antaranya ialah tentang latihan sedia ada, seperti pusat kejuruteraan automotif, kalau hendak jadi mekanik motor, jadi mekanik motorsikal, mekanik motor elektrik, jadi mekanik enjin diesel dan sebagainya, satu.

Seterusnya dari segi fabrikasi logam, kursus kimpalan arca, kursus kimpalan gas, kursus fabrikasi logam, kursus pemasin am dan sebagainya. Juga di pusat kejuruteraan elektrik dan elektronik, kursus juruelektrik, kursus mekanik radio dan televisyen, kursus elektronik industri, kursus mekanik penyejuk-bekuan dan penyaman udara, adalah di antara kursus-kursus yang disediakan oleh pihak PERHEBAT. Dan juga kursus pembinaan bangunan—kursus hendak pasang batu-bata, kursus kerja kayu dan tanggam, juga tukang paip domestik. Pusat percetakan—kursus percetakan am atau photography. Komputer—kursus asas kemahiran komputer, P.C. Pusat peruncitan—kursus mengadakan

kedai-kedai runcit dan sebagainya. Mengenai latihan juga diadakan, iaitu dari segi pusat perhotelan dan pelancongan, di mana kursus sajian dan kursus pelancongan juga telah dirancangkan untuk diadakan tidak lama lagi.

Sejak PERHEBAT berfungsi, baru setahun, beberapa peserta telahpun dapat nikmat daripadanya. Antara 615 peserta dapat kursus teknikal di IPK PERHEBAT, 59 peserta dapat kursus dalam bidang peruncitan, 27 peserta dalam bidang percetakan, 6 peserta dalam kursus photography, 463 peserta dalam kursus komputer, 1,568 peserta dalam kursus penyesuaian, 363 peserta dalam kursus keusahawanan, 100 peserta dalam kursus pembangunan usahawan industri kecil dan sederhana, 261 peserta dalam kursus bahasa Inggeris, 22 peserta dalam kursus jurumudi.

Selain daripada itu juga, PERHEBAT merangka 7 aktiviti di bawah program kebajikannya, dan aktiviti telah saya sebutkan tadi iaitu Skim Pinjaman Perumahan Kos Rendah, Skim Bantuan Pemulihan Rumah, Skim Bantuan Peralatan Pesakit, Skim Bantuan Persekolahan, Program Khas untuk Balu, Skim Anak Angkat, Bina Insan dan Skim Bantuan Sara Hidup. PERHEBAT.....

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Puan Habshah minta penjelasan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Nanti saya habis dulu ya! Juga mengeluarkan berbagai bantuan mengikut aktiviti berikut, iaitu bantuan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan buku teks, bantuan peralatan kerusi roda dan lain-lain untuk lebih kurang 87 orang yang berjumlah lebih kurang RM40,000. Itulah antara

perkara-perkara yang terlibat oleh PERHEBAT bagi membantu anggota bekas perajurit dan keluarga mereka.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang peserta-peserta yang telah mengikuti kursus-kursus PERHEBAT, adakah PERHEBAT mengadakan satu analisa tentang kejayaannya. Saya mengatakan begini, kerana semasa saya menginterview kebanyakan daripada bekas-bekas perajurit ini, kebanyakan mereka mengatakan yang mereka mengikuti kursus-kursus yang tidak sesuai dengan kehendak mereka, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya baru setahun dapat mengadakan kursus-kursus ini, adalah terlampau awal saya kira untuk kita hendak menganalisis kejayaan setiap peserta yang mengikuti kursus di PERHEBAT. Mungkin ada beberapa rancangan yang kurang bersesuaian dengan apa yang telah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang boleh dihebatkan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ya, itu pun mereka pilih sendiri, bukan kita paksa mereka, mungkin boleh kita bincangkan dan mungkin boleh ubahsuai tentang mereka ingin mengikuti kursus yang diadakan oleh pihak PERHEBAT. Okay, itu PERHEBAT.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang PERNAMA—perlu saya jawab di sini di mana hanya 15 jenis barangan yang diberi oleh kerajaan bebas cukai 'duty free'. Ini tertakluk kepada kerajaan, Yang Berhormat, bukan ditentukan oleh

Kementerian Pertahanan, tentang harga dan potongan harga, tentang bebas cukai ini ditentukan oleh pihak kerajaan. Kalau kita boleh ramai-ramai melalui Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat, Dewan Negara mendesak kerajaan supaya memberi lagi banyak kemudahan bebas cukai kepada lebih banyak barangan khusus untuk anggota tentera, saya akan menyokong sepenuhnya peranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, agar lebih banyak barang-barangan, apa lagi barang-barangan yang penting agar dapat diberikan potongan cukai tetapi tertakluk kepada dasar kerajaan kita, bukannya ditentukan oleh Kementerian Pertahanan.

Memang benar, kita akan cuba menggalakkan anggota-anggota ataupun keluarga anggota terlibat dalam mengendalikan kedai-kedai PERNAMA ini yang berjumlah lebih kurang 69 buah di seluruh negara. Begitu juga dengan hospital-hospital tentera, di mana Ahli Yang Berhormat sarankan, perlu diperlengkapkan. Ini pun tertakluk kepada peruntukan juga, kalau lebih peruntukan, insya-Allah kita mahu mewujudkan hospital-hospital yang terbaik di kalangan anggota tentera yang ada di seluruh dunia, tetapi ini pun juga terpaksa kita meminta pihak Kementerian Kewangan dan kerajaan bagi menentukan peruntukan.

Akhirnya, saranan Ahli Yang Berhormat terhadap Persatuan Bekas-bekas Perajurit, khusus kepada Yang di-Pertuanya, kerana beliau tidak ada di sini, mungkin saya bolehlah nasihat beliau seperti Ahli Yang Berhormat sendiri telah menasihatkan pada tengah hari ini, mungkin kita boleh beri dia satu naskah *Hansard* untuk dibaca, saya kira *Hansard* itu amat bernas dan harus diambil kira oleh Yang

Berhormat, Yang di-Pertua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Sairin juga menyentuh tentang pesara-pesara yang wujud sebelum merdeka. Saya ingin menyatakan bahawasanya mereka yang bertugas sebelum merdeka dengan tentera British, dengan tentera Komanwel masih lagi boleh menyertai sebagai ahli kepada Persatuan Bekas-bekas Perajurit Malaysia dan dengan itu juga mereka boleh mendapat bantuan daripada pihak PERHEBAT dan sebagainya. Tetapi mereka mestilah tampil ke hadapan mendaftarkan diri dan sebagainya, kalau tidak kita tidak akan dapat tahu sebab jumlah anggota tentera kita yang telah pun bersara menjangkau ke ratusan ribu tidak mungkin pihak kerajaan ataupun PERHEBAT mahu pun LTAT dapat mendapati mereka sekiranya mereka sendiri tidak datang menampilkan diri.

Berkenaan dengan taraf Border Scouts ataupun PPH, sama ada PPH termasuk di bawah polis. Border Scout ini saya kurang pasti sebab ini satu jawatan yang lama, saya akan siasat dan saya akan memberitahu Ahli Yang Berhormat tentang takrif ataupun kumpulan manakah Border Scouts ini akan diletakkan di bawah angkatan tentera atau di bawah polis?

Tuan Yang di-Pertua: Polis!

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Oh, di bawah Polis, ya Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Saya hanya buat suggestion sahaja.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tentang saranan tanah diberikan kepada balu-balu ataupun bekas tentera, memang ini satu perkara yang kita harus galakkan, tetapi oleh kerana

isu tanah ini di dalam bidang kuasa kerajaan negeri, pihak kementerian hanya boleh memberi sokongan dan memberi suatu galakan dan juga memohon kepada pihak kerajaan negeri agar memberi satu pertimbangan yang khusus kepada bekas tentera, kepada balu-balu yang mana mereka telah banyak berkorban, khususnya suami mereka, kepada negara, hinggakan ada yang meninggal dunia, maka pihak kerajaan-kerajaan negeri haruslah memberi satu keutamaan kepada mereka yang memohon tapak tanah untuk mereka dapat terus hidup seperti orang biasa.

Tentang skim insurans nyawa, memang telah pun ada dibuatkan oleh Kementerian Pertahanan dan terpulanglah kepada anggota tentera kita sendiri untuk mencarum kepada insurans nyawa ini yang mana skimnya amat menarik sekali dan mereka hanya membayar premium yang paling rendah yang diuruskan oleh pihak kementerian.

Tuan Haji Sairin bin Karno:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan mengenai dengan 'education policy' sama ada ini dimasukkan di dalam perkara Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kalau Yang Berhormat maksudkan 'education policy' kepada angkatan tentera yang masih bertugas memang kita menggalakkan kini anggota-anggota kita melanjutkan pelajaran mereka, kita sedang berusaha, berbincang dan telah pun

mendapat beberapa persetujuan dengan beberapa badan dan institusi kewangan untuk mendapat pinjaman bagi mereka meneruskan pengajian mereka di peringkat-peringkat yang lebih tinggi lagi, serta juga dengan institusi-institusi yang tertentu mendapatkan tempat bagi anggota kita mendapatkan pelajaran tinggi. Kepada mereka yang telah pun meninggalkan anggota tentera ataupun mereka yang bapanya telah meninggal, tadi ada kita beritahu bahawasanya kita ada memberi bantuan persekolahan kepada murid-murid yang mana bapa mereka telah meninggal semasa dalam perkhidmatan dan sebagainya. Memang sepatutnya ada kita memberi bantuan-bantuan kepada anak-anak mereka yang mana bapa mereka telah pun meninggal semasa bertugas.

Tuan Haji Sairin bin Karno:
(Bangun)

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ahli Yang Berhormat juga menyarankan supaya satu badan khas diwujudkan untuk memastikan agar anggota yang mahir ini mendapat kerja. Ini pun kita sedang usahakan agar kita dapat menggalakkan, mengenal pasti mereka yang mahir untuk kita salurkan kepada bidang-bidang yang tertentu yang mana kita melalui LTAT ada melabur dalam berbagai-bagai industri malah kerajaan pun telah menubuhkan beberapa badan tertentu untuk menceburkan diri dalam bidang industri pertahanan, mereka yang agak ada kemahiran, kita galakkan untuk bertugas dalam syarikat-syarikat yang dipunyai ataupun diawasi (control) oleh pihak kerajaan ataupun badan-badan yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin, adakah ingin minta penjelasan ataupun sudah jelas?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Sudah jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas, baik.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan menyarankan agar tabung tersebut dapat digunakan sebaik mungkin, dengan cadangan satu daripadanya ialah membuka tanah baru untuk kita berikan kepada anggota-anggota tentera kita yang berpangkat rendah, ini pun kita harus bincang dengan pihak kerajaan negeri, saya kira kalau pihak kerajaan negeri boleh menyediakan tanah-tanah untuk tujuan tersebut, pihak kita di kementerian boleh berbincang untuk mencari jalan bagaimana kita boleh memajukan tanah-tanah tersebut untuk kita serahkan kepada mereka yang memerlukannya.

Tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, dari segi masalah perumahan, anggota yang masih bertugas, saya telah pun diberitahu bahawasanya dalam sedikit masa lagi, perumahan kepada anggota yang masih bertugas akan diselesaikan sepenuhnya dalam masa setahun atau dua tahun lagi oleh kerana projek perumahan yang sedang dilaksanakan bagi anggota tentera kita begitu rancak dijalankan. Tetapi untuk bekas tentera ini, ada masalah sedikit, oleh kerana terlampau ramai sangat dan inilah kita minta kalau boleh pihak kerajaan negeri memberi sedikit pertimbangan atau simpati kepada mereka dan pihak kita boleh melihat cara mana kita boleh membantu mereka sekiranya tapak tanah dapat diadakan dan melalui tabung-tabung tertentu, mungkin ataupun melalui pinjaman yang boleh kita pertimbangkan kepada mereka yang layak untuk mereka mendapatkan

sebidang tanah dan sebuah rumah untuk didirikan.

Begitu juga dengan pinjaman untuk industri kecil dan sederhana, pihak PERHEBAT memang ada skim untuk memberi pinjaman kepada mereka yang akan bersara atau telah bersara untuk menceburkan diri dalam industri kecil dan sederhana. Mereka boleh memohon kepada pihak PERHEBAT dengan pinjaman, yang mana interestnya begitu rendah sekali, lebih kurang 4% setahun sahaja. Ini satu galakan yang sangat baik untuk diberikan kepada mereka yang akan bersara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Zuki minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak beri penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Beri penjelasan atau minta penjelasan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya hendak beri penjelasan sedikit, sebab Timbalan Menteri tadi merayu kepada kerajaan negeri untuk memberi tanah kepada bekas-bekas perajurit. Ini telah pun berlaku, misal contohnya di Koyan, ramai bekas perajurit yang telah menjadi peneroka dan mendapat hasil daripada pemberian kerajaan-kerajaan negeri ini—tanya kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad Abdullah.....

Tuan Yang di-Pertua: Koyan itu dimana?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Koyan itu di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua: Di kawasan Dato' Zuki?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dan banyak lagi di lain-lain tempat.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan itu dan kita berharap lebih banyak kerajaan negeri yang baik seperti Pahang supaya pembelaan kepada mereka ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Pahang itu semuanya besar.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Fasal dia besar? Saya setuju dengan Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Hanipah bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hanipah hendak minta penjelasan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Bukan soalan tambahan, minta penjelasan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta penjelasan, saya ingin tahu adakah pihak kerajaan menyimpan rekod balu-balu bekas perajurit. Kalau sekiranya ada, adakah balu-balu ini masih mempunyai hak untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang ada di peringkat kementerian seperti pinjaman, bantuan pendidikan, pinjaman perumahan dan lain-lain lagi kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, biasanya selepas seseorang pegawai itu meninggal dunia, pihak kementerian akan mendapatkan segala bayaran atau

pun segala bentuk sumbangan yang diberikan oleh pelbagai pihak iaitu oleh pihak kerajaan, oleh tabung tertentu, oleh LTAT dan kita berikan kepada balu-balu berkenaan. Terserah kepada balu itu untuk menggunakan sumbangan itu sebaik mungkin dan selepas itu kalau mereka datang untuk mendapatkan pertolongan dari pihak kementerian, biasanya kita akan mempertimbangkannya.

Tidaklah ada satu usaha yang khusus kita buat sepanjang masa untuk membantu balu-balu dan anak-anak mereka, tetapi kita hanya membuat apabila ada kes-kes tertentu yang dibawa kepada pengetahuan kita, kerana jumlahnya terlalu banyak sangat. Kita tahu kini jumlah bekas anggota tentera yang ada mungkin 300,000. Balu-balu yang ada mungkin tidak seramai itu, tetapi ramai jugalah. Makanya kita terpaksa tengok keadaan—macam mana. Sekiranya mereka datang dengan apa-apa masalah yang berpatutan, insya-Allah, pihak kerajaan dan pihak kementerian serta badan-badan tertentu saya kira boleh mempertimbangkannya.

Yang Berhormat Senator Datin Hajah Wan Intan juga menyentuh tentang Persatuan Bekas-bekas Perajurit. Ini pun disarankan juga oleh Yang Berhormat Senator Yang di-Pertua Persatuan Bekas-bekas Perajurit yang mana Yang Berhormat meminta supaya jumlah yang dipungut itu diumumkan kepada rakyat ramai. Ini juga satu saranan yang ditujukan kepada Persatuan yang bolehlah dinasihatkan ataupun meminta pihak beliau yang saya percaya memang ada penyata tahunannya yang diaudit dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan, kita boleh semak dan boleh tahu berapa banyak di dapati dan ke mana pula duit itu disumbangkan.

Akhirnya, saya juga mengucapkan terima kasih di atas ucapan terima kasih Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri di atas taklimat yang diberikan oleh kementerian kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Saya berharaplah sekiranya ada taklimat sedemikian akan lebih ramai Ahli Yang Berhormat hadir kerana ia satu taklimat yang saya kira begitu bernas sekali yang mana kita sama-sama dapat memahami dengan lebih dekat lagi tentang masalah pertahanan negara, tentang peranan yang kita mainkan di peringkat antarabangsa dan tentang pengorbanan yang dibuat oleh anggota-anggota kita yang mana kita tidak boleh sentiasa mendabik dada atau pun kita tidak boleh hendak ketengahakan secara umum sebab banyak masalah tentang Kementerian Pertahanan ini yang dianggapkan sulit dan rahsia dan hanya kepada Yang Berhormat sahajalah yang kita beri taklimat sebegitu—tidak boleh kita berikan kepada umum. Jadi, saya berharap di lain kali kalau ada taklimat yang seperti ini dimintalah hadir di mana kita boleh memberi penerangan yang lebih khusus dan lebih mendalam lagi yang mana kita tidak boleh memberi kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya sentuh dalam perbahasan ini dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian yang mana telahpun membangkitkan perkara yang begitu baik sekali dan pihak kementerian saya amat menyanjung tinggi dan mana-mana perkara yang tidak dapat saya sentuh, pegawai-pegawai saya yang berada di hadapan dan di belakang akan diambil catatan dan kita akan bertindak mengikut keadaan semasa berkenaan dengan perkara tertentu.

Oleh itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang akan ditentukan kelak. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat sejahtera dan selamat maju jaya, terutama pada musim ini kepada Ahli-ahli UMNO, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.10 malam.